


**Jilid IV  
Bil. 15**



**Hari Isnin  
31hb Mac, 1986**

**MALAYSIA**

# **PENYATA RASMI PARLIMEN**

**PARLIAMENTARY DEBATES**

**DEWAN RAKYAT**  
*HOUSE OF REPRESENTATIVES*

**PARLIMEN KEENAM**  
*Sixth Parliament*

**PENGGAL KEEMPAT**  
*Fourth Session*

## **KANDUNGANNYA**

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**  
**[Ruangan 2241]**

**USUL:**

**Rancangan Malaysia Kelima 1986-1990 [Ruangan 2294]**

MALAYSIA  
**DEWAN RAKYAT YANG KEENAM**

*Penyata Rasmi Parlimen*

**PENGGAL YANG KEEMPAT**

**AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.M.N (Kubang Pasu).

Yang Berhormat Menteri Kerjaraya, DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungei Siput).

„ Menteri Luar Negeri, Y.B.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Ulu Kelantan).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perusahaan Awam, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

„ Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).

„ Menteri Pelajaran, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).

„ Menteri Penerangan, DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).

„ Menteri Kesihatan, DATO' MAK HON KAM, D.P.M.P., J.M.N. (Tanjong Malim).

„ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATUK SERI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).

„ Menteri Wilayah Persekutuan, DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).

- Yang Berhormat Menteri Pertanian, TUAN ANWAR BIN HAJI IBRAHIM (Permatang Pauh).
- .. Menteri Kehakiman dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK DR JAMES P. ONGKILI, S.P.D.K., D.I.M.P. (Tuaran).
- .. Menteri Kebajikan Masyarakat, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).
- .. Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO MOHAMED KHALIL BIN YAAKOB, D.S.A.P., J.S.M. (Maran).
- .. Menteri Kewangan, TUAN DAIM ZAINUDDIN (Kuala Muda).
- .. Menteri Pengangkutan, DATO DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Mata Kuching).
- .. Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- .. Menteri Buruh, DATO LEE KIM SAI, D.P.M.S., P.P.N. (Ulu Selangor).
- .. Timbalan Menteri Pertanian, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- .. Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- .. Timbalan Menteri Buruh, DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- .. Timbalan Menteri Buruh, DATUK WILLIAM LYE CHEE HIEN, P.G.D.K. (Gaya).
- .. Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- .. Timbalan Menteri Pertahanan, DATO ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., J.M.N. (Paloh).
- .. Timbalan Menteri Pertanian, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- .. Timbalan Menteri Penerangan, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- .. Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATIN PADUKA CHOW POH KHENG *alias* ROSEMARY CHONG, D.P.M.S. (Ulu Langat).
- .. Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, PUAN SHARIFFAH DORAH BINTI DATO' SYED MOHAMMED, S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Semerah).
- .. Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN, S.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh).
- .. Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., S.M.J. (Segamat).
- .. Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO DR TAN TIONG HONG, D.S.A.P. (Raub).
- .. Timbalan Menteri Pengangkutan, PUAN HAJJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., S.M.S., A.M.N., P.J.K. (Selayang).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan, DATO SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).
- .. Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, PUAN NAPSIAH BINTI OMAR (Kuala Pilah).
- .. Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, A.M.K. (Kulim-Bandar Baru).
- .. Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO RADZI BIN SHEIKH AHMAD, D.P.M.P. (Kangar).
- .. Timbalan Menteri Kewangan DATO' OO GIN SUN, D.S.D.K., S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- .. Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, TUAN AHMAD SHAH BIN DATUK HUSSEIN TAMBAKAU, B.S.K. (Keningau).
- .. Timbalan Menteri Kerjaraya, DATO ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai).
- .. Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, A.M.P., A.M.K. (Hilir Perak).
- .. Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN HAJI ABDUL RAHIM BIN ABU BAKAR, S.M.P., A.M.N. (Kuantan).
- .. Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA (Batu Pahat).
- .. Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDILLAH BIN HAJI ABDUL HAMID (Silam).
- .. Timbalan Menteri Penerangan, TUAN NG CHENG KUI (Lumut).
- .. Timbalan Yang di-Pertua, DR ABDUL HAMID BIN PAWANTEH (Arau).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, P.B.S. (Sarikei).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN HUSSEIN BIN MAHMUD (Tanah Merah).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN AU HOW CHEONG, K.M.N., A.M.P. (Telok Anson).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, A.M.P. (Gerik).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN AWANG BIN JABAR, A.M.N., P.J.K. (Dungun).
- .. Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD (Tumpat).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN BAN HON KEONG (Batu Gajah).
- .. TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- .. TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K., A.S.D.K. (Kinabatangan).
- .. DATO ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Terengganu).
- .. TUAN ABDUL RAHMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).
- .. DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- .. DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- .. TUAN HAJI AFFANDY BIN TUN HAJI MOHD. FUAD STEPHENS (Marudu).
- .. TUAN AHMED HAMBAL BIN YEOP MAJLIS, P.P.T. (Parit).
- .. TAN SRI DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, P.M.N., D.P.M.S., J.M.N., (Kuala Langat).
- .. DATUK ALFRED JABU ANAK NUMPANG, P.N.B.S., K.M.N. (Betong).
- .. TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Terengganu).
- .. TUAN ANDREW JANGGI MUYANG (Lubok Antu).
- .. TUAN HAJI AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- .. TUAN BAHARI BIN HARON (Labis).
- .. TUAN BAHAROM BIN HAJI BAKAR (Padang Terap).
- .. DR GEORGE CHAN HONG NAM (Lambir).
- .. TUAN CHAN KOK KIT (Sungai Besi).
- .. DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- .. DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Beras).
- .. DATO CHIN HON NGIAN, D.S.I.J., S.M.J. (Rengam).
- .. TUAN PETER CHIN GAN OON, P.M.P. (Ipoh).
- .. TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., D.G.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).
- .. DATUK CLARENCE E. MANSUL, P.G.D.K. (Penampang).
- .. DATUK EDMUND LINGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- .. DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S. (Batang Lupar).
- .. TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- .. TUAN NEWMAN GABAN (Bandau).
- .. TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- .. TUAN V. GOVINDARAJ, A.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- .. DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K., S.P.M.J. (Ulu Padas).

- Yang Berhormat TUAN HASSAN BIN HAJI MOHAMED, K.M.N., A.M.N. (Rantau Panjang).
- „ TUAN HASSAN ALBAN BIN HAJI SANDUKONG, J.P. (Labuk Sugut).
- „ DATO DR HEE TIEN LAI, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I., J.P. (Ayer Hitam).
- „ TUAN IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N.A. (Kemaman).
- „ DATO JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN JUSTINE ANAK TEMENGGONG JINGGUT (Ulu Rajang).
- „ TUAN KADOH BIN AGUNDONG (Ulu Padas).
- „ DATO' SERI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ TUAN KAN YAU FA, A.S.D.K. (Tawau).
- „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN KHADRI BIN SABRAN (Tenggaroh).
- „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- „ DR KOH TSU KOON (Tanjong).
- „ DATO LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- „ DATUK LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, P.N.B.S., P.B.S. (Kapit).
- „ DATO LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N. (Shah Alam).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM LIANG SENG, P.P.T. (Kinta).
- „ TUAN LING SIE MING (Sibu).
- „ TUAN MAMAT GHAZALEE BIN ABDUL RAHMAN, S.M.T., P.J.K. (Ulu Nerus).
- „ DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, A.M.N. (Pekan).
- „ DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).
- „ TUAN MOHAMED RAZLAN BIN HAJI ABDUL HAMID, P.P.N., P.P.T. (Matang).
- „ DATO HAJI MOHAMED SUHAIMI BIN DATO HAJI KAMARUDDIN, D.P.M.S., A.M.N. (Sepang).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ TUAN MOHAMMAD IDRIS BIN MOHAMMAD BASRI (Setapak).
- „ DATO MOHAMMAD YAHYA BIN LAMPONG, A.S.D.K. (Kota Belud).

- Yang Berhormat TUAN MOHAMMED YUSSOF BIN HAJI YAKOB (Hilir Padas).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN MOKHTARAM BIN RABIDIN, A.M.N., P.P.N., P.I.S. (Pontian).
- „ TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).
- „ DATO MUSA HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Panti).
- „ TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- „ DATO DR NEO YEE PAN, S.P.M.J., B.S.I. (Muar).
- „ DATO' HAJI NGAH BIN HAJI ABDUL RAHMAN, S.P.M.J., S.S.I.J., P.I.S., B.S.I., A.M.N., J.P. (Ledang).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ DATO' DR NIK HUSSAIN BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.K., K.M.N. (Kuala Krai).
- „ TUAN OMAR BIN ABDULLAH (Tampin).
- „ TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Ulu Muda).
- „ DATUK PENGIRAN OTHMAN BIN HAJI PENGIRAN RAUF, P.G.D.K., A.D.K. (Kimanis).
- „ TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
- „ TUAN QUAH WEE LIAM, P.I.S., B.S.I. (Kluang).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- „ DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Padang Rengas).
- „ TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- „ TUAN HAJI SEROJI BIN HAJI HARON, A.M.N., P.P.N., B.K.M. (Baling).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., P.K.T., J.P. (Balik Pulau).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Damansara).
- „ TUAN TAN KOK HOOI (Padang Serai).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMAD (Jerantut).
- „ WAN IBRAHIM BIN WAN ABDULLAH (Pasir Mas).
- „ TUAN HAJI WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir Puteh).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN YAHYA BIN HAJI ZAKARIA, P.P.T. (Bagan Datok).

Yang Berhormat TUAN YEOH POH SAN (Petaling).

„ TUAN YEW FOO WENG (Menglembu).

„ DATIN PADUKA HAJJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S.,  
K.M.N. (Tanjong Karang).

## DEWAN RAKYAT

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

### BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Yahya Manap.

Penyunting Kanan: P. B. Menon.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: N. Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad.

### *Pemberita-pemberita:*

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

### BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim

MALAYSIA  
DEWAN RAKYAT

---

Isnin, 31hb Mac, 1986

---

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang*

DOA

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-*  
*pengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN  
MULUT BAGI  
PERTANYAAN-  
PERTANYAAN

**RAPAT UMUM—PENGHARAMAN**

**1. Tuan Lim Kit Siang** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada rapat-rapat umum masih diharamkan di negara ini dan jika ya, mengapa Perdana Menteri merangkap Presiden Barisan Nasional dibenarkan menganjur rapat-rapat umum di seluruh negara.

7-4-86

**22. Tuan Chan Kok Kit** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan disebabkan rapat umum telah diharamkan di negara ini mengapa pihak polis membenarkan Perdana Menteri merangkap Presiden UMNO menganjur dan berucap di rapat-rapat umum haram di negara ini sejak bulan lepas, dan bukan ini memperlihatkan pihak polis mengamalkan "double standards" dalam pelaksanaan undang-undang.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin

menjawab soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka ini serentak dengan soalan dari Ahli Yang Berhormat dari Sungai Besi yang dijadualkan dikemukakan di Dewan ini pada 7-4-1986 kerana kedua-dua soalan ini adalah mengenai perkara yang sama.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Baiklah.

**Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad:** Terima Kasih.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, dasar pengharaman rapat umum parti-parti politik masih berkuatkuasa. Pengharaman ini juga meliputi kepada pertubuhan-pertubuhan bukan siasah yang hendak mengadakan rapat umum, perhimpunan ataupun forum-forum yang berunsur siasah di tempat-tempat awam. Bagaimanapun parti-parti siasah dan lain-lain pertubuhan boleh mengadakan perhimpunan-perhimpunan atau forum-forum yang tidak terbuka secara umum kepada orang-orang awam. Ini berarti, mereka boleh mengadakan perhimpunan di dalam bangunan atau dewan dan dihadkan kepada Ahli-ahli mereka dan para undangan atau para jemputan sahaja. Sekiranya pengharaman rapat umum ditarik balik, pihak-pihak tertentu akan mengambil kesempatan untuk memperdebatkan isu-isu semasa yang mana akan menjejaskan perpaduan rakyat, keselamatan negara dan ketenteraman awam.

Kementerian Dalam Negeri sedia maklum bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menghadiri beberapa perhimpunan awam di seluruh negara. Lawatan-lawatan beliau ke negeri-negeri adalah sebagai seorang pemimpin negara yang ingin menemui rakyat secara peribadi di samping dapat menerangkan di atas dasar-dasar Kerajaan dan menyeru rakyat berusaha ke arah kemakmuran negara. Di samping itu juga Yang Amat Berhormat dapat menjelaskan di atas beberapa isu-isu semasa yang telah diutar-belitkan oleh pihak-pihak tertentu. Lawatan-lawatan itu juga merangkumi upacara-upacara perasmian bangunan atau sebagainya dan kebenaran polis yang diberi adalah kepada Kerajaan Negeri yang menganjurkan perhimpunan tersebut.

Kementerian ingin menegaskan bahawa pihak polis selaku pihak berkuasa yang bertanggungjawab dalam mengeluarkan kebenaran untuk mengadakan perhimpunan tidak pernah mengamalkan prinsip "double standard" dalam pelaksanaan undang-undang. Kebenaran yang diberi kepada Kerajaan-kerajaan Negeri untuk mengadakan sesuatu perhimpunan adalah semata-mata bertujuan untuk menyambut Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selaku pemimpin negara. Pada pandangan pihak polis, perhimpunan sedemikian tidak mendatangkan apa-apa gangguan terhadap keselamatan dan ketenteraman negara.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa rapat umum yang diadakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di setiap negeri tidak berbeza daripada rapat-rapat umum parti-parti politik oleh kerana, pertama, ucapannya berbau parti-parti politik, topik-topik ialah mengenai parti-parti politik.

Kedua, terdapat di rapat-rapat umum bendera-bendera parti-parti politik UMNO, MCA, GERAKAN, MIC yang menunjukkan itulah satu perhimpunan parti politik.

Ketiga, bahawa inilah satu kempen pra-election. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa Kerajaan patutlah serahkan perkara ini kepada mahkamah untuk menentukan sama ada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sudah pecah pengharaman dalam perkara ini, dan Kerajaan tidak patut membuat satu pengadilan (judgement) bahawa ini boleh dibenarkan apabila lain-lain parti politik tidak boleh mengadakan rapat umum dan kalau tidak, dengan izin, law breaker yang terbesar dalam negara ini tidak lain daripada Perdana Menteri sendiri dan akankah Kerajaan rela untuk serahkan perkara ini kepada mahkamah, tangkah Perdana Menteri, dakwa di mahkamah dan terserah kepada mahkamah untuk menengok sama ada pecah pengharaman undang-undang atau tidak supaya menguphold prinsip keluhuran undang-undang di negara kita?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Dua soalan yang terakhir adalah berasaskan andaian dan tidak dibenarkan.

**Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, mungkin Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka tidak mengetahui bezanya di antara seorang yang menjadi Pemimpin Negara selaku Perdana Menteri dengan seorang yang menjadi mungkin Ketua Pembangkang sahaja.

Selaku Perdana Menteri dan juga pemimpin negara, Yang Amat Berhormat berhak berjumpa dengan rakyat dan jika Yang Amat Berhormat melakukan satu cara untuk berjumpa dengan rakyat ataupun melakukan

perasmian bangunan dan sebagainya, rakyat beribu-ribu turun, ada yang memegang bendera dan ada yang tidak memegang bendera dan berpekik-pekik, itu adalah hak rakyat yang datang menunjukkan sokongan mereka kepada Perdana Menteri. Jadi, saya tidak nampak kenapakah kita perlu membawa kes sedemikian rupa dan kemukakan kepada mahkamah kerana dalam negara kita yang mengamalkan sistem demokrasi berparlimen, Perdana Menteri selaku orang nombor satu dalam Kerajaan berhak untuk menemui rakyat dan pihak polis iaitu pihak yang berkuasa untuk mengeluarkan lesen-lesen dan permit berkenaan dengan perhimpunan ini telah memberi jaminan bahawa mereka boleh mengawal keselamatan, apatah lagi bila seorang itu seorang Perdana Menteri.

**Tuan Alias bin Md. Ali:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya Timbalan Menteri berkenaan sama ada beliau sedar bahawa dalam keadaan sekarang ada puak-puak yang dengki hati sebenarnya oleh kerana jelas terbukti daripada lawatan Yang Amat Berhormat ke negeri-negeri itu rakyat keluar beramai-ramai menunjukkan sokongan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan bahawa rakyat lebih ramai mengasihi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri daripada mengasihi atau menunjukkan sokongan kepada parti pembangkang.

**Dato Radzi bin Sheikh Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, memanglah benda ini ternyata kalau kita mengikuti lawatan-lawatan yang telah dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk bertemu dengan rakyat dan menjelaskan beberapa dasar berkenaan dengan dasar-dasar Kerajaan yang telah diperkenalkan oleh Kerajaan yang mana Yang Amat

Berhormat Perdana Menteri menjadi Ketua Kerajaan.

## SYARIKAT SENDIRIAN BERHAD—PINJAMAN

2. **Tuan Haji Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed** minta Menteri Kewangan menyatakan berapa banyakkah syarikat-syarikat sendiri berhad dan berhad yang mempunyai modal berbayar (paid-up capital) sebanyak \$2.00 tetapi dengan mudah dapat meminjam berjuta-juta ringgit dengan menggunakan kedudukan tinggi dan pengaruh yang kuat pemegang saham serta dengan kertas kerja yang tebal-tebal sahaja. Tetapi sebaliknya syarikat bumiputera yang hendak pinjam beberapa ribu sahaja terpaksa mempunyai cagaran itu dan cagaran ini serta terpaksa menunggu bertahun-tahun baharu diluluskan, kadang-kadang ditolak.

**Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Oo Gin Sun):** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya tidak mempunyai maklumat spesifik berhubung dengan pertanyaan Ahli Yang Berhormat. Walau bagaimanapun, adalah tidak benar untuk menyatakan bahawa pinjaman diberi berasaskan kepada kedudukan tinggi dan pengaruh yang kuat. Institusi kewangan memberi pinjaman berasaskan kepada faktor-faktor berikut:

- (i) daya maju projek;
- (ii) amalan bank yang berhati-hati (banking prudence);
- (iii) cagaran;
- (vi) garis panduan pinjaman yang ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia. Garispanduan ini menentapkan keperluan minimum pinjaman yang perlu diberikan oleh sesebuah institusi kewangan kepada

masyarakat Bumiputera, perusahaan kecil dan penglibatan pinjaman perumahan.

Asas-asas yang digunakan ini adalah bertujuan bagi memastikan pinjaman yang diberikan dapat dibayar balik.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, daripada pinjaman baru yang berjumlah \$7,736.8 juta yang diberikan oleh institusi kewangan dalam tahun 1985, sejumlah \$3,374.7 juta atau 43.6% adalah diberikan kepada masyarakat Bumiputera. Di samping itu, bank-bank perdagangan dan syarikat-syarikat kewangan juga telah memberi pinjaman melebihi had minimum garispanduan pinjaman yang ditetapkan.

Pada 31hb Disember, 1985, jumlah pinjaman yang diberikan kepada masyarakat Bumiputera oleh bank-bank perdagangan dan syarikat-syarikat kewangan, masing-masing berjumlah 32.7% dan 33.6% daripada jumlah pinjaman yang belum dijelaskan pada 31hb Disember, 1984 berbanding dengan keperluan minimum sebanyak 20%.

Mengenai permohonan pinjaman, pemohon-pemohon pinjaman hendaklah memastikan institusi-institusi kewangan tentang keutuhan kredit mereka dan juga keupayaan serta kebolehan mereka untuk membayar balik pinjaman. Institusi kewangan juga memerlukan masa untuk memproses permohonan pinjaman bagi menilai daya maju projek yang akan dibiayai itu.

Dalam kes-kes tertentu, kelewatan timbul disebabkan kekurangan maklumat yang diberikan oleh pemohon-pemohon dan dengan itu, institusi-institusi yang memberi pinjaman, terpaksa meminta maklumat tambahan atau meminta

penjelasan sebelum ianya dapat menyempurnakan kerja memproses sesuatu permohonan.

Sekiranya Ahli Yang Berhormat sedar, ada kes-kes di mana sesebuah institusi kewangan itu dengan sengaja cuba melambat-lambatkan proses permohonan pinjaman, saya cadangkan supaya Ahli Yang Berhormat melaporkan kes-kes ini kepada Bank Negara untuk tindakan sewajarnya.

**Tuan Khadri bin Sabran:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi ada menyatakan beberapa garispanduan diberikan untuk membolehkan sama ada orang perseorangan, perkongsian ataupun syarikat mendapatkan pinjaman-pinjaman daripada institusi-institusi kewangan di dalam negara kita ini.

Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri iaitu sejauh manakah telah terlaksana ataupun telah dipraktikkan oleh bank-bank perdagangan yang wujud di dalam negara kita ini mengenai pinjaman tanpa cagaran sehingga \$50,000. Dan saya ingin tahu apa maksud sebenarnya pinjaman tanpa cagaran ini kerana masyarakat luar bandar terutamanya hanya tahu pinjaman tanpa cagaran yang dilaung-laungkan tetapi apabila mereka hendak pinjam \$3,000-\$4,000 daripada bank-bank perdagangan ada juga cagaran-cagaran yang tertentu yang diperlukan oleh bank-bank perdagangan ini.

**Dato' Oo Gin Sun:** Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan dasar cagaran itu senarainya saya tidak ada di sini, tetapi saya akan beri jawapan secara bertulis kepada Ahli Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan.

*(Soalan No. 3 Y.B. Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan tidak hadir).*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim.

*(Soalan No. 4 Y.B. Tuan Haji Azharul bin Haji Abdul Rahim tidak hadir).*

#### PERTAHANAN NEGARA— MEMPERKUATKAN

5. **Tuan Khadri bin Sabran** minta Menteri Pertahanan menyatakan langkah-langkah yang telah diambil untuk memperkuatkan pertahanan negara terutama sekali dari segi penggunaan dan latihan dalam menggunakan senjata-senjata moden yang digunakan oleh negara-negara maju.

**Timbalan Menteri Pertahanan (Dato Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha):** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pertahanan mempunyai rancangan jangka panjang bagi melengkapkan angkatan tentera kita dengan segala peralatan yang moden. Tetapi disebabkan oleh keadaan ekonomi negara sekarang rancangan ini terpaksa di tangguhkan terlebih dahulu. Walau bagaimanapun, langkah-langkah serta usaha-usaha sentiasa dilakukan untuk menggunakan apa sahaja alat kelengkapan yang sedia ada dengan sepenuh-penuhnya bagi meningkatkan keberkesannya. Tumpuan juga diberikan untuk meningkatkan mutu profesionalisma dan semangat ketenteraan yang tinggi di kalangan anggota tentera melalui berbagai latihan sama atau latihan dalam atau luar negara.

**Tuan Mutang Tagal:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada beliau berpuas hati dengan keadaan air defence negara kita dari serangan-serangan negara luar. Jikalau Yang Berhormat tidak puas hati dengan kedudukan air defence kita yang begitu lemah apakah cadangan-cadangan Kerajaan supaya air defence kita itu di pertingkatkan seperti dengan menggunakan ground-to-air missile yang tidak ada setakat ini kalau dibandingkan dengan Singapura dan Brunei.

**Dato Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha:** Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan pertahanan udara, Tentera Udara Di-Raja Malaysia sedang mengambil bahagian dalam latihan-latihan bersama lima negara atau, dengan izin, Five Power Defence Arrangement di mana Tentera Udara dari lima buah negara ini, khususnya Tentera Udara Di-Raja Malaysia, Tentera Udara dari Singapura, Tentera Udara dari Australia, Tentera Udara dari New Zealand dan kadang-kadang ada juga komponen kecil dari Tentera Udara dari Britain, berlatih untuk mempertingkatkan pertahanan udara di rantau ini.

Berhubung dengan ground-to-air missile, walaupun kita tidak mempunyai ground missile tersebut di Malaysia ini, dalam exercise kita dengan tentera udara yang saya sebutkan tadi ada cara-cara hendak membuat latihan berkenaan dengan bagaimana airforce kita akan bertindak sekiranya kita diserang oleh peluru missile.

#### AJARAN SESAT

6. **Tuan Omar bin Abdullah** minta Perdana Menteri menyatakan apakah sebabnya masih terdapat beberapa

golongan kecil umat Islam yang mudah terpengaruh dengan ajaran yang sesat dan menyesatkan hingga menjejaskan ketenteraman awam. Apakah langkah yang akan diambil oleh Kerajaan seterusnya untuk menyedarkan golongan ini kepada kebenaran memandangkan mereka tidak langsung menghiraukan pandangan orang lain termasuk alim ulama dan majlis fatwa dan sebagainya.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamad Noor):** Tuan Yang di-Pertua, di antara sebab-sebab kenapa masih terdapat beberapa golongan kecil umat Islam yang masih terpengaruh dengan ajaran yang sesat hingga menjejaskan ketenteraman awam ialah:

- (1) adanya beberapa individu yang menyalahgunakan ajaran Islam sehingga sanggup menumpahkan darah orang-orang Islam yang lain demi mencapai tujuan peribadi atau golongan mereka;
- (2) kurangnya pengetahuan mendalam dan amalan sebenar tentang ajaran-ajaran Islam di kalangan segelintir individu dan kumpulan dalam masyarakat Islam; dan
- (3) kurang fahaman atau keengganan mengakui di kalangan beberapa golongan kecil masyarakat Islam bahawa segala dasar-dasar dan program-program Kerajaan bagi kebahagiaan rakyat adalah sejajar dengan kehendak Islam.

Langkah-langkah yang telah dan akan diambil oleh Kerajaan terhadap golongan-golongan sedemikian ialah di antaranya:

- (i) golongan-golongan yang bertindak bagi menimbulkan

hura-hara dan mengancam keselamatan negara akan dikenakan tindakan undang-undang sepenuhnya;

- (ii) golongan-golongan yang kurang faham akan kebaikan dan kebenaran usaha-usaha Kerajaan akan diberi penerangan seterusnya;
- (iii) golongan-golongan yang mempunyai fahaman dan pandangan yang berlainan dari Kerajaan tetapi memberinya secara baik akan terus diberi peluang memberi cadangan-cadangan membina dalam majlis-majlis perbincangan atau muzakarah.

**Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, pertama sekali dari segi hukum, apa hukumnya orang-orang Islam yang enggan menerima dan mematuhi fatwa yang dikeluarkan oleh sebuah Kerajaan Islam dan, keduanya, apakah tindakan yang akan diambil terhadap mereka yang dengan terang-terang menyatakan mereka tidak menerima dan enggan untuk mematuhi fatwa-fatwa ini?

**Dato Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamad Noor:** Tuan Yang di-Pertua, mengenai soalan yang kedua dahulu, apakah tindakan yang akan diambil terhadap mereka yang tidak mematuhi fatwa. Bagaimana yang diketahui bahawa setiap pentadbiran Mahkamah Syariah telah menetapkan beberapa peruntukan bahawa sekiranya sesuatu perbuatan yang dibuat melanggar kaedah-kaedah yang telah digariskan, maka sudah tentu Jabatan-jabatan Agama yang berkenaan boleh mengambil tindakan. Kadar tindakan walaupun tidak ditanya, tetapi ingin saya menjelaskan bahawa perkara ini diberi perhatian yang berat kerana

pada masa yang lepas didapati keputusan terhadap sesuatu perbuatan yang melanggar peraturan tidak begitu berkesan kerana kadar hukuman tidak memuaskan. Mulai daripada 1hb Januari, 1986, kadar tindakan telah ditingkat, telah dilaksanakan dan ini sudah tentu dapat menyakinkan kita semua bahawa perbuatan yang memudah-mudahkan sesuatu keputusan seperti fatwa dan sebagainya dapat diambil dengan berkesan. Sudah tentu saya tidak dapat menyebutkan apakah jenis tindakan yang spesifik atau yang khusus, kerana itu akan bergantung kepada jenis-jenis perbuatan yang dilakukan oleh seseorang.

Mengenai soalan yang pertama, saya ingin mendapat perkara ini sebagai satu kes yang khusus supaya senang saya membuat hukuman.

**Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, maaf. Bukan hukuman, tetapi apa hukumnya orang Islam yang tidak mematuhi fatwa yang ditetapkan oleh sesebuah Kerajaan Islam?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, saya kira soalan Yang Berhormat itu membabitkan satu lagi fatwa, menjawab berkenaan dengan orang yang mengengkar fatwa. Oleh sebab itu, mungkin Yang Berhormat Timbalan Menteri berasa keberatan dengan sedetik mengeluarkan satu lagi fatwa. Ini terpaksa dirujuk dahulu.

#### **PERSIDANGAN PERTUBUHAN NEGARA-NEGARA ISLAM (OIC)—KERJASAMA**

**7. Tuan Mohd. Idris bin Mohd. Basri** minta Menteri Luar Negeri menyatakan mengapakah negara-negara dalam Pertubuhan Negara-negara Islam (OIC) kerap kali gagal mendapat persetujuan sebulat suara dalam apa-apa masalah yang

dibincangkan, dan adakah pertelingkahan sesama sendiri yang menjadi batu penghalang ke arah perpaduan negara-negara Islam bagi menjadikan OIC sebagai satu badan yang berpengaruh dalam dunia.

**Timbalan Menteri Luar Negeri (Dato Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir):** Tuan Yang di-Pertua, Persidangan Pertubuhan Negara-negara Islam (OIC) pada keseluruhannya telah berjaya untuk mencapai kemajuan kerjasama serta memupuk perpaduan dalam berbagai-bagai bidang di kalangan negara-negara Islam. Sungguhpun ada gejala-gejala yang dapat membawa kepada perpecahan di kalangan negara-negara anggota, namun demikian pada amnya terdapat persefahaman dan semangat setiakawan yang erat di kalangan negara-negara dalam rangka untuk mencapai cita-cita dalam matlamat OIC.

Kita jangan sekali-kali tersalah faham tentang hasil pencapaian OIC kerana OIC adalah merupakan sebuah organisasi Islam yang amat penting yang telah memberikan banyak sumbangan berfaedah terhadap umat Islam seluruhnya. Misalnya usaha-usaha telah dan sedang dilaksanakan dalam bidang kerjasama ekonomi dan perdagangan oleh OIC untuk menguatkan kedudukan ekonomi negara-negara Islam. Ini termasuklah usaha-usaha untuk mengatasi masalah kemiskinan dan kemarau panjang di negara-negara anggota; memperluaskan perdagangan; menubuhkan kerjasama bagi meningkatkan kerjasama ekonomi, perdagangan, kerjasama teknikal, perkapalan, perhubungan dan dalam rangka tenaga kerja. OIC juga menitikberatkan usaha-usaha untuk membasmi penyalahgunaan dadah.

Dalam bidang kebudayaan dan sosial pula, OIC telah memberi

keutamaan kepada usaha-usaha untuk meningkatkan perkembangan kebudayaan dan pengajian Islam selaras dengan kemajuan sains dan teknologi yang wujud hari ini di samping memberi keutamaan kepada projek-projek pemeliharaan warisan-warisan dan kebudayaan Islam. OIC juga sangat memandang berat tentang kedudukan dan keadaan orang Islam minoriti di negara-negara bukan Islam.

Kita tidak dapat menafikan bahawa adanya pertelingkahan dan pertentangan pendapat mengenai masalah-masalah tertentu antara negara-negara anggota OIC. Malangnya perhatian dunia ditumpukan kepada keadaan ini semata-mata dengan tujuan untuk mengecil-gecilkan atau memburukkan imej OIC dan Islam walaupun Bangsa-bangsa Bersatu sendiri tidak dapat menyelesaikan isu-isu tersebut. Kita sangatlah memandang berat akan keadaan ini oleh kerana ianya akan dapat melemahkan kedudukan OIC sendiri dan juga imej OIC di kalangan masyarakat antarabangsa. Oleh itu di mesyuarat-mesyuarat OIC yang lalu, Malaysia bersama-sama dengan negara-negara anggota yang lain telah menitikberatkan masalah ini dan berusaha untuk menyelesaikannya. Malaysia akan terus memainkan peranan aktif dalam rangka ini ke arah mencapai kemajuan dan perpaduan di kalangan negara-negara anggota untuk kepentingan ummah.

**Tuan Ismail bin Said:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada semua negara Islam telah pun menjadi anggota OIC dan juga saya hendak tahu sama ada Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar ataupun tidak ataupun sama ada OIC sedar ataupun tidak, ada setengah-setengah masalah yang tidak dapat

diselesaikan oleh OIC itu sendiri oleh kerana adanya campur tangan daripada kuasa-kuasa besar seperti Amerika Syarikat dan Russia. Jika sedar, apakah sikap OIC itu sendiri berhubung dengan campur tangan ini?

**Dato Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Tuan Yang di-Pertua, setahu saya, semua negara-negara Islam yang mengakui dirinya negara Islam telah pun menjadi anggota OIC. Mengenai campur tangan kuasa-kuasa besar mengenai masalah-masalah di antara anggota-anggota OIC ini sentiasa berlaku dan kita haruslah menganggap perkara ini akan berterusan dan itulah sebabnya segala sengketa di antara anggota-anggota OIC ini, pihak OIC sendiri menumpukan perhatian sepenuhnya untuk mencari penyelesaian dan Malaysia memang selalu dan sentiasa memainkan peranan yang penting supaya masalah-masalah ini dapat diselesaikan, kerana selagi masalah-masalah itu berlarutan, maka selagi itulah ianya akan memberi peluang yang berbagai-bagai kepada kuasa-kuasa besar untuk campur tangan.

#### KAMPUNG BARU— PEMBANGUNAN

**8. Tuan Lee Lam Thye** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:

- (a) berapa banyak wang yang diperuntukkan bagi Pembangunan kampung-kampung baru untuk tahun-tahun 1981, 1982, 1983, 1984 dan 1985; dan
- (b) sejak beliau mengambil alih tugas Menteri, apakah langkah-langkah positif yang telah diambil untuk memastikan pembangunan kampung-kampung baru di seluruh negara.

**27. Tuan Tan Kok Hooi** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan setelah perjumpaan Y.A.B. Timbalan Perdana Menteri dengan wakil-wakil kampung baru pada 19-3-85, apakah tindakan yang telah diambil supaya mengatasi masalah-masalah Kampung Baru.

**Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Chan Siang Sun):**  
Tuan Yang di-Pertua:

- (a) Dalam tempoh Rancangan Malaysia Keempat dari tahun 1981-1985, Kementerian saya telah meluluskan sebanyak \$26.5 juta untuk projek-projek pembangunan kecil dalam kampung-kampung baru. Kelulusan peruntukan mengikut tahun adalah seperti berikut:

1981 .. ..	\$ 8 juta
1982 .. ..	8 juta
1983 .. ..	5 juta
1984 .. ..	2.5 juta
1984 .. ..	3 juta
	<hr/>
Jumlah ..	26.5 juta
	<hr/>

Jawapan (b), Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, saya ingin menjawab soalan bahagian (b) ini bersama dengan soalan yang ke 27 yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Padang Serai yang berkaitan perkara yang sama.

Tuan Yang di-Pertua, mulai tahun 1986 Kementerian saya telah pun membentuk satu pelan tindakan untuk memastikan bahawa kampung-kampung baru akan menikmati pembangunan yang lebih pesat dan juga supaya masalah-masalah kampung-kampung baru dapat diatasi. Langkah-langkah positif yang telah

dan juga akan diambil ialah seperti berikut:

- (1) Seperti yang saya telah memaklumkan kepada Dewan ini pada 24hb Mac, 1986, Kementerian saya telah pun menjalankan satu kajian klasifikasi kampung-kampung baru untuk mengenalpasti strategi-strategi pembangunan yang sesuai untuk kampung-kampung baru berdasarkan kategori dan jenis. Antara lain, Kementerian ini akan mengenalpasti kampung-kampung baru yang sesuai dan berpotensi untuk dibangunkan sebagai pusat-pusat pertumbuhan ekonomi dan bandar baru yang mempunyai aktiviti-aktiviti ekonomi moden serta perusahaan-perusahaan ringan.
- (2) Sebagai langkah untuk menjalani penyelarasan yang lebih erat antara Kerajaan Pusat dan Kerajaan usat dan Kerajaan Negeri dalam pembangunan kampung-kampung baru serta menyelesaikan masalah yang berkaitan dengan tanah, satu Jawatankuasa Penyelaras Pembangunan Kampung Baru telah ditubuhkan. Jawatankuasa ini telah pun mengadakan mesyuarat yang pertama pada 28hb Februari dan diikuti dengan mesyuarat yang kedua pada 27hb Mac, 1986. Antara lain Kementerian saya telah mensyorkan bahawa di peringkat negeri, Jawatankuasa Penyelaras Pembangunan Kampung Baru dapat ditubuhkan. Kedua, pajakan tanah perumahan kampung baru dilanjutkan bagi tempoh sekurang-kurangnya 60 tahun dan juga penubuhan JKKK (Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung Baru)

dalam negeri-negeri yang belum mempunyai. Kerajaan-kerajaan Negeri yang berkenaan telah pun bersetuju mengkaji cadangan-cadangan Kementerian saya untuk pelaksanaan di negeri masing-masing.

- (3) Untuk memastikan bahawa pelaksanaan pembangunan kampung-kampung baru tidak terjejas ataupun terlambat, Kementerian saya telah pun menubuhkan satu Bahagian Kemajuan Kampung-kampung Baru untuk menyelaras dan juga merancang pembangunan semua kampung-kampung baru. Di samping itu semua jawatan Pegawai Urusan Kampung Baru telah diisikan.
- (4) Kementerian saya juga sedang mengkaji kemungkinan membangunkan kampung-kampung baru melalui projek-projek JAYADIRI seperti koperasi pembangunan. Langkah ini akan menolong masyarakat kampung baru lebih berdikari dan tidak bergantung hanya kepada Kerajaan sematamata untuk pembangunan.
- (5) Saya juga telah memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa Kementerian saya akan meneruskan usaha untuk menjamin bahawa semua kampung-kampung baru mempunyai kemudahan-kemudahan infrastruktur dan sosio-ekonomi melalui projek-projek pembangunan. Sebanyak \$25.3 juta telah diberikan untuk tujuan ini bagi tempoh Rancangan Malaysia Kelima.

Selain daripada langkah-langkah di atas, Kementerian saya juga mempunyai strategi-strategi dan langkah-langkah yang lain dalam

pembangunan kampung-kampung baru. Antara lain adalah:

- (i) memperuntukkan pelan struktur bagi kampung-kampung baru secara berperingkat-peringkat;
- (ii) merangka kegiatan-kegiatan kemasyarakatan untuk memajukan pemikiran masyarakat;

**Timbalan Yang di-Pertua:** Panjang lagikah, Yang Berhormat?

**Dato' Chan Siang Sun:** Satu lagi, Tuan Yang di-Pertua.

- (iii) mempergiatkan usaha pengumpulan data dan pemerosesan data untuk membantu usaha-usaha perancangan dan pembangunan.

**Tuan Lee Lam Thye:** Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Menteri yang berkenaan ada memberitahu bahawa pihak Kementerian berkenaan bercadang untuk mengadakan pelan membangunkan kampung-kampung baru dengan pesat tetapi suka saya bertanya Yang Berhormat Menteri yang berkenaan sama ada beliau sedar bahawa dengan peruntukan yang begitu kecil untuk pembangunan kampung-kampung baru ini macam mana pihak Kementerian beliau dapat melaksanakan berbagai-bagai projek yang telah disebut oleh Yang Berhormat tadi apabila dari jawapan beliau itu tadi ada menyebutkan bahawa peruntukan untuk kampung baru pada Rancangan Malaysia Kelima ialah hanya \$25.3 juta dan apabila dibandingkan dengan Rancangan Malaysia Keempat adalah lebih kurang.

**Dato' Chan Siang Sun:** Tuan Yang di-Pertua, perkara ini telah pun saya jelaskan pada hari yang lepas di dalam Dewan yang mulia ini. Bagaimanapun

saya suka lah menjelaskan sekali lagi iaitu walaupun peruntukan untuk Rancangan Malaysia Kelima cuma \$25.3 juta tetapi kalau dibandingkan dengan Rancangan Malaysia Keempat tidak berapa kurangnya dan sekarang oleh kerana negara kita menghadapi kemelesetan ekonomi, ini saya fikir sebagai Wakil Rakyat, orang-orang dalam negara kita ini bukan tahu perkara ini tetapi tentu menghargai apa yang kita masih dapat memperuntukkan untuk pembangunan dan khasnya dari segi sosio-ekonomi dan sebagainya untuk Rancangan Malaysia Kelima. Kalau keadaan ekonomi akan pulih akan datang ini, barangkali dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelima kita akan boleh mereviewkan peruntukan kita ini. Kepada saya.....

**Timbalan Yang di-Pertua:**  
Mengulangkaji.

**Dato' Chan Siang Sun:** Kajian Pertengahan Rancangan Malaysia Kelima atau Mid-Term Review, dengan izin. Kepada saya, cuma peruntukan untuk membangunkan satu kawasan atau satu tempat barangkali bukanlah satu hal kita sudah dapat katakan satu persatu mengatasi masalah itu. Apa yang penting sekarang dalam zaman pembangunan, dari segi pembaharuan; fikiran rakyat, fikiran penduduk, dari segi penglibatan mereka dengan bergerak di dalam sesuatu rancangan dan juga dari segi motivasi sesuatu golongan atau satu masyarakat, saya fikir juga penting.

Jadi, oleh sebab itulah dengan apa yang saya sebutkan tadi dengan pajakan tanah, kita harap boleh dapat dipanjangkan kepada 60 tahun kampung baru dan juga dengan menempatkan pegawai-pegawai kawasan kampung baru dan juga dengan ditubuhkan di peringkat Negeri Jawatankuasa Penyelaras

Pembangunan Kampung dan juga dengan satu kajian yang kita sedang jalankan sekarang dari segi semangat koperasi di kampung baru, kalau dapat dipraktikkan dengan baik, barangkali dengan adanya semua ini kita dapat penglibatan penduduk dan juga pihak swasta pun sebab dalam Rancangan Malaysia Kelima ini kita menggalakkan mereka menceburkan diri untuk kegiatan-kegiatan khasnya dari segi ekonomi membangunkan kampung-kampung baru. Semuanya ini telah juga saya jelaskan beberapa kali iaitu kita ada juga rancangan jangka panjang dan jangka pendek, cuma kita mementingkan dari segi memberikan peruntukan untuk infrastruktur tetapi rancangan dan program kampung-kampung baru itu ada berpotensi untuk dimajukan sebagai pusat pertumbuhan ekonomi dan kemungkinan menjadikan bandar kecil dengan perusahaan-perusahaan ringan, kategori kampung baru inilah yang kita akan dapat tekankan dan peruntukan tambahan yang berlainan daripada peruntukan untuk infrastruktur akan dapat diberikan kepada kategori seperti ini yang saya telah sebutkan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Haji Ahmed Hambal bin Yeop Majlis.

**Tuan Haji Ahmad Hambal bin Yeop Majlis:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin membuat sedikit pembedaan iaitu barisan 7, "Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ)" adalah di bawah Kementerian Pengangkutan, bukan Kementerian Kerjaya.

Tuan Yang di-Pertua, soalan yang kesembilan.

**JABATAN-JABATAN  
KERAJAAN DI BAWAH SESE-  
BUAH KEMENTERIAN**

**9. Tuan Haji Ahmed Hambal bin Yeop Majlis** minta Perdana Menteri

menyatakan, adakah Kerajaan bercadang untuk meletakkan di bawah satu Kementerian, berapa Jabatan-jabatan Kerajaan yang mempunyai tanggungjawab yang hampir-hampir sama, memandangkan keadaan yang demikian menimbulkan kesulitan-kesulitan rakyat yang terlibat semasa menguruskan masalah-masalah yang berlaku kepada rakyat yang terlibat semasa menguruskan masalah-masalah yang berlaku kepada mereka. Misalnya Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) di bawah Kementerian Pengangkutan, Lembaga Pelesenan Pengangkutan Jalan (LPPJ) di bawah Kementerian Perusahaan Awam; Jabatan Pertanian di bawah Kementerian Pertanian, sementara Lembaga Padi dan Beras Negara (LPN) di bawah Kementerian Perusahaan Awam. Kalau ada cadangan, bilakah akan dilaksanakan, dan kalau sekiranya tidak, mengapakah keadaan yang demikian perlu diteruskan.

**Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri (Tuan Mustaffa bin Mohammad):** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sememangnya sentiasa meletakkan Jabatan-jabatan Kerajaan yang mempunyai tanggungjawab yang hampir sama di bawah pengawasan sesebuah Kementerian yang sama. Walau bagaimanapun, beberapa faktor lain seperti fungsi-fungsi Jabatan-jabatan yang berkenaan perlu diambil kita sungguhpun pada akhirnya Jabatan-jabatan itu mempunyai nama yang hampir sama. Dengan itu, cadangan mengubah keadaan belum lagi timbul.

**Dr Koh Tsu Koon:** Tuan Yang di-Pertua, dengan secara lebih khususnya saya ingin menuju soalan mengenai JPJ dan LPPJ iaitu dua Jabatan yang ada berkaitan yang begitu rapat dengan pengangkutan. Adakah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sedari bahawa perpisahan dua Jabatan ini di

bawah dua Kementerian telah menimbulkan banyak masalah bagi pemandu-pemandu bas sekolah, bas kilang, teksi dan sebagainya kerana kurangnya penyelarasan di antara kedua-dua Jabatan ini dan kedua-dua Jabatan ini nampaknya menetapkan keperluan-keperluan yang berbeza. Adakah Jabatan Perdana Menteri akan mengambil langkah untuk sekurang-kurangnya menyelaraskan dengan lebih licin lagi kedua-dua Jabatan ini kalau bukan untuk menggabungkan kedua-dua Jabatan yang berkaitan yang begitu rapat dengan pengangkutan jalan?

**Tuan Mustaffa bin Mohammad:** Tuan Yang di-Pertua, penyelarasan memang sentiasa diadakan di antara agensi-agensi Kerajaan atau antara Jabatan-jabatan. Bercakap khusus mengenai JPJ dan LPPJ, sukacita saya memaklumkan bahawa JPJ adalah sebuah badan pengawalan dengan izin, regulatory body yang ditugaskan khusus bagi mengawasi pelaksanaan undang-undang dan peraturan lalulintas, sementara LPPJ pula adalah sebuah lembaga yang tugasnya ialah bagi mengawasi perniagaan kenderaan, pengangkutan .....

**Timbalan Yang di-Pertua:** Pelesenan.

**Tuan Mustaffa bin Mohammad:** .....pelesenan. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, jelaslah dari situ bahawa ternampak perbezaan dari segi fungsi-fungsi tadi. Penyelarasan di dalam LPPJ, Ketua Pengarah JPJ sendiri adalah menjadi anggota LPPJ bagi tujuan penyelarasan dan penyelarasan bukan hanya dijalankan di peringkat itu sahaja, malah di peringkat-peringkat yang lain seperti antara Ketua Setiausaha-Ketua Setiausaha Kementerian dan di dalam Kabinet sendiri di mana keputusan adalah dibuat secara kolektif.

## KOKO—TANAMAN SECARA KOMERSIAL

**10. Tuan Baharom bin Haji Bakar** minta Menteri Pertanian menyatakan:

- (a) berapakah keluasan tanah bagi perusahaan tanaman koko di Malaysia di Semenanjung termasuk Sabah dan Sarawak bagi tujuan komersial; dan
- (b) bagaimanakah pula prospek masa depan perusahaan koko Malaysia dalam menampung permintaan pasaran antara-bangsa dan juga dari segi kestabilan harganya jika dibandingkan dengan perusahaan tanaman getah dan kelapa sawit.

**Timbalan Menteri Pertanian (Dr Goh Cheng Teik):** Tuan Yang di-Pertua, jawapan:

- (a) Keluasan tanah yang ditanam dengan koko secara komersial di seluruh Malaysia hingga akhir 1985 dianggarkan sejumlah 285,000 hektar. Seluas 80,000 hektar terletak di Semenanjung Malaysia (28.0%), 180,000 hektar di Sabah (63.16%) dan 25,000 hektar di Sarawak (8.77%).
- (b) Prospek masa depan tanaman koko adalah cerah. Ramalan ini adalah diukur dari beberapa aspek iaitu:
  - (i) Malaysia mempunyai tanah yang banyak untuk dibangunkan dengan tanaman ini khususnya di Sabah. Di Semenanjung pula terdapat tanah kelapa yang sesuai diselingkan dengan tanaman koko. Keluaran bagi sehektar di Malaysia ialah 1,800 kg. berbanding dengan 754

kg./sehektar yang dicapai di negara-negara pengeluar utama yang lain;

- (ii) Negara kita telah mempunyai kepakaran dan teknologi yang cukup bagi membolehkan perusahaan koko dijalankan dengan cekap dan bermutu tinggi;
- (iii) Permintaan dunia semakin meningkat sedangkan pengeluaran dari negara-negara pengeluar utama seperti Ghana dan Nigeria telah merosot. Ivory Coast dan Brazil yang juga merupakan negara pengeluar utama telah pun mencapai tahap pengeluaran yang maksima;
- (iv) Pengeluaran koko negara telah dapat ditingkatkan dengan pesat di mana dalam tempoh 15 tahun negara kini menjadi negara pengeluar yang keenam terpenting. Kerajaan bercadang menjadikan Malaysia negara pengeluar ketiga terpenting di seluruh dunia di dalam beberapa tahun lagi;
- (v) Harga eksport biji koko kering juga adalah stabil jika dibandingkan dengan bahan-bahan eksport yang lain. Pada tahun 1983, harganya ialah \$4.06 sekilo dan meningkat ke paras \$478 sekilo pada tahun 1984. Pada tahun 1985 harga sekilo turun sedikit kepada \$4.68. Harga ini adalah jauh lebih stabil dari harga kelapa sawit

yang hanya berjumlah \$182 se tan metrik bagi tahun 1983, naik ke \$249.4 se tan metrik 1984 dan turun semula ke \$183 pada tahun 1985. Harga getah juga turun dari \$2.44 se kilo pada tahun 1983, turun ke paras \$2.24 pada tahun 1984 dan \$1.88 se kilo sahaja pada tahun 1985.

**Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud:** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa gembira kerana koko telah mendapat perhatian Kerajaan pada masa ini yang akan menjadikan satu daripada tanaman yang utama dalam beberapa tahun yang akan datang ini. Di kampung-kampung pada masa ini didapati bahawa mereka telah menanam tanaman ini telah beberapa tahun dan mendapat hasil yang lumayan lebih kurang purata \$400 sebulan. Apakah galakan-galakan Kerajaan, Kementerian Pertanian terutamanya supaya menjadikan tanaman ini berleluasa kepada pekebun-pekebun kecil kita di kampung, terutama kampung tradisional untuk menambahkan lagi pendapatan bulanan mereka.

**Dr Goh Cheng Teik:** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memang menyediakan beberapa galakan yang biasa seperti perkhidmatan dari MARDI dan juga Jabatan Pertanian dan juga klon-klon baru dan seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum tahun ini Kerajaan telah mengumumkan beberapa klon-klon koko yang baru.

### SIARAN TV3 KE SABAH/ SARAWAK

**11. Tuan Sim Kwang Yang** minta Menteri Penerangan menyatakan sama ada Kementeriannya akan memujuk TV3 untuk melanjutkan ke

Negeri Sarawak dan Sabah dan jika tidak, apakah Kerajaan akan bercadang mempelawa sektor swasta di Sarawak dan Sabah untuk membuka satu lagi saluran TV di kedua-dua negeri.

**Timbalan Menteri Penerangan (Tuan Ng Cheng Kuai):** Tuan Yang di-Pertua, keluasan liputan TV3 ke Sabah dan Sarawak adalah tertakluk kepada perancangan serta keupayaan Syarikat Sistem Televisyen Malaysia Berhad itu sendiri. Oleh itu, soal memujuk TV3 memperluaskan liputannya ke Sabah dan Sarawak tidaklah timbul. Kerajaan juga belum bercadang untuk mempelawa sektor swasta di Sabah dan Sarawak bagi mengadakan siaran TV di kedua-dua negeri tersebut. Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat pihak swasta yang berminat pihak Kerajaan akan mempertimbangkan dengan sewajarnya.

**Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud:** Tuan Yang di-Pertua, dalam Dewan yang mulia ini, saya ingat lebih kurang awal tahun 1985, ada dinyatakan bahawa TV3 akan sampai ke pantai timur, terutama sekali Kuantan dan Terengganu. Saya hendak tahu apakah masalah yang dihadapi oleh pihak berkenaan sehingga kita tidak tahu bila TV3 ini sampai oleh kerana ianya amat popular di kalangan penonton-penonton dan pendengar-pendengar, sebab TV ini juga dengar dan pandang sama sekalilah, di kawasan-kawasan luar bandar dengan program yang menarik. Adakah ini rancangan RTM menyekat supaya mereka ini tidak pergi ke pantai timur.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Saya kira bila kita sebut tonton itu, dia meliputi lihat dan dengar. Namun begitu, soalan Yang Berhormat terkeluar daripada kontek soalan asal. Jadi saya tidak boleh mengizinkan supaya ianya dijawab.

## JALAN ENKILILI, KUMPANG/LUBUK ANTU

**12. Tuan Andrew Janggi Muiyang** minta Menteri Kerjaraya menyatakan bilakah jangka masa dalam Rancangan Malaysia Kelima ini Jalan Raya dari Pekan Engkilili ke Nanga Kumpang/Lubok Antu yang berharga \$11.2 juta akan dibina dan adakah pembinaan jalan ini dilaksanakan oleh Jabatan Kerjaraya atau diberikan kepada kontraktor-kontraktor luar.

**Menteri Kerjaraya (Dato' S. Samy Vellu):** Tuan Yang di-Pertua, Jalan Engkilili, Kumpang/Lubok Antu telah dicadangkan untuk dimasukkan dalam Rancangan Malaysia Kelima, tetapi malangnya telah tidak dipertimbangkan, sebab utama adalah kerana projek ini merupakan projek baru. Adalah dimaklumkan bahawa projek-projek yang diutamakan dalam Rancangan Malaysia Kelima adalah projek-projek komited, projek-projek yang sedang dilaksanakan dan projek-projek yang dianggapkan keutamaan lebih tinggi daripada projek lain.

Walau bagaimanapun Kementerian saya akan terus berusaha untuk mendapatkan peruntukan bagi projek Jalan Engkilili Kumpang/Lubok Antu di dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelima pada tahun 1988.

## PENCEMARAN ALAM SEKITAR—PENCEGAHAN

**13. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan bahawa menyedari masalah pencemaran telah menjadi masalah yang semakin rumit, di antara sebabnya, ia memberi kesan negatif kepada alam sekitar dan juga kesihatan manusia, apakah langkah-langkah yang sedang dan akan dijalankan oleh Kerajaan untuk mencegah keadaan tersebut.

**Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Datuk Amar Stephen Yong Kuet Tze):** Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju bahawa pencemaran boleh membawa kesan-kesan negatif kepada alam sekitar dan menjejaskan kesihatan manusia, tetapi pada amnya di Malaysia, keadaan masalah pencemaran adalah terkawal. Sejak 10 tahun yang lepas, Kementerian saya telah pun menjalankan kegiatan kawalan pencemaran mengikut kuasa-kuasa yang diberi di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974. Di sini perlu diingatkan bahawa kerja utama dalam tempoh 10 tahun yang lepas ialah usaha-usaha untuk mengatasi masalah pencemaran yang berpunca dari aktiviti-aktiviti perindustrian yang pada masa dahulu tidak ada sebarang perundangan yang khas untuk mencegah dan mengawal pencemaran.

Mulai tahun 1985, Kementerian saya telah mengatur dan melaksanakan strategi-strategi yang berupa pencegahan atau preventive selain dari melaksanakan langkah-langkah kawalan pencemaran. Strategi-strategi baru ini merupakan pertamanya, penerapan unsur-unsur alam sekitar dalam rancangan penggunaan tanah di semua peringkat pentadbiran Kerajaan.

Kedua, kemasukan dimensi alam sekitar dalam penilaian program dan projek pembangunan di mana penilaian ke atas kesan-kesan alam sekitar dibuat terlebih dahulu dari peringkat kajian kemungkinan hingga pelaksanaannya sebelum keputusan terakhir diambil. Ketiga, pengurusan program kawalan pencemaran alam sekitar termasuk sistem-sistem pengawasan dan penguatkuasaan melalui strategi-strategi setempat dan serentak.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu, Kementerian saya sedang dan akan bekerjasama rapat dengan Kerajaan-kerajaan Negeri dalam

pengurusan alam sekitar di peringkat negeri dan daerah. Kementerian saya telah pun mengatur langkah-langkah mewujudkan Jawatankuasa Alam Sekitar di peringkat negeri yang bertujuan menyelaraskan kegiatan penguatkuasaan berbagai undang-undang mengenai kawalan pencemaran alam sekitar oleh agensi-agensi Kerajaan Negeri dan Kerajaan Pusat di peringkat negeri. Melalui Jawatankuasa itu juga Kementerian saya akan memberi khidmat nasihat kepada pihak-pihak berkuasa perancang di peringkat negeri dan daerah.

Rancangan-rancangan ini tidak dapat dijayakan tanpa sokongan dan penglibatan orang ramai. Rakyat negara kita mempunyai peranan di dalam hal ini.

Oleh yang demikian, Kementerian saya juga sedang meningkatkan aktiviti-aktiviti sebaran maklumat dan penyelidikan alam sekitar untuk meningkatkan tahap kesedaran alam sekitar kepada semua lapisan masyarakat berkenaan dengan perlindungan dan pembaikan alam sekeliling.

Kementerian saya juga melibatkan pihak-pihak swasta seperti Persatuan Pekilang-kilang Malaysia, pihak universiti dan pertubuhan-pertubuhan sukarela dalam usaha meningkatkan tahap kesedaran di sektor swasta dan di kalangan orang ramai dan mendapatkan kerjasama mereka supaya mengatasi masalah pencemaran yang dihadapi di negara kita. Setakat ini, sambutan dari semua pihak yang terlibat sangatlah menggalakkan.

**Wan Ibrahim bin Wan Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, pertama, apakah yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat

Menteri bahawa keadaan pencemaran alam sekitar kita hari ini adalah terkawal.

Soalan yang kedua, adakah Kerajaan bercadang untuk memindahkan kilang-kilang getah asap yang sekarang ini terdapat banyak di seluruh negara kita berada di tengah-tengah masyarakat ramai di mana bahunya adalah amat menjijikkan. Jadi, adakah Kerajaan bercadang untuk memindahkannya ke kawasan-kawasan perladangan yang lebih sesuai yang jauh daripada perkampungan ataupun tempat duduk manusia yang ramai?

**Datuk Amar Stephen Yong Kuet Tze:** Tuan Yang di-Pertua, barangkali Ahli Yang Berhormat tidak mendengar jawapan saya. Dalam jawapan saya tadi, saya kata pada amnya di Malaysia masalah pencemaran adalah terkawal. Saya akui ada satu dua kes yang mana tempat pecemaran disebabkan oleh kilang dan sebagainya. Itu memanglah satu perkara yang biasa. Apabila sesuatu pencemaran wujud, saya harap Ahli Yang Berhormat akan beri notis kepada saya supaya tindakan sewajarnya akan diambil.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman.

**Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin membuat pembedaan. Selepas perkataan "di Sabah dan Sarawak" bagi soalan (b) diminta tambah, "dan guru-guru Sabah dan Sarawak mengajar di Semenanjung".

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ya, baiklah.

**Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Bujang bin Haji Ulis):** Tuan Yang di-Pertua, perlu saya di sini pohon maaf, kalaulah sekiranya pembedaan itu dibenarkan, perlu diperbaiki jawapan

saya ke atasnya, maka saya tidak ada masa untuk memperbaiki dan terpaksa baca jawapan yang telah disediakan.

### **GURU-GURU DAN BILIK DARJAH—KEKURANGAN**

**14. Tuan Mamat Ghazalee bin Abd. Rahman** minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) berapa kekurangan guru-guru di seluruh negara, berapa kekurangan bilik darjah. Apa rancangan-rancangan untuk mengatasinya; dan
- (b) berapa guru-guru Semenanjung yang mengajar di Sabah dan Sarawak dan guru-guru Sabah dan Sarawak mengajar di Semenanjung.

**Tuan Bujang bin Haji Ulis:** Tuan Yang di-Pertua, kekurangan bilik darjah dalam Rancangan Malaysia Kelima dianggarkan sebanyak 49,848 buah, iaitu 26,278 buah di Sekolah Rendah dan 23,570 buah di Sekolah Menengah. Pada mulanya, dengan mengambilkira jangkaan keadaan kewangan negara Kementerian Pelajaran hanya merancang untuk membina 38,244 bilik darjah sahaja, tetapi akhirnya dengan peruntukan Rancangan Malaysia Kelima (RML) yang terhad yang sedang dicadangkan, Kementerian Pelajaran hanya dapat meluluskan sejumlah 12,111 buah bilik darjah sahaja, iaitu 8,997 buah untuk Sekolah Rendah dan 3,114 buah untuk Sekolah Menengah.

Untuk menjawab soalan (b), jumlah guru Semenanjung yang mengajar di Sabah dan Sarawak adalah seramai 5,041 orang. Bilangan guru Sabah dan Sarawak yang mengajar di Semenanjung adalah seramai 5 orang.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai bilangan kekurangan guru di seluruh negara dan rancangan untuk

mengatasinya telah pun saya menjawabnya di Dewan yang mulia ini pada 20-3-86 semasa menjawab pertanyaan daripada Ahli Yang Berhormat dari Keluang. Saya tidak ingin membuat apa-apa tambahan kepada jawapan itu.

**Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Ingin saya tahu dari Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran, kenapakah guru-guru yang dihantar ke Sabah dan Sarawak terdiri daripada guru-guru yang baru, tidak guru-guru yang sudah ada pengalaman kerana banyak masing-masing mengeluarkan air mata hendak keluar pergi mengajar di Sabah dan Sarawak kerana baru dan .....

**Timbalan Yang di-Pertua:** Kalau Yang Berhormat tunggu-tunggu lagi mungkin Yang Berhormat tidak boleh keluarkan soalan selepas sejam dari masa Dewan bersidang.

**Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan:** Kepada guru-guru yang bertugas di Sabah dan Sarawak pada masa cutinya, adakah Kerajaan memberi tambang balik dan pergi atau mereka terpaksa mengeluarkan belanja tambang pergi baliknya sendiri?

**Tuan Bujang bin Haji Ulis:** Tuan Yang di-Pertua, memang benar kebanyakan daripada mereka yang dihantar ke Sabah dan Sarawak ialah yang daripada Maktab Perguruan kerana kita dapati bahawa ini senang kita jalankan. Kerana kita ini pun Tuhan suruh kita jalankan sesuatu yang senang. Jadi ini senang dijalankan kerana mereka itu tidak melibatkan, kita terpaksa mengambil guru daripada sekolah yang sudah mengajar dan ditempatkan yang mengakibatkan kekosongan di sekolah-sekolah tertentu. Jadi, oleh kerana itu kita bersedia dan berminat lebih mengambil guru-guru yang baru keluar daripada Maktab-maktab Perguruan.

Mengenai soalan yang kedua, saya fikir saya terpaksa balik menyelidiki dahulu kerana kalau tidak silap saya, apabila mereka balik ke sini diberi tambang selepas habis kontrak di Sarawak.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Masa sudah cukup.

*(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 3, 4 dan 15 hingga 27 adalah diberi di bawah ini.)*

### HARGA BARANGAN UTAMA

**3. Tuan Ibrahim Azmi Hassan** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan:

- (a) apakah usaha-usaha Kerajaan bagi penyelarasan harga-harga getah, kelapa sawit antara negara-negara jiran seperti Indonesia-Thailand dan lain-lain supaya Malaysia tidak tertinggal kebelakang dalam segi pemasaran barang-barang seperti getah dan kelapa sawit ataupun perkara yang tersebut terpulang bagi kecekapan negara masing-masing; dan
- (b) apakah kajian Kerajaan tentang harga kelapa dan minyak kelapa adakah ia akan sentiasa terus menerus rendah hingga ke tahun-tahun akan datang ataupun akan pulih dalam jangka yang singkat dan adakah Malaysia telah memperkenalkan minyak kelapa Malaysia ke negara-negara asing dan adakah pernah mendapat sambutan sejak selama ini.

**Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Tuan Megat Junid bin Megat Ayob):** Kerajaan sentiasa berusaha untuk mencari jalan untuk mendapat harga yang munasabah bagi barangan

utama negara ini. Bagi getah, Malaysia bersama dengan Indonesia dan Thailand dan negeri-negeri pengeluar lain menyertai Perjanjian Getah Antarabangsa (INRA). Menerusi operasi stok penimbal harga getah telah dapat dipertahankan daripada terus merosot dalam keadaan ekonomi dunia yang meleset. Bagi minyak kelapa sawit, usaha-usaha untuk menyelaraskan harga minyak kelapa sawit tidak dapat dilaksanakan oleh sebab minyak kelapa sawit bukan sahaja bersaing dengan pengeluar minyak kelapa sawit yang lain tetapi minyak kelapa sawit juga terpaksa bersaing dengan 16 jenis minyak dan lemak lain dalam pasaran dunia. Usaha-usaha juga dijalankan untuk meningkatkan eksport getah asli dan minyak kelapa sawit Malaysia dengan memperolehi saluran pasaran yang lebih baik dan galakan eksport terus ke negara-negara pengguna. Selain daripada itu, Kerajaan juga menghantar misi dan lawatan perdagangan ke negara-negara pengguna barangan utama tersebut untuk meningkatkan eksport. Melalui khidmat nasihat teknikal dan penglibatan dalam pameran perdagangan. Malaysia telah dapat mengatasi masalah teknikal dalam menggalakkan eksport getah asli dan minyak kelapa sawit Malaysia kepada negara-negara pengguna. Pada akhirnya kita mesti meningkatkan kecekapan pengeluaran dan mengurangkan kos supaya boleh bersaing lebih berkesan dalam pasaran dunia sama ada bagi getah ataupun minyak kelapa sawit.

(b) Berdasarkan kepada kajian FAMA terhadap harga kelapa dan minyak kelapa yang diasaskan kepada pola harga dipasaran dunia dan tempatan, kedudukan harga kedua-dua komoditi tersebut dijangkakan tidak begitu memberangsangkan dalam tempoh jangka pendek. Faktor utama mempengaruhi kedudukan itu

ialah persaingan hebat yang dihadapi oleh minyak kelapa dari lain-lain jenis minyak. Dalam masa yang sama pengeluaran kelapa tempatan terpaksa juga bersaing hebat dengan pengeluaran-pengeluaran kelapa negara asing, terutamanya Filipina dan Indonesia yang mempunyai kelebihan pengeluaran yang tinggi dengan kos pengeluaran yang lebih rendah. Di dalam pasaran tempatan pula, minyak kelapa sawit yang semakin popular di kalangan pengguna telah mengambilalih sebahagian besar pasaran minyak kelapa. Sebagai contoh dalam tempoh 1984/85, dari jumlah pengeluaran minyak kelapa sebanyak 45,800 tan metrik hanya 2,500 tan metrik diserap oleh pengguna-pengguna tempatan berbanding dengan paras penggunaan dalam negeri minyak kelapa sawit yang dianggarkan berjumlah 487,000 tan metrik.

Di dalam suasana kemelesetan ekonomi dunia sepertimana yang dialami sekarang amat sukar bagi kita meramal kedudukan masa depan harga kelapa dan minyak kelapa dengan tepat disebabkan oleh pengaruh-pengaruh pasaran minyak dan lemak dunia. Namun demikian, kerajaan telah mengambil langkah positif memperkenalkan minyak kelapa Malaysia kepada pengguna di negara-negara Eropah, Asia Barat, Amerika Utara, Australia, Jepun, Korea Selatan dan Hong Kong melalui misi-misi perdagangan. Di samping itu negara kita turut mengadakan kerjasama serantau dengan negara-negara pengeluar utama kelapa melalui pertubuhan antarabangsa "Asian dan Pacific Coconut Community" dalam bidang galakan pasaran dan pembangunan komoditi kelapa. Ekoran dari usaha-usaha yang dijalankan itu, FAMA seringkali menerima pertanyaan daripada negara-negara luar berhubung dengan bekalan minyak kelapa Malaysia.

Semua pertanyaan tersebut telah disalurkan kepada para pengeksport minyak kelapa tempatan untuk mengadakan urusan perdagangan.

#### NILAI ISLAM DISEMAIKAN DI KEDUTAAN-KEDUTAAN

**4. Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim** minta Menteri Luar Menteri menyatakan setakat manakah nilai-nilai Islam dapat disemaikan di Kedutaan-kedutaan Malaysia di luar negeri dan adakah Kedutaan kita berdamping rapat dengan Kedutaan-kedutaan Islam yang lain sekiranya ada perayaan seperti menyambut Maulud Nabi.

**Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Nilai-nilai Islam adalah merupakan satu perkara yang penting yang selalu diberi perhatian oleh Kedutaan-kedutaan Malaysia di luar negeri sesuai dengan keperibadian bangsa dan negara dan sesuai dengan dasar Kerajaan. Pegawai-pegawai kita telah diperingati untuk mengamalkan sikap-sikap yang baik bersesuaian dengan ajaran Islam, seperti sikap jujur, amanah dan berperikemanusiaan.

Selain dari itu, Kedutaan kita di luar negeri juga sentiasa berusaha untuk meningkatkan kesedaran di kalangan pegawai dan kakitangan kita di perwakilan luar negeri mengenai agama Islam melalui berbagai-bagai usaha, seperti mengadakan majlis-majlis yang sesuai bagi menyambut dan menghormati hari-hari kebesaran Islam, majlis sembahyang Hari Raya, perayaan Maulud Nabi, majlis berbuka puasa, sembahyang terawikh, majlis-majlis doa selamat, tahlil dan sebagainya. Majlis-majlis ceramah agama juga diaturkan dari semasa ke semasa.

Kehadiran di dalam semua upacara-upacara yang disebutkan di atas tidak hanya terhad kepada anggota-anggota

perwakilan bahkan meliputi penuntut-penuntut Malaysia dan warganegara-warganegara Malaysia di tempat-tempat berkaitan.

Di samping usaha Kedutaan kita sendiri, wakil-wakil kita sering berdamping rapat dengan Kedutaan negara-negara Islam yang lain untuk merayakan hari-hari kebesaran Islam seperti Maulud Nabi dan sebagainya. Malah kerap kali Kedutaan kita dan Kedutaan Islam yang lain sam-sama menganjur majlis-majlis yang berkenaan untuk masyarakat Islam setempat.

#### **RUMAH AWAM KOS RENDAH DI SABAH**

**15. Tuan Fung Ket Wing** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan jumlah rumah yang telah dibina di bawah Rancangan Malaysia Keempat di Sabah dan Sarawak dan jumlah kos rumah-rumah tersebut dan jumlah yang masih dalam pembinaan.

**Dato' Chan Siang Sun:** Di bawah Rancangan Malaysia Keempat, sebanyak 4,898 unit rumah awam kos rendah telah disasarkan untuk perlaksanaan di Negeri Sabah. Sehingga akhir Disember 1985, sebanyak 910 unit rumah atau 18.6% telah pun siap dibina, manakala 450 unit atau 9.2% adalah dalam peringkat binaan bangunan dan bakinya adalah di dalam peringkat awal pelaksanaan. Jumlah pinjaman yang telah diluluskan oleh Kerajaan Persekutuan setakat ini kepada Kerajaan Negeri adalah sebanyak \$13,479,437. Pinjaman terus daripada Kerajaan Persekutuan kepada LPPB (Lembaga Perumahan dan Pembangunan Bandar Sabah) adalah sebanyak \$36,384,000. Ini menjadikan pinjaman keseluruhan kepada Kerajaan Negeri Sabah sebanyak \$49,863,437.

Bagi Negeri Sarawak pula, sebanyak 6,793 unit telah ditetapkan sebagai sasaran di bawah program perumahan awam kos rendah bagi tempoh Rancangan Malaysia Keempat. Sehingga akhir Disember 1985, sebanyak 3,257 unit atau 48.0% telah pun siap dibina, manakala 137 unit atau 2.0% adalah dalam peringkat binaan bangunan. Bakinya adalah dalam peringkat pelaksanaan awal. Sejumlah \$92,750,631 telah pun diluluskan oleh Kerajaan Persekutuan setakat ini untuk membiayai kos projek perumahan awam kos rendah di negeri Sarawak.

#### **FATWA TIDAK MATI SYAHID**

**16. Tuan Abdul Rahman Sulaiman** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) bagaimanakah penyelarasan dibuat bagi fatwa-fatwa yang dikeluarkan oleh Majlis Agama Negeri-negeri; dan
- (b) apakah tindakan yang telah/sedang/akan diambil kepada mereka yang menentang fatwa-fatwa yang telah dikeluarkan misalnya "Fatwa tidak mati Syahid" kepada mereka yang mati dalam peristiwa Memali baru-baru ini.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamad Nor):** Sebenarnya ada dua cara yang diamalkan sekarang ini bagi maksud menyelaraskan fatwa-fatwa mengenai Agama Islam, iaitu:

- (a) Penyelarasan melalui Jawatankuasa Fatwa Peringkat Kebangsaan. Sekiranya timbul sesuatu isu mengenai Agama Islam yang menyentuh negeri-negeri ataupun jika sekiranya sesuatu fatwa yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Fatwa

Negeri menyentuh atau membawa implikasi atau kesan kepada negeri-negeri maka isu ataupun fatwa itu akan diputuskan dan diperakukan oleh Jawatankuasa Fatwa Peringkat Kebangsaan untuk pertimbangan Majlis Raja-raja sebelum diumumkan sebagai fatwa rasmi; dan

- (b) Secara penerimaan dan mengambil pakai oleh sesebuah negeri akan sesuatu fatwa yang diumumkan oleh Jawatankuasa Fatwa sesebuah negeri yang lain. Pada amalannya sesebuah Jawatankuasa Fatwa Negeri akan memaklumkan sesuatu Fatwa yang dibuat kepada negeri-negeri lain.

Mengenai pertanyaan kedua Ahli Yang Berhormat itu, Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri memperuntukkan tindakan-tindakan tertentu yang boleh diambil ke atas mereka yang engkar/menentang sesuatu fatwa yang diumumkan. Saya tidak bercadang untuk menyatakan tindakan-tindakan yang telah atau akan diambil ke atas mereka yang menentang sesuatu fatwa yang diumumkan oleh negeri-negeri kerana ianya menyentuh bidangkuasa negeri. Bagaimanapun, mengenai fatwa "Tidak Mati Syahid" saya difahamkan bahawa kajian sedang dibuat oleh pihak berkuasa negeri berkenaan untuk diambil tindakan ke atas mereka yang menentang fatwa yang telah diumumkan itu.

#### USAHAWAN BUMIPUTERA YANG BANKRAP

17. Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Haji Nik Mat minta Perdana Menteri menyatakan jumlah usahawan-usahawan Bumiputera yang bankrap mengikut Negeri sejak tahun 1980:

- (a) apakah punca utama kejadian itu; dan

- (b) apakah ikhtiar baru untuk mengatasinya.

**Menteri Kehakiman dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Dr James P. Ongkili):** Jabatan Pemegang Harta tidak menyimpan statistik usahawan-usahawan yang bankrap berdasarkan kaum.

- (a) Di antara sebab-sebab seseorang usahawan itu jatuh bankrap adalah:

- (i) kurang pengalaman dan pengetahuan di dalam sesuatu perniagaan yang diceburinya;
- (ii) tidak mempunyai modal yang mencukupi untuk pusingan iaitu untuk membeli bahan-bahan yang hendak diperniaga kerana harga barang-barang naik;
- (iii) berbelanja melebihi daripada pendapatan;
- (iv) tertipu oleh rakan perkongsian di dalam perniagaan;
- (v) kesukaran untuk memungut hutang buku (book debt);
- (vi) perniagaan yang lembab dan persaingan yang hebat dalam perniagaan;
- (vii) pengurusan yang tidak betul;
- (viii) faedah yang tinggi atas pinjaman; dan
- (ix) adakalanya seorang usahawan itu menjadi penjamin kepada peminjam. Apabila si peminjam tidak dapat menjelaskan hutangnya, perintah kebankrapan dikenakan terhadap penjamin.

- (b) Ikhtiar untuk mengelakkan daripada menjadi bankrap terletak kepada usahawan-usahawan itu sendiri dengan berhati-hati menghindarkan diri dari keadaan yang saya sebutkan tadi.

### **KEMPEN BELILAH BARANGAN BUATAN MALAYSIA**

**18. Tuan Ling Sie Ming** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan apakah dan bagaimanakah keputusan yang diperolehi daripada “Kempen Membeli Buatan Tempatan” oleh pihak Kerajaan. Berapakah jenis barangan buatan Malaysia telah diperlibatkan dan jelaskan jenis-jenisnya.

**Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin):** Mengikut satu kajian yang dibuat oleh sebuah badan penyelidikan, Kempen ini telah disambut dengan baik oleh rakyat seluruhnya. Sebahagian besar rakyat telah mengetahui mengenai Kempen ini dan menyokong matlamatnya.

Objektif Kempen Belilah Barangan Buatan Malaysia ialah untuk:

- (i) menyedarkan pihak pengguna tentang wujudnya pelbagai barangan yang dihasil atau dikeluarkan oleh pengeluar-pengeluar dalam negeri dan pentingnya pengguna melanggan barangan tempatan; dan
- (ii) menyedarkan dan menggalakkan pihak pengeluar-pengeluar atau pengilang supaya sentiasa menjaga dan memperbaiki mutu dan keselamatan barangan keluaran mereka, serta menjualnya dengan harga-harga yang berpatutan.

Dari segi kesedaran umum, melalui pelaksanaan aktiviti-aktiviti seranta, promosi dan pameran, pendidikan, dan usaha galakan penyelidikan dan peningkatan mutu di kalangan pengilang-pengilang tempatan, orang ramai telah memberikan sambutan yang amat positif. Pandangan, ulasan dan pendapat yang membina telah diterima dari orang ramai mengenai kempen ini. Badan-badan seperti pertubuhan sukarela dan persatuan-persatuan pengguna pula telah mengadakan seminar, dialog dan perbincangan disepanjang tempoh Kempen tersebut.

Pihak pengilang juga telah mengadakan aktiviti-aktiviti untuk menjayakan Kempen Belilah Barangan Buatan Malaysia. Mereka telah mengadakan promosi barangan tempatan dengan agresif sekali. Iklan-iklan mereka telah menekankan barangan-barangan buatan Malaysia. Jualan-jualan istimewa juga diadakan di pasaraya-pasaraya untuk menarik perhatian orang ramai terhadap barang-barang tempatan.

Mengenai jenis barang-barang yang terlibat dalam Kempen Belilah Barangan Buatan Malaysia, sukacita saya memaklumkan bahawa kempen ini merangkumi semua barang-barang dan perkhidmatan yang diperbuat atau dihasilkan oleh pembekal-pembekal tempatan, khususnya barang-barang keperluan harian pengguna seperti barang-barang makanan dan pakaian; barang-barang binaan; barang-barang elektrik; perabot; barang-barang keperluan pejabat; dan sebagainya.

### **AGENSI AMANAH KERAJAAN— PINDAHAN EKUITI KEPADA BUMIPUTERA**

**19. Tuan Wan Ibrahim Abdullah** minta Perdana Menteri menyatakan sejauh manakah kejayaan yang dicapai

oleh institusi-institusi amanah seperti PNB, Kompleks Kewangan Malaysia Berhad dan lain-lain yang diberi tugas dan amanah bagi memegang modal dan ekuiti untuk Bumiputera dan sejauh manakah kejayaan memindahkan ekuiti itu kepada orang perseorangan Bumiputera sehingga berakhirnya DEB.

**Tuan Mustaffa bin Mohammad:** Seperti Yang Berhormat sedia maklum, mengikut Rancangan Malaysia Kelima yang baru dibentangkan di Dewan yang mulia ini, sehingga akhir tahun 1985, agensi-agensi amanah memiliki \$5,867.7 juta atau 7.7% dari jumlah saham sektor syarikat. Milikan Bumiputera perseorangan pula adalah \$7,679.2 juta atau 10.1%. Ini menunjukkan bahawa keupayaan Bumiputera perseorangan untuk memiliki saham telah meningkat dan melebihi jumlah yang dipegang oleh agensi-agensi amanah.

Pegangan agensi-agensi amanah ini akan dipindahkan selanjutnya kepada Bumiputera melalui skim pemindahan hakmilik saham Kerajaan yang dilaksanakan sejak tahun 1981. Di bawah rancangan pindahmilik ini sebahagian besar daripada saham Kerajaan dalam syarikat-syarikat yang berjaya akan dipindahkan kepada Permodalan Nasional Berhad (PNB) untuk Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) bagi faedah pelabur-pelaburnya. Selain dari itu, skim pemindahan hakmilik saham juga memperuntukkan pemindahan hakmilik saham Syarikat milikan Kerajaan secara terus kepada syarikat Bumiputera dan institusi-institusi Bumiputera yang diakui. Sehingga kini kedudukan pemindahan saham milikan Kerajaan kepada Bumiputera yang telah dilaksanakan di bawah skim ini adalah seperti berikut:

- (a) sebanyak 496,838 unit saham di dalam 35 buah syarikat telah

dipindahkan kepada PNB dengan harga \$728.1 juta;

- (b) sebanyak 8.0 juta unit saham di dalam 3 buah syarikat telah dipindahkan secara terus kepada individu Bumiputera dengan harga \$8.0 juta;
- (c) sebanyak 85.0 juta unit saham di dalam 3 buah syarikat telah dipindahkan kepada syarikat Bumiputera dengan harga \$203.2 juta.

Untuk menjawab bahagian kedua soalan ini, ingin saya menarik perhatian Yang Berhormat kepada Jadual 3-15 Rancangan Malaysia Kelima di mana telah dianggarkan sebanyak \$16,265 juta atau 13.6% dari saham sektor syarikat akan dimiliki oleh Bumiputera perseorangan menjelang 1990.

#### UNIVERSITI SAINS MALAYSIA—PELAJAR DI KAMPUS SEMENTARA

**20. Tuan Lim Liang Seng** minta Menteri Pelajaran menyatakan bilangan pelajar yang akan diterima masuk belajar di kampus cawangan USM di Perak apabila bermula sesi 1986/87; apakah kursus-kursus pengajian akan disediakan di kampus cawangan itu. Sila beritahu juga berapakah anggaran peruntukan telah diluluskan untuk menyiapkan kampus cawangan yang sementara itu.

**Tuan Bujang bin Haji Ulis:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, seramai 100 orang pelajar akan diterima masuk belajar di kampus sementara cawangan USM di Perak bagi sesi 1986/87.

Kursus-kursus yang akan dijalankan adalah seperti berikut:

- (a) Kejuruteraan elektronik
- (b) Kejuruteraan komputer dan perhubungan

(c) Kejuruteraan bahan

(d) Kejuruteraan sumber mineral

Anggaran peruntukan yang telah diluluskan untuk kampus sementara cawangan USM di Perak ialah sebanyak \$4.7 juta pada tahun 1985 dan \$4.1 juta bagi tahun 1986.

### LESEN TEKSI BAGI PEMILIK PEMANDU

**21. Tuan Bahari bin Harun** minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan:

- (a) jumlah permit teksi yang dikeluarkan bagi tujuan pandu sendiri sahaja;
- (b) jumlah pemegang-pemegang permit teksi yang mempunyai lebih dari satu permit; dan
- (c) adakah Kementerian bercadang di masa akan datang hanya akan mengeluarkan permit-permit teksi bagi tujuan pandu sendiri sahaja.

**Menteri Perusahaan Awam (Datin Paduka Rafidah Aziz):**

- (a) Dasar Pemilik Pemandu bagi lesen teksi hanya mula dikuatkuasakan pada awal tahun 1979. Mulai tahun 1979 hingga 1985, jumlah lesen teksi yang telah dikeluarkan ialah sebanyak 13,551. Oleh itu jumlah lesen teksi yang dikeluarkan bagi tujuan pandu sendiri setakat akhir tahun 1985 adalah sebanyak 13,551.
- (b) Memandangkan jumlah permohonan yang diterima sangatlah besar bilangannya maka adalah sukar untuk memastikan yang seseorang itu tidak mempunyai lebih daripada satu lesen teksi. Sungguhpun begitu, langkah ke arah ini memang ada dibuat di mana setiap pemohon

dikehendaki memberitahu lesen-lesen yang telah dimiliki semasa mengisi borang permohonan. Selain daripada itu, maklumat mengenai perkara ini juga cuba diperolehi melalui temuduga-temuduga yang diadakan. Di samping itu, dengan pelaksanaan Sistem Komputer mulai 2-5-1984 yang lepas, adalah diharapkan maklumat akan dapat disimpan dengan lebih lengkap bagi tujuan mengesan kes-kes seperti ini.

- (c) Dasar untuk mengeluarkan lesen teksi kepada pemilik pemandu akan diteruskan. Walau bagaimanapun, ini tidak akan menghalang Kementerian saya untuk mengeluarkan lesen-lesen teksi kepada Syarikat-syarikat dan Koperasi-koperasi untuk kawasan-kawasan yang tertentu jika didapati tindakan ini akan membantu dalam usaha meningkatkan kecekapan perkhidmatan teksi kepada orang ramai.

### HUBUNGAN DUA-HALA MALAYSIA-INDIA

**22. Tuan Omar bin Abdullah** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan hasil lawatan Yang Berhormat Mulia Menteri ke India baru-baru ini. Adakah lawatan itu memberi jaminan bahawa Kerajaan India akan membeli seluruh keperluan minyak sawitnya dari Malaysia seperti masa-masa yang lalu.

**Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin:** Lawatan Rombongan Perdagangan Malaysia ke India pada bulan November lalu telah berjaya merapatkan lagi hubungan dua-hala di antara Malaysia dengan India, terutamanya di bidang ekonomi dan perdagangan. Lawatan tersebut bukan

sahaja telah berjaya meningkatkan pembelian dan penjualan barang-barang, tetapi juga usahasama di bidang-bidang pelaburan dan pelancongan serta perlantikan syarikat-syarikat Malaysia sebagai agen bagi membekal barang-barang India di Malaysia. Rombongan berkenaan telah juga menyakinkan India tentang kesungguhan Malaysia untuk memperbaiki keadaan perdagangan yang begitu besar menguntungkan Malaysia.

India telah juga digesa supaya terus membeli minyak kelapa sawit dari Malaysia. Memandangkan pasaran India begitu besar dan mutu minyak kelapa sawit Malaysia yang tinggi, adalah dijangka India akan terus membeli minyak kelapa sawit Malaysia. India pada ketika ini merupakan pembeli minyak kelapa sawit Malaysia yang terbesar.

### PERISTIWA BERDARAH DI MEMALI

**23. Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah** minta Menteri Dalam Negeri menjelaskan, adakah pihak Kementerian sedar selepas berlaku peristiwa hitam di Kampong Memali, Kedah 19hb November, 1985 yang lalu bahawa kubur mangsa-mangsa peristiwa berdarah di Memali yang terletak di Parit Panjang, Baling itu tidak putus-putus dikunjungi oleh orang ramai dari seluruh negara. Jika sedar apakah langkah-langkah positif yang telah, sedang dan akan diambil oleh Kerajaan untuk mencegahnya kerana ditakuti menjadi tempat khurafat dikalangan umat Islam di negara ini serta menghalang daripada merebaknya berbagai-bagai khabar angin dan fitnah yang boleh menjejaskan perpaduan ummah di negara ini.

**Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad:** Kementerian ini sedar bahawa kubur-kubur orang-orang yang mati dalam

Peristiwa Memali yang lalu dikunjungi oleh orang awam dari seluruh negara. Walau bagaimanapun Kerajaan tidak bercadang untuk mencegah perbuatan orang ramai itu kerana ianya tidak melanggar mana-mana undang-undang yang berkuatkuasa sekarang. Mengenai kebimbangan bahawa kunjungan orang ramai itu akan menjadikan kubur-kubur itu tempat khurafat, saya berpendapat bahawa pihak berkuasa agama Islam Negeri Kedah adalah berkemampuan untuk mengendalikan perkara ini kerana perkara ini adalah termasuk di bawah bidangkuasa pihak berkuasa berkenaan. Saya yakin, langkah-langkah yang telah dan sedang diambil oleh Kerajaan dengan menyebarkan maklumat yang sebenar mengenai kejadian tersebut dan peningkatan aktiviti-aktiviti dakwah Islamiyah akan dapat mencegah dari timbulnya fitnah dan khabar angin yang boleh menjejaskan perpaduan ummah di negara ini.

### BAHASA INGGERIS DI SEKOLAH RENDAH/ MENENGAH

**24. Dato' Michael Cheng Wing Sum** minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada Kerajaan sedar bahawa mutu Bahasa Inggeris di kedua-dua sekolah rendah dan sekolah menengah semakin rendah dan jika ya, apakah langkah akan diambil oleh Kerajaan untuk memperbaiki bahasa yang tersebut itu.

**Tuan Bujang bin Haji Ulis:** Kementerian Pelajaran memang sedar bahawa taraf mutu Bahasa Inggeris di kedua-dua sekolah rendah dan menengah perlu dibaiki. Oleh kerana itu Kementerian Pelajaran sedang dan akan terus mengambil langkah-langkah positif untuk meningkatkan lagi mutu penguasaan Bahasa Inggeris di kalangan murid-murid. Di antara

langkah-langkah yang diambil adalah seperti yang berikut:

1. Menambah pengambilan calon untuk mengikuti pengajian dalam bidang Pengajaran Bahasa Inggeris sebagai Bahasa Kedua di maktab-maktab dan universiti-universiti di dalam dan juga luar negeri.
2. Menganjurkan kursus "Conversion" di Fakulti Pendidikan Universiti Malaya dan Institut Bahasa bagi guru-guru yang bukan mempunyai opsyen dalam Bahasa Inggeris tetapi mempunyai kelulusan baik dalam bahasa tersebut dengan memberi latihan semula untuk membolehkan mereka menjadi guru Bahasa Inggeris.
3. Merancang untuk mengambil semula guru-guru Bahasa Inggeris yang telah bersara.
4. Mengambil 200 orang guru-guru Bahasa Inggeris dari Britain, mencetak bahan-bahan bacaan dalam Bahasa Inggeris, membentuk kurikulum Bahasa Inggeris untuk KBSR dan KBSM bagi menjamin kefasihan dan penguasaannya, melaksanakan program "Listening Comprehension" untuk melatih pendengaran dan kefahaman dan menerbitkan jurnal iktis sebagai Jurnal Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa.

#### PASARAN SAHAM KUALA LUMPUR—PENGANTUNGAN

25. Tuan Othman bin Abdul minta Menteri Kewangan menyatakan apakah kedudukan Pasaran Saham Kuala Lumpur sekarang memandangkan beberapa peristiwa yang telah berlaku. "Apakah tindakan-tindakan lanjut Kerajaan

bagi menjamin kepercayaan pelabur-pelabur dalam pasaran Kuala Lumpur serta pelaburan dalam sektor pembangunan negara."

**Dato' Oo Gin Sun:** Krisis PAN-EL yang mengakibatkan penggantungan Pasaran Saham Kuala Lumpur (PSKL) selama 3 hari merupakan faktor utama yang menyebabkan harga-harga saham jatuh. Di samping itu, khabar-khabar angin dan suasana politik semasa serta keadaan ekonomi negara yang kurang memuaskan juga menimbulkan sentimen di kalangan pelabur-pelabur yang memberi kesan negatif kepada PSKL.

Sejak daripada krisis PAN-EL, PSKL berada di dalam keadaan yang gugup (jittery) dan tidak tentu (uncertain). Sungguhpun harga-harga saham berada di paras yang rendah, namun demikian pelabur-pelabur tidak menunjukkan minat untuk mencebur diri dalam pasaran saham. Bagaimanapun, sejak daripada beberapa hari yang lalu, PSKL telah mula pulih sedikit, di mana bilangan transaksi telah bertambah dan ini mungkin disebabkan oleh beberapa langkah yang telah diambil oleh Kerajaan untuk membantu memulih pasaran saham dan suasana politik yang beransur baik.

Saya berpendapat pelabur-pelabur hendaklah membuat keputusan berasaskan kepada kekuatan atau keutuhan (Real-Fundamentals) sesebuah syarikat dan mengeneipkan khabar-khabar angin yang tak berasas, yang disebar oleh pihak-pihak yang ingin membuat spekulasi atau manipulasi dalam pasaran saham. Bagi pelabur-pelabur, khususnya Bumiputera, yang tidak pasti tentang stok yang mana hendak dibeli, mereka sepatutnya melabur dalam Sekim Amanah Saham Nasional, iaitu satu bentuk pelaburan yang selamat dan menjamin pulangan yang memuaskan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bahagian kedua soalan ini telah pun ditanyakan di dalam Dewan ini pada 11-3-1986 oleh Ahli Yang Berhormat dari Sandakan. Oleh itu saya tidak bercadang mengulangi jawapannya.

### LANUN DAN ROMPAKAN DI PERAIRAN SABAH

**26. Tuan Mohd. Yussof bin Haji Yakob** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada mereka akan menubuhkan satu pengkalan keselamatan di salah sebuah pulau di perairan sebelah timur Sabah memandangkan kawasan tersebut selalu dilanda keganasan lanun; apakah langkah-langkah yang sedang diambil oleh Kementerian berkenaan demi memastikan supaya keganasan lanun ini dapat dihapuskan.

**Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad:** Sejak berlakunya beberapa kejadian keganasan lanun serta rompakan berkumpulan di kawasan perairan dan di beberapa tempat di pantai timur Sabah, suatu operasi yang dinamakan "Operasi Tayang I" telah dilancarkan pada hujung tahun 1979 di kawasan tersebut dengan tujuan untuk memberi perlindungan keselamatan yang lebih berkesan kepada penduduk-penduduk tempatan serta untuk membanteras penjenayah-penjenayah berkenaan. Operasi itu masih berjalan dan ianya meliputi kawasan-kawasan Kudat, Sandakan, Lahat Datu, Semporna dan Tawau.

Tiga tempat pemeriksaan polis juga telah ditubuhkan untuk memeriksa semua bot-bot asing yang lalu-lalang untuk mencegah kegiatan-kegiatan yang tidak diinginkan berlaku. Tempat-tempat pemeriksaan itu adalah seperti berikut:

- (i) Karakit di kawasan Kudat;
- (ii) Wallace Bay di kawasan Tawau;

- (iii) Pulau Siamil di kawasan Semporna.

Dengan menempatkan anggota Polis Hutan di Pulau Siamil maka tertubuhlah sebuah pengkalan keselamatan di salah sebuah pulau di perairan pantai timur Sabah. Untuk memastikan keganasan lanun dapat dibendung, pengawasan telah diperketatkan lagi dengan menambah rondaan-rondaan di laut dan di udara seperti berikut:

- (i) Rondaan di laut oleh kapal-kapal Merin Polis;
- (ii) Rondaan di udara oleh Unit Udara Polis khas di kawasan Lahat Datu;
- (iii) Rondaan di laut oleh empat kapal Tentera Laut Diraja Malaysia di kawasan perairan Lahat Datu;
- (iv) kapal Maritime Patrol semasa kapal tersebut dalam rondaan di perairan Sabah.

Dengan mengetatkan pengawalan di pantai-pantai, pulau-pulau serta rondaan di laut dan di udara, maka keganasan lanun-lanun diperairan sebelah timur Sabah telah dapat dikawal dewasa ini.

*(Soalan No. 27. Sila lihat jawapan No. 21)*

## USUL

### RANCANGAN MALAYSIA KELIMA 1986-1990

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

Bahawa Dewan ini menyedari kemajuan yang telah dicapai dalam usaha melaksanakan Rancangan Malaysia Keempat, bersetuju

dengan usaha-usaha Kerajaan melaksanakan Dasar Ekonomi Baru untuk mencapai tujuan utama, iaitu perpaduan negara serta mengekalkan keamanan dan keselamatan; melulus dan menyetujui Rancangan Malaysia Kelima yang telah dirangka untuk menyesuaikan dan menumpukan dasar-dasar dan program-program bagi mengekalkan perkembangan sosio-ekonomi dan menjamin kestabilan ekonomi dalam jangka panjang serta meneruskan langkah-langkah untuk membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat seperti yang dibentangkan dalam Kertas Perintah Bilangan 15 Tahun 1986. Bahawa dalam meluluskan Rancangan Malaysia Kelima ini, Dewan ini menyeru semua rakyat Malaysia dari segenap lapisan untuk berusaha dengan lebih gigih lagi serta melengkapkan diri mereka untuk menghadapi cabaran sosio-ekonomi dan politik yang lebih besar selaras dengan hasrat Rukunegara dan bersatupadu untuk mewujudkan negara yang adil, progresif dan kukuh. (28hb Mac, 1986).

**Timbalan Yang di-Pertua:** Dijemput Yang Berhormat Ahli dari Beruas menyambung ucapan dan selepas beliau berucap, saya akan memohon supaya pihak Kerajaan menjawab dan mula menggulung perbahasan. Silakan Yang Berhormat.

3.38 ptg.

**Dato' Michael Chen Wing Sun (Beruas):** Tuan Yang di-Pertua, saya akan menyambung ucapan saya daripada dua perkara yang saya merujuk pada hari Jumaat minggu lalu sebelum persidangan Dewan ini ditangguhkan.

Tuan Yang di-Pertua, dua perkara yang masyarakat Cina selalu meminta Kerajaan mempertimbangkannya

ialah yang pertama persembahan Tarian Singa dibenarkan tanpa memerlukan permit; yang kedua, penghapusan Seksyen 21 (2) Akta Pelajaran 1962. Saya sangat bangga apabila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri baru-baru ini telah bersetuju untuk mempertimbangkan perkara ini. Saya berharap keputusan yang positif akan dibuat kelak.

Tuan Yang di-Pertua, sektor swasta telah diberi peranan yang besar untuk dimainkan sepanjang tempoh Rancangan Malaysia Kelima. Saya bersetuju dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa tanpa sokongan penuh dan penyertaan aktif daripada sektor swasta, kita tidak akan dapat mencapai matlamat Rancangan Malaysia Kelima, menyedari bahawa peranan sektor swasta sangat penting dan juga menyedari sifat sektor ini amat sensitif.

Mereka sensitif terhadap keadaan politik, mereka sensitif terhadap sentimen pasaran dan mereka juga sensitif kepada batasan-batasan. Kerajaan telah menghapuskan batasan-batasan dari Akta Penyelarasan Perindustrian 1975 dengan melonggarkan segera undang-undang yang berkenaan. Tindakan ini adalah bijak dan realistik.

Sebenarnya Akta Penyelarasan Perindustrian ini telah menimbulkan sedikit gangguan kepada suasana perdagangan dan para pelabur agar perbuatan hendak melabur. Walaupun undang-undang tersebut di bawah Akta Penyelarasan Perindustrian sekarang telah dipinda, sektor swasta masih mendapatinya membatasi kegiatan mereka. Oleh kerana itu, Kerajaan hendaklah terus mengamatinya dan sekiranya Akta tersebut masih menjadi rintangan kepada pelaburan swasta, maka ia hendaklah dipinda lagi ataupun dimansuhkan sama sekali.

Apa yang dikatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam ucapan beliau adalah betul. Keadaan-keadaan yang mendesak memerlukan langkah-langkah keras. Ini mungkin salah satu langkah keras yang terpaksa diambil oleh Kerajaan supaya pelaksanaan Rancangan Malaysia Kelima dapat dijamin berjalan dengan lancar.

Tuan Yang di-Pertua, kestabilan politik tidak juga kurang pentingnya untuk menjamin kemajuan ekonomi negara kita. Peristiwa-peristiwa yang telah berlaku akhir-akhir ini, seperti Peristiwa Memali ataupun Demonstrasi di Sabah telah mencemarkan nama baik negara kita. Apa yang telah berlaku akan tetap berlaku, yakni nasi sudah menjadi bubur. Biarlah ia menjadi pengajaran kepada kita semua supaya di masa hadapan peristiwa pahit ini tidak akan berulang lagi.

Tuan Yang di-Pertua, apabila Akta Perikanan 1984 dibahas di Dewan ini tahun lalu, saya telah pun melahirkan kebimbangan akan kemungkinan Akta ini menimbulkan kesusahan kepada kaum nelayan, malangnya ini terbukti benar. Baru-baru ini beberapa kes telah dibawa ke mahkamah dan denda yang besar telah dikenakan. Ini adalah amat membebankan kepada para nelayan, di samping itu mereka juga sering diserang oleh kumpulan-kumpulan bersenjata dari Indonesia di laut. Disebabkan oleh kesulitan-kesulitan ini, para nelayan tidak ada pilihan lain kecuali melancarkan satu tunjuk perasaan baru-baru ini. Di negeri-negeri Selangor dan Perak para nelayan di Pantai Remis, Lumut dan Pulau Ketam tidak lagi turun ke laut. Sekarang, bukan sahaja kaum nelayan yang menderita, orang ramai juga terpaksa membayar 40% lebih dari harga biasa apabila membeli ikan laut dan udang. Saya berharap Kerajaan

akan menimbangkan dengan bersungguh-sungguh untuk mencari jalan bagi menyelesaikan masalah ini.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan telah memberi penekanan yang besar kepada industri pelancongan di bawah Rancangan Malaysia Kelima supaya industri ini dapat membetulkan kedudukan imbalan bayaran negara yang kurang baik dan juga mengadakan peluang pekerjaan kepada beribu-ribu orang rakyat negara ini. Walaupun industri pelancongan telah meningkat maju kepada kadar yang memuaskan sepanjang tempoh Separuh Penggal Kedua Rancangan Malaysia Keempat yang mencatatkan penambahan jumlah pelancong yang masuk ke negara ini dari 2.25 juta orang dalam tahun 1980 kepada 3.22 juta orang dalam tahun 1985, masih terdapat ruang untuk kemajuan seterusnya. Kerajaan telah juga mengutamakan perbelanjaan yang lebih besar bagi menggalakkan industri ini di bawah Rancangan Malaysia Kelima. Malaysia mempunyai beraneka jenis sumber pelancongan, tetapi kemudahannya masih tidak mencukupi. Keperluan-keperluan asas para pelancong ialah tempat penginapan yang selaras, makanan yang baik, tempat-tempat menarik, kemudahan pengangkutan dan kemudahan sukan. Dewasa ini pasaran-pasaran pelancongan utama kita ialah Jepun, Australia, Hong Kong, Taiwan dan negara-negara asing. Nampaknya pelancong dari Hong Kong dan Taiwan kerap menghadapi kesulitan mendapat visa dari pihak berkuasa kita. Saya berharap Kerajaan akan menyiasat perkara ini. Para pelancong lazimnya gemar berihat sambil minum-minum, tetapi setengah-setengah pelancong pernah merungut kerana minuman di negara kita terlalu mahal hinggan segelas bir berharga kira-kira 3, 4 kali ganda lebih mahal jika dibandingkan

dengan harga di London dan tempat-tempat yang lain di Eropah.

Tuan Yang di-Pertua, pengangguran telah mendatangkan masalah, bukan sahaja pekerja-pekerja kilang telah hilang pekerjaan, juga terdapat pekerja-pekerja lombong telah diberhentikan kerja dan lebih daripada itu, graduan-graduan kita yang berkelulusan ijazah telah mengalami kesukaran untuk mendapat pekerjaan. Nampaknya di dalam keadaan kemelesetan ekonomi, timbullah suasana yang mana jumlah graduan-graduan telah melebihi daripada peluang pekerjaan yang ada. Inilah satu lagi pertanda di mana penawaran adalah lebih daripada permintaan. Saya rasa keadaan ini akan bertambah buruk di masa hadapan kerana banyak lagi graduan dijangka akan tamat pengajian mereka dan mereka akan masuk dalam pasaran buruh. Tanpa mempunyai pekerjaan, mereka ini akan berasa keciwa dan hampa. Saya rasa eloklah satu Badan Penasihat ditubuhkan oleh Kerajaan untuk membantu graduan-graduan ini.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa bulan yang lalu kenyataan-kenyataan telah dibuat oleh Kerajaan yang, di antara lain, telah menyatakan bahawa skim baru akan diwujudkan untuk memperbesar dan mempermodenkan sejumlah 465 kampung-kampung baru di seluruh negara. Pengumuman ini telah menimbulkan harapan yang tinggi terhadap penghuni-penghuni kampung baru. Dukacitalah hingga kini tidak ada satu peruntukan dibuat di dalam Rancangan Malaysia Kelima. Saya sungguh berharap pihak Kerajaan akan melaksanakan skim ini di dalam jangka masa Rancangan Malaysia Kelima.

Tuan Yang di-Pertua, masalah kekurangan guru masih wujud, ketara sekali wujud di sekolah-sekolah Cina

dan Tamil. Keadaan ini sudah tentu akan menimbulkan salah faham dan tandatanya sama ada kekurangan ini sengaja diada-adakan oleh Kerajaan untuk sabotaj sekolah-sekolah Cina dan Tamil. Sebagai seorang backbencher Barisan Nasional, saya berkeyakinan bahawa ini bukanlah niat pihak Kerajaan, tetapi ini adalah disebabkan oleh faktor-faktor yang tertentu, tetapi kadangkala kita tidak dapat memberi jawapan yang memuaskan.

Tuan Yang di-Pertua, tanpa satu keyakinan dan sikap (attitude) yang betul kita tidak mungkin akan mencapai tujuan-tujuan seperti yang terkandung di dalam Rancangan Malaysia Kelima walaupun kadar pertumbuhan ekonomi telah ditetapkan di atas kadar 5%. Saya percaya hanya dengan fahaman yang positif akan mendatangkan hasil yang positif. Jika Kerajaan bersikap positif dan juga kakitangan-kakitangan perkhidmatan awam bersikap positif dan semua rakyat Malaysia akan mengamalkan sikap yang positif, maka tidak ada sebab mengapa kita tidak boleh mencapai tujuan yang kita adakan. Dibalikannya, jika kita berasa passive dan negative, maka apa-apa tindakan yang dibuat oleh pihak Kerajaan tidak akan mendatangkan hasil seperti yang diharapkan, biar hingga 1990 menjelang. Jika kita gagal, kita tidak dapat mempersalahkan sesiapa, kecuali kita sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya menyokong usul ini. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, selepas ini saya akan memanggil Yang Berhormat Menteri Kewangan menjawab bagi pihak Jabatan Perdana Menteri bersekali dengan pihak Kementerian Kewangan berikutan dengan Kementerian

Pertahanan, selepas itu Kementerian Pertanian, Kementerian Kerja Raya, Kementerian Luar Negeri, Kementerian Perdagangan dan Perindustrian dan selepas itu Kementerian Perusahaan Utama, Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos dan seterusnya.

Dengan ini, saya menjemput Yang Berhormat Menteri Kewangan menjawab bagi pihak Jabatan Perdana Menteri bersekali dengan pihak Kementerian Kewangan.

*3.51 ptg.*

**Menteri Kewangan (Tuan Daim Zainuddin):** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan sebanyak-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan, teguran dan syor-syor yang membina pada masa perbahasan mengenai usul Rancangan Malaysia Kelima yang telah berlangsung beberapa hari yang lepas.

Saya akan menjawab bagi pihak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa perkara dasar yang utama yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat mengenai Rancangan Malaysia Kelima. Selain daripada itu, saya akan menjawab perkara-perkara terpenting yang berkaitan dengan Kementerian saya. Banyak perkara telah dibangkitkan semasa perbahasan, tetapi malangnya ada Ahli-ahli Yang Berhormat dari parti Pembangkang yang tidak menumpukan sepenuh perhatian kepada Rancangan Malaysia Kelima. Walaupun masa yang lebih dari mencukupi telah diberikan untuk membahaskan Kertas Putih BMF, Ketua Pembangkang masih lagi menyentuh perkara ini. Saya berharap isu BMF tidak lagi diheboh-hebohkan. Biarlah pihak Mahkamah meneruskan

tindakannya mengikut proses undang-undang terhadap penjenayah-penjenayah yang berkenaan. Tuan Yang di-Pertua .....

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya minta jalan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat hendak beri jalan?

**Tuan Daim Zainuddin:** Beri.

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya, kita di pihak sini akan terus mengheboh-hebohkan perkara skandal BMF sehingga sesiapa yang sebenarnya bertanggungjawab dalam skandal ini diketahui, sehingga satu Suruhanjaya Di Raja ditubuh untuk siasat sedalam-dalamnya dan kalau ini boleh dibuat, kita akan berhenti. Kalau tidak, bukan sahaja kita akan terus heboh-hebohkan, tetapi rakyat jelata akan terus heboh-hebohkan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat memaklumkan yang beliau akan terus heboh-hebohkan.

**Tuan Daim Zainuddin:** Saya sudah ambil perhatian.

Tuan Yang di-Pertua, mula-mula sekali saya ingin menyentuh beberapa perkara dasar berkaitan dengan Rancangan Malaysia Kelima yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat secara ringkasnya semasa perbahasan Ahli-ahli Yang Berhormat telah menyentuh perkara-perkara berikut:

- (1) Kedudukan ekonomi dan kewangan negara.
- (2) Dasar Ekonomi Baru.
- (3) Penyertaan sektor swasta dalam pembangunan negara.
- (4) Pembangunan perindustrian.
- (5) Perbelanjaan pembangunan di dalam Rancangan Malaysia Kelima.

Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka mendakwa bahawa kadar pertumbuhan ekonomi yang diramalkan sebanyak 5% dalam Rancangan Malaysia Kelima bagi tempoh 1986-1990 adalah terlalu optimis memandangkan harga barangan utama seperti getah, kelapa sawit, bijih timah dan petrolium yang semakin merosot. Adalah diakui bahawa harga-harga barangan keluaran negara telah merosot, tetapi Kerajaan yakin bahawa keadaan yang ada sekarang ini tidak akan berterusan sehingga tahun 1990.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, anggaran pertumbuhan ekonomi sebanyak 5% bagi tempoh 1986-1990 adalah merupakan pertumbuhan purata bagi tempoh 5 tahun. Kadar pertumbuhan dalam tahun 1986 dan 1987 mungkin rendah dari kadar purata ini, tetapi kedudukan ekonomi negara dijangka bertambah baik pada akhir tahun 80an. Anggaran ini akan dikaji semula dari masa ke semasa dan di ubahsuai berdasarkan kepada perubahan-perubahan yang berlaku. Perancangan untuk RML bukan dibuat secara statik, tetapi adalah merupakan satu proses yang berterusan. Oleh itu, jika anggaran itu tidak tercapai, program-program yang dirancangan akan di ubahsuai supaya ianya adalah selaras dengan kemampuan kewangan negara. Walau bagaimanapun, buat masa ini Kerajaan yakin ekonomi negara akan mengalami kadar pertumbuhan purata sebanyak 5% dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelima.

Keyakinan Kerajaan bahawa kadar pertumbuhan sebanyak 5% ini akan tercapai adalah juga berasaskan kepada pelaksanaan, perakuan-perakuan yang dibuat oleh Jawatankuasa Jemaah Menteri mengenai kemelesetan ekonomi. Jawatankuasa ini telah membuat 48

perakuan-perakuan kesemuanya. Antara yang terpenting termasuklah:

- (i) Melaksanakan rancangan perumahan secara besar-besaran, terutamanya Rancangan perumahan kos rendah;
- (ii) Melaksanakan projek kecil dan projek yang memerlukan tenaga pekerja yang banyak di kawasan bandar dan kawasan luar bandar;
- (iii) Membuka tanah-tanah untuk sektor swasta;
- (iv) Mengusahakan tanaman-tanaman pokok, tanaman jualan dan aquaculture.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tidak cukup korum.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Tidak cukup korum.

**Tuan Lim Kit Siang:** Sini pun tak cukup korum.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sila duduk Yang Berhormat, minta duduk sebentar Yang Berhormat. Peraturan Mesyuarat telah dibangkitkan iaitu dakwaan bahawa tidak cukup bilang. Setiausaha sila bilang.

*(Ahli-ahli dikira: 21 Ahli hadir)*

**Timbalan Yang di-Pertua:** 21 Ahli hadir, tidak cukup bilang. Sila bunyikan loceng.

*(Loceng dibunyikan: Ahli-ahli dikira, 39 Ahli hadir)*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri boleh teruskan.

**Tuan Daim Zainuddin:** Terima kasih,

- (v) Menggalakkan penggunaan barang-barang buatan.

- (vi) Melaksanakan usaha-usaha yang lebih gigih untuk menggalakkan pertumbuhan industri pelancongan.
- (vii) Menangguhkan pelaksanaan projek-projek yang banyak menggunakan modal. Mengambil masa yang lama untuk mendapat pulangan dan memerlukan input yang tinggi.

Pelaksanaan perakuan-perakuan ini akan meningkatkan pertumbuhan ekonomi negara. Selain dari itu, Kerajaan juga akan terus mengamalkan dasar berjimat-cermat dan mengawal segala perbelanjaan dengan ketat bagi memperkukuhkan lagi keutuhan ekonomi dan kedudukan kewangan negara.

Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kepung, Ipoh, Kapit, Kota Melaka dan Padang Serai telah menyentuh perkara-perkara berhubung dengan Dasar Ekonomi Baru, khususnya mengenai kemajuan yang telah dicapai untuk membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat. Antara lain, ada Ahli Yang Berhormat mendakwa bahawa pelaksanaan DEB telah menyebabkan sektor swasta kurang yakin untuk melabur. Ada juga yang berpendapat bahawa Dasar Ekonomi Baru telah menguntungkan golongan elit sahaja dan dasar ini tidak seharusnya dilanjutkan selepas tahun 1990.

Angka-angka mengenai kadar kemiskinan dan hakmilik sektor syarikat telah dipertikaikan. Ada juga Ahli Yang Berhormat yang mempersoalkan bagaimana kadar kemiskinan boleh turun sedangkan bilangan pengangguran di negara ini telah meningkat. Di samping itu Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka telah mencadangkan supaya ditubuhkan sebuah Institusi Perangkaan yang mempunyai otonomi.

Ahli Yang Berhormat dari Kapit pula mencadangkan supaya langkah-langkah positif diambil segera untuk mengurangkan kadar kemiskinan dan mewujudkan Pasukan Petugas untuk mengkaji kadar kemiskinan yang sebenarnya di Sarawak.

Dakwaan bahawa Dasar Ekonomi Baru telah menjejaskan pertumbuhan sektor syarikat adalah tidak berasas sama sekali. Perangkaan jelas menunjukkan bahawa semenjak Dasar Ekonomi Baru dilaksanakan, pelaburan swasta telah bertambah dengan banyaknya.

Dalam tahun 1971 hingga 1980 pelaburan swasta telah bertambah dengan pesat iaitu sebanyak 11.6%. Kelembapan pelaburan swasta dalam tempoh Rancangan Malaysia Keempat tidak boleh dikaitkan dengan pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru kerana Dasar Ekonomi Baru telah dilaksanakan semenjak tahun 1970 lagi. Kelembapan pelaburan swasta disebabkan oleh kemelesetan ekonomi dunia dan sikap sektor swasta sendiri yang tidak agresif dan tidak mengambil peluang sepenuhnya dari insentif yang diberikan oleh Kerajaan. Dakwaan ini jelas menunjukkan bahawa pihak Pembangkang masih lagi meragui Dasar Ekonomi Baru .....

**Dr Tan Seng Giaw:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua:** Adakah Yang Berhormat hendak beri jalan?

**Tuan Daim Zainuddin:** Ya.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat beri jalan, silakan.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, dengan pengakuan Yang Berhormat tadi bahawa pihak sektor swasta tidak berniat untuk menceburkan diri dengan pelaburan yang lebih banyak, ini bukan satu bukti lagi bahawa dasar yang

dijalankan oleh Kerajaan itu tidak begitu sesuai untuk menggalakkan mereka dan perseimbangan di antara sektor swasta dan sektor awam itu tidak begitu jelas lagi; dan yang kedua, itulah galakan kepada syarikat-syarikat terlalu besar sahaja bukan kepada syarikat-syarikat yang kecil dan perindustrian yang kecil. Walaupun ada \$200 juta diperuntukkan di dalam Rancangan Malaysia Kelima sekarang untuk sektor industri kecil, tetapi ini bukan mencukupi, belum berani lagi, belum komprehensif.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat menyalahkan bahawa kerana dasar itu tidak membangkitkan minat di kalangan sektor swasta, sama ada itu benar atau tidak.

**Tuan Daim Zainuddin:** Saya tidak bersetuju, Tuan Yang di-Pertua. Saya menganggap bahawa pihak sektor swasta tidak agresif itu sahaja. Dakwaan ini jelas menunjukkan bahawa pihak Pembangkang masih lagi meragui Dasar Ekonomi Baru, kepada rakyat jelata mereka kata mereka menyokong Dasar Ekonomi Baru, tetapi sebenarnya ialah tipu helah semata-mata. Pada mereka ini semua masalah disebabkan oleh Dasar Ekonomi Baru, lupakah mereka akan kejayaan-kejayaan yang telah dicapai semenjak pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru? Atau adakah mereka ini sengaja mahu tutup mata? Lihatlah di sekeliling kita perubahan yang pesat, yang telah berlaku di negara ini semenjak tahun 1970, kadar kemiskinan telah turun dengan banyaknya, negara telah menghasilkan banyak usahawan baik dari golongan bumiputera mahupun dari golongan bukan bumiputera. Jika sektor swasta telah terjejas akibat pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru, bagaimana kita dapat mengurangkan kadar kemiskinan? Bagaimana kita boleh mewujudkan usahawan dari berbagai-bagai kaum? Bagaimana kita

dapat mewujudkan peluang-peluang pekerjaan dan perniagaan? Oleh kerana pihak Pembangkang berpura-pura menyokong Dasar Ekonomi Baru, maka mereka telah mendesak supaya strategi-strategi Dasar Ekonomi Baru tidak lagi dilaksanakan selepas tahun 1990.

Saya ingin menegaskan di sini bahawa selagi kemiskinan wujud di bumi Malaysia, selagi keadaan tidak seimbang di kalangan rakyat masih wujud, selama itulah kita akan terus melaksanakan strategi-strategi dan rancangan-rancangan yang akan mempercepatkan pencapaian matlamat akhir kita iaitu untuk mewujudkan perpaduan di kalangan semua rakyat di negara ini. Perkara ini telah pun ditegaskan di Bahagian IV, Bab 3, muka surat 143, dokumen Rancangan Malaysia Kelima.

Ahli Yang Berhormat dari Pembangkang juga telah mendakwa bahawa Dasar Ekonomi Baru hanya memberi faedah kepada satu golongan kaum sahaja di negara ini, mereka juga berkata Dasar Ekonomi Baru hanya memberi faedah kepada golongan elite.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa membentangkan Usul Rancangan Malaysia Kelima telah menegaskan bahawa pembangunan di negara ini memberi faedah kepada semua golongan. Hakikat ini terbukti kepada kita semua, tetapi pihak Pembangkang untuk tujuan politik mereka yang sempit sentiasa menafikan hakikat ini, mereka sengaja tidak mahu menerima kenyataan.

Tuduhan bahawa Dasar Ekonomi Baru telah memberi faedah kepada golongan elite sahaja adalah tidak benar, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa membentangkan Rancangan ini telah menegaskan bahawa dalam proses pembangunan ekonomi yang terbuka

seperti negara kita, adalah menjadi satu perkara biasa bahawa terdapat golongan-golongan yang lebih berkeupayaan merebut peluang-peluang ekonomi dengan lebih banyak berbanding dengan golongan lain sama ada ia bumiputera ataupun bukan bumiputera. Oleh itu adalah mustahil kita dapat memberi faedah sama rata kepada semua pihak. Dalam hal ini seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum pencapaian Dasar Ekonomi Baru dari segi penyusunan semula hakmilik menunjukkan bahawa pada tahun 1985 kaum bumiputera hanya mampu mencapai lebih kurang 18% dari hakmilik syarikat sedangkan rakyat Malaysia yang lain memiliki 57% dan rakyat asing 25%.

Menjelang tahun 1990 pula angka-angka ini dijangka menjadi lebih kurang—22% bagi bumiputera, 53% rakyat Malaysia yang lain dan 26% bagi rakyat asing. Ini jelas menunjukkan bahawa seluruh rakyat Malaysia tidak mengira kaum telah memperolehi faedah daripada proses pembangunan negara.

Kerajaan ini dipilih oleh semua rakyat dan berkhidmat untuk semua kaum. Kerajaan berusaha mewujudkan iklim yang baik untuk kegiatan ekonomi. Kerajaan hanya boleh mewujudkan peluang-peluang tetapi terserahlah kepada rakyat untuk merebut peluang yang disediakan itu.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai kemiskinan dan pendapatan garis kemiskinan. Saya ingin menjelaskan bahawa konsep kemiskinan yang digunakan dalam Rancangan Malaysia Kelima sebenarnya tidak berbeza dengan yang terdapat dalam Rancangan-rancangan Lima Tahun yang lepas. Pendapatan garis kemiskinan adalah digunakan untuk mengira bilangan isirumah miskin dan mengukur kadar kemiskinan di negara

ini. Pendapatan garis kemiskinan mengambilkira keperluan-keperluan minimum sesebuah isirumah bagi tiga perkara utama iaitu makanan, pakaian serta keperluan-keperluan lain seperti sewa tempat kediaman, bahanapi (tenaga), pengangkutan, perhubungan, kesihatan, pelajaran dan rekreasi.

Pendapatan garis kemiskinan diubahsuai setiap tahun untuk mengambilkira perubahan dalam angkatanjuka harga pengguna. Angka-angka kadar kemiskinan yang terdapat dalam dokumen Rancangan Malaysia Kelima adalah berasaskan data-data daripada Penyiasatan Pendapatan Isirumah atau, dengan izin, Household Income Survey, 1984.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, angka-angka mengenai kemiskinan yang terdapat dalam dokumen Rancangan Malaysia Kelima berasaskan sumber-sumber secara langsung iaitu penyiasatan selepas banci 1970, banci pertanian 1977 dan penyiasatan pendapatan isirumah tahun 1984.

Angka-angka mengenai kemiskinan yang terkandung dalam rancangan-rancangan sebelum ini adalah berasaskan kepada sumber-sumber secara tidak langsung sahaja. Sumber-sumber tersebut didapati mempunyai beberapa kelemahan, oleh itu sekarang ini sumber secara langsung iaitu lebih tepat digunakan. Walau bagaimanapun, saya ingin menegaskan bahawa konsep kadar kemiskinan antara rancangan sekarang dengan rancangan sebelumnya tidak berbeza.

Mengenai pengiraan hakmilik sektor syarikat pula, asas utama yang digunakan ialah penyiasatan hakmilik syarikat-syarikat berhad bagi tahun 1971 hingga 1982. Rekod-rekod daripada Pejabat Pendaftaran Syarikat dan data-data dari Agensi-agensi

Amanah Kerajaan juga digunakan. Di samping itu Kerajaan mengambilkira perkembangan ekonomi negara keseluruhannya serta kesannya terhadap pertumbuhan sektor swasta.

Berhubung dengan mengapa kadar kemiskinan, berkurangan sedangkan kadar pengangguran meningkat? Saya ingin menegaskan bahawa kedua perkara ini tidak boleh dianggap mempunyai hubungan secara langsung.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, kemiskinan dikira berasaskan isirumah sedangkan pengangguran berasaskan individu. Seseorang yang menganggur tidak semestinya miskin dan begitu juga sebaliknya, pengangguran yang meningkat adalah disebabkan terutamanya oleh perkembangan tenaga buruh yang lebih cepat daripada perkembangan peluang pekerjaan. Di negara kita kadar pengangguran adalah lebih tinggi di kalangan golongan muda iaitu antara umur 15 hingga 24 tahun, mereka adalah terdiri daripada golongan berpendidikan formal yang tidak bersedia untuk menerima pekerjaan kolar biru.

Mereka terlalu memilih pekerjaan dan sanggup menganggur walaupun dalam jangka masa yang lama dan kebanyakan mereka masih dalam tanggungan keluarga. Keadaan ini menunjukkan bahawa pengangguran tidak mempunyai kaitan secara langsung dengan kemiskinan. Walau bagaimanapun, ini bukan bermakna Kerajaan memandang ringan masalah pengangguran. Pada akhir Rancangan Malaysia Kelima Kerajaan menjangka kadar pengangguran akan meningkat kira-kira 10%.

Seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, kita telah pun mula mengambil langkah-langkah tertentu bagi mengatasi masalah

pengangguran. Ini termasuklah rancangan pembinaan rumah kos rendah, pembinaan lebuhraya dan jalanraya, projek bekalan air luar bandar dan pembukaan tanah untuk pertanian.

Selain dari itu Kerajaan telah mengambil langkah untuk menggalakkan pelaburan asing dengan melonggarkan syarat ekuiti serta mengurangkan kos perniagaan melalui pengurangan kadar telefon, teleks dan elektrik. Bank-bank juga telah menurunkan kadar faedah untuk menggalakkan pelaburan supaya masalah pengangguran dapat dikurangkan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Sepang telah menyarankan supaya kemiskinan sepatutnya dihapuskan sama sekali di negara ini menjelang tahun 1990. Memang inilah hasrat Kerajaan tetapi kita seharusnya bersikap realistik. Kita tidak boleh hidup di dalam alam mimpi. Ada orang yang mungkin terbawa-bawa dengan alam mimpi secara khayal dan terpisah dari kenyataan. Tiada sebuah negara pun di dunia setahu saya yang telah berjaya menghapuskan kemiskinan sama sekali.

Di negara-negara maju seperti Amerika Syarikat dan Jepun pun ada orang miskin, apatah lagi negara membangun seperti Malaysia. Walau bagaimanapun, Kerajaan ingin memberi jaminan bahawa usaha yang lebih gigih akan dilaksanakan bagi mengurangkan kadar kemiskinan di negara ini.

Tiada siapa pun yang dapat menafikan bahawa kita telah mencapai kejayaan yang amat besar dalam mengurangkan kadar kemiskinan. Pada pengetahuan saya tidak ada negara lain di dunia yang telah berjaya mengurangkan kadar kemiskinannya dari 49.3% kepada 8.4% dalam tempoh 14 tahun.

Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka tidak menerima perangkaan yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan. Beliau mencadangkan supaya sebuah institusi perangkaan yang mempunyai otonomi ditubuhkan untuk mengumpul dan mengeluarkan data-data bagi kemudahan Kerajaan dan rakyat. Yang anihnya ada perangkaan yang diterima dan ada yang tidak diterima oleh Pembangkang. Mereka percaya perangkaan mengenai jumlah penduduk, pengangguran, harga barangan tetapi tidak percaya mengenai data-data berhubung dengan kemiskinan atau hakmilik syarikat.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, semua ini dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan. Janganlah pilih ikut selera sahaja. Kita tidak perlu mengubah institusi perangkaan yang mempunyai otonomi. Kita sudah pun mempunyai satu sistem pengumpulan data yang memuaskan. Jabatan Perangkaan dianggotai oleh pegawai-pegawai yang mahir dan berkebolehan dan dapat mengeluarkan data-data yang tepat serta mencukupi keperluan kita. Peraturan mengumpul data yang rapi diikuti oleh Jabatan Perangkaan dalam kerja-kerja mengumpul data untuk mengurangkan kesilapan-kesilapan kepada tahap yang minimum dan untuk menentukan data-data yang dikeluarkan adalah tepat.

Ketepatan maklumat yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan tidak harus diragui dan dipersoalkan. Di samping itu Kerajaan sentiasa menggalakkan institusi-institusi seperti universiti-universiti, institusi-institusi penyelidikan dan badan-badan swasta untuk menjalankan kajian-kajian berasingan dengan tujuan mengesahkan data-data yang dikeluarkan oleh Kerajaan khususnya Jabatan Perangkaan.

Mengenai kemiskinan di Sarawak, di kalangan beberapa kumpulan penduduk di negeri tersebut sepertimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, banyak kemajuan telah dicapai dalam usaha mengurangkan kadar kemiskinan di negeri Sarawak. Kadar kemiskinan di Sarawak telah turun daripada 56.5% pada tahun 1976 kepada 31.9% pada tahun 1984. Ini adalah satu pencapaian yang boleh dibanggakan.

Penurunan kadar kemiskinan di Sarawak adalah hasil dari usaha-usaha Kerajaan melaksanakan berbagai program dan projek bagi meningkatkan daya pengeluaran dan pendapatan rakyat golongan miskin. Projek-projek ini termasuklah pemberian kredit dan subsidi, penyediaan kemudahan parit dan taliair, pemberian khidmat pengembangan dan pemasaran serta pembukaan tanah-tanah baru dan penempatan peneroka. Usaha-usaha membasmi kemiskinan di Sarawak dan juga di negeri lain akan terus digiatkan. Walau bagaimanapun, Kerajaan ingin menekankan bahawa peningkatan daya pengeluaran hendaklah dengan daya usaha sendiri dan tidak seharusnya terlalu bergantung kepada bantuan dari pihak Kerajaan.

Cadangan Ahli Yang Berhormat dari Kapit mengenai penubuhan satu pasukan petugas untuk mengkaji kadar kemiskinan yang sebenarnya adalah tidak perlu. Kerajaan yakin kadar kemiskinan di negara ini akan dapat dikurangkan lagi di masa hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat dari Ipoh dan Kota Melaka telah membangkitkan soal mengenai penyertaan pihak swasta dalam pembangunan negara. Ahli Yang Berhormat dari Ipoh mendakwa bahawa langkah Kerajaan untuk menggalakkan pertumbuhan sektor

swasta adalah lembab dan minimum. Menurut beliau langkah-langkah untuk menghapuskan kawalan-kawalan ke atas ekonomi telah dibuat dengan cara yang lebih drastik yang menekankan kepada perubahan struktur. Beliau seterusnya mencadangkan supaya Akta Penyelarasan Perindustrian atau ICA dihapuskan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Ipoh masih menjadikan ICA sebagai batu penghalang kepada pembangunan sektor swasta. Ahli Yang Berhormat seharusnya sedar walaupun ICA telah diperkenalkan, ekonomi negara dan prestasi sektor swasta adalah menggalakkan pada tahun 1970an. Ekonomi negara berkembang sebanyak 8% setahun dalam tempoh tersebut. Sebenarnya pertumbuhan sektor swasta yang lembab sekarang ini adalah berpunca dari kelemahan yang dihadapi oleh sektor swasta sendiri dan bukan disebabkan oleh ICA. Kerajaan telah pun melaksanakan beberapa langkah untuk mengurangkan kawalan-kawalan ke atas kegiatan ekonomi khususnya dalam setahun dua kebelakangan ini.

Di samping langkah-langkah positif yang lain untuk mewujudkan suasana pelaburan yang lebih menggalakkan, tidak perlulah saya menerangkan langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan kerana perkara ini telah saya jelaskan beberapa kali. Sekejap tadi pun saya telah nyatakan beberapa langkah yang utama. Yang penting sekarang ialah untuk sektor swasta menyambut dengan positif langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan.

Janganlah menjadikan ICA sebagai helah. Adalah mustahil bagi Kerajaan menghapuskan semua prosedur dan kawalan. Kawalan yang diperlukan untuk menjaga kepentingan awam.

Jika semua kawalan dan prosedur dihapuskan sektor swasta pun akan terjejas. Tidak ada peraturan dan kawalan bermakna tidak ada undang-undang. Tidak ada gunanya ditubuhkan Kerajaan jika kawalan dan peraturan hendak di hapuskan sama sekali. Dalam keadaan ini negara sudah tentu kucar-kacir. Walau bagaimanapun, saya ingin memberi jaminan bahawa Kerajaan akan terus berusaha memperbaiki prosedur yang usang atau yang membantut perkembangan sektor swasta dengan mengambil tindakan yang sewajarnya.

Ahli Yang Berhormat dari Ipoh mendakwa bahawa perancangan di bawah Rancangan Pelan Induk Perindustrian (IMP) terutamanya mengenai industri kecil adalah tidak lengkap kerana IMP menggunakan andaian-andaian mengenai pertumbuhan yang melebihi 5% dan tidak mengambilkira kos yang tinggi di kalangan industri kecil. Ahli-ahli Yang Berhormat dari Ipoh dan Kota Melaka pula membangkitkan persoalan mengenai pengeluaran petroleum.

Ahli Yang Berhormat dari Ipoh mencadangkan supaya pengeluaran petroleum diselaraskan mengikut keperluan negara supaya generasi yang akan datang juga mendapat faedah darinya.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi kepentingan dasar, Kerajaan memang memberi keutamaan kepada perusahaan kecil di semua peringkat dalam sektor perindustrian. Di bawah Rancangan Malaysia Kelima, strategi-strategi pembangunan perusahaan kecil telah dikenalpasti dan perlaksanaannya akan dijalankan dalam konteks pembangunan perindustrian keseluruhannya. Strategi-strategi ini adalah berkait rapat dengan IMP meliputi industri logam dan kejenteraan ringan yang mengeluarkan bahan-bahan

pengutaraan, dengan izin, intermediate dan juga lain bahan pengganti sebagai input, untuk perusahaan lain di samping kegiatan pengeluaran barang-barang akhir, dengan izin, final product yang mempunyai kesan, dengan izin, linkage dan potensi eksport.

Untuk melaksanakan program-program perusahaan kecil di bawah strategi ini Kerajaan akan menyediakan berbagai-bagai skim galakan untuk menyokong pembangunan perusahaan kecil. Ini termasuklah skim pinjaman dengan kadar faedah khas melalui bank-bank dengan Institusi-institusi Kewangan, mengadakan khidmat sokongan, mengadakan kemudahan latihan, menyediakan peluang-peluang sub-contracting dan juga peluang-peluang untuk mendapat dan menggunakan teknologi yang sesuai untuk perkembangan industri-industri kecil. Kesemua kemudahan ini akan disalurkan melalui agensi-agensi Kerajaan yang terlibat seperti MARDI, SIRIM, NPC, Kementerian Perdagangan dan Perindustrian di bawah program dan kegiatan masing-masing. Perkembangan industri kecil adalah penting dalam ekonomi negara dan Kerajaan tidak akan mengabaikannya.

Mengenai pengeluaran petroleum pula, beberapa langkah telah pun diambil untuk menentukan supaya generasi yang akan datang dapat menikmati faedah daripada pengeluaran petroleum negara. Langkah-langkah ini termasuklah mengamalkan Dasar Susutan Negara bagi menentukan jangka hayat sumber petroleum dapat dipanjangkan seberapa yang boleh; melonggarkan Syarat-syarat Perjanjian Pengeluaran Bersama, dengan izin, Production Sharing Contract supaya lebih menarik kepada sektor swasta untuk mempergiatkan carigali, menubuhkan sebuah yayasan untuk menerima

caruman daripada sumber-sumber yang merosot terutama sekali petroleum. Tabung Yayasan ini akan dilaburkan dalam kegiatan-kegiatan tertentu untuk faedah generasi yang akan datang.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan tidak berhasrat untuk mengurangkan keluaran petroleum. Kejatuhan harga-harga bahan utama termasuk petroleum telah menjejaskan pendapatan negara.

**Tuan Lim Kit Siang:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua:** Adakah Yang Berhormat hendak beri jalan?

**Tuan Daim Zainuddin:** Silakan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Menteri berkata bahawa Kerajaan tidak berhasrat untuk mengurangkan pengeluaran. Soalan saya ialah oleh kerana apa yang dikatakan oleh Penasihat PETRONAS, Tun Hussein Onn semalam, bahawa oleh kerana kejatuhan harga semua barangan (commodity) PETRONAS perlu menambahkan lagi pengeluaran. Adakah ini bererti bahawa Kerajaan berhasrat untuk meningkatkan pengeluaran petroleum daripada 510,000 tong sehari yang ditetapkan dalam Budget?

**Tuan Daim Zainuddin:** Tidak. Jika pengeluaran petroleum dikurangkan, masalah pembiayaan perbelanjaan negara akan menjadi bertambah rumit lagi. Walau bagaimanapun, perlu ditekankan bahawa paras pengeluaran sekarang tidak akan menjejaskan Dasar Susutan Negara mengikut petroleum.

Ahli Yang Berhormat dari Kepong meminta Kerajaan memastikan supaya peruntukan pembangunan seperti yang dikemukakan di dalam Jadual-jadual 7 (9) dan 7 (11)

Rancangan Malaysia Kelima tidak digunakan dengan sewenang-wenangnya. Mengikut beliau, peruntukan pembangunan untuk Rancangan Malaysia Keempat sebahagian besarnya telah dihabiskan dalam separuh masa pertama dan peruntukan tambahan terpaksa dibuat dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keempat.

Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak benar peruntukan pembangunan dalam Rancangan Malaysia Keempat digunakan sewenang-wenangnya sebagaimana yang didakwa oleh Ahli Yang Berhormat itu. Projek-projek yang diluluskan adalah dilaksanakan mengikut skop dan kos yang telah ditetapkan. Sebarang perubahan skop dan kos telah dipertimbangkan dengan teliti oleh Kerajaan. Peruntukan Rancangan Malaysia Keempat memang telah dibelanjakan sebahagian besarnya dalam tempoh separuh masa pertama. Ini adalah disebabkan oleh faktor-faktor berikut:

- (1) Pengenalan kaedah perdagangan dan pelaksanaan yang lebih cekap dan berkesan. Hasil daripada pelaksanaan perakuan-perakuan Jawatan-kuasa Kabinet mengenai langkah-langkah mempercepatkan pelaksanaan projek, di antaranya termasuklah pelaksanaan sebahagian daripada projek-projek Kerajaan menerusi konsep "turnkey" dan tambahan kakitangan untuk meningkatkan daya keupayaan agensi bagi melaksanakan projek.
- (2) Tambahan dalam kos beberapa projek;
- (3) Dasar Kerajaan pada masa itu untuk menggalakkan pertumbuhan ekonomi melalui tambahan dalam perbelanjaan Kerajaan Persekutuan (Counter Privatical Policy).

Kerajaan akan terus memastikan bahawa perbelanjaan akan digunakan dengan berhati-hati sesuai dengan langkah berjimat-cermat. Kerajaan tidak akan membazirkan wang rakyat. Peruntukan yang telah disediakan akan dikaji dan perbelanjaan akan disesuaikan dengan keadaan ekonomi dan sumber kewangan dari masa ke semasa.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya ingin menyentuh beberapa perkara penting yang dibangkitkan berkaitan dengan Kementerian Kewangan. Beberapa orang Ahli Yang Berhormat telah menyuarakan kebimbangan terhadap harga barangan utama keluaran negara yang semakin merosot. Seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, Kerajaan juga memang memandangkan berat kedudukan harga-harga barangan utama eksport negara. Kejatuhan harga barangan utama tidak dapat dielakkan oleh kerana permintaan yang lembab dan lebih bekalan dan stok di pasaran dunia. Usaha-usaha Pertubuhan Antarabangsa seperti Pertubuhan Getah Asli Antarabangsa (INRO) bagi getah, dan Majlis Timah Antarabangsa (ITC) bagi timah untuk menstabilkan harga barangan berkenaan tidak berkesan.

Memandangkan keadaan ini, masanya telah tiba bagi kita menghadapi kenyataan bahawa kita tidak boleh bergantung semata-mata kepada pengeluaran barang-barang utama. Kita tidak boleh menumpukan perhatian kepada pengeluaran barang utama sahaja. Sebaliknya Malaysia perlulah meningkatkan aktiviti-aktiviti memproses barangan-barangan mentah dan barang-barang utama yang dapat dikeluarkan dari bumi negara kita ini. Dengan cara ini dapatlah kita mempelbagaikan keluaran eksport negara dan mengelakkan negara dari hanya bergantung kepada eksport barangan utama sahaja. Kita perlu

melaksanakan usaha yang lebih gigih bagi menggalakkan pertumbuhan sektor pembuatan. Untuk mencapai matlamat ini, kita memerlukan satu sektor swasta yang lebih dinamik yang dapat merebut peluang-peluang perniagaan dengan cekap dan berkesan.

Ada di antara Ahli-ahli Yang Berhormat telah membangkitkan masalah kadar faedah yang tinggi di negara ini. Saya ingin memaklumkan bahawa Kerajaan telah mengambil beberapa langkah untuk mengurangkan kadar-kadar faedah. Ini termasuklah tambahan kumpulan wang sebanyak \$1.9 billion oleh Bank Negara Malaysia dalam sistem kewangan pada tahun 1985. Akibat daripada campurtangan Bank Negara, kadar faedah telah turun pada 24hb Jun 1985, bank-bank perdagangan telah pun menurunkan kadar pinjaman asas daripada 12.25% kepada 11.25%. Ini diikuti dengan satu lagi penurunan dalam kadar pinjaman asas sebanyak 0.5% kepada 10.75% pada penghujung Oktober, 1985.

Saya mengakui bahawa kadar faedah masih tinggi jika dibandingkan dengan negara-negara lain. Ini disebabkan oleh kadar pertumbuhan simpanan yang perlahan berbanding dengan kadar pertumbuhan pinjaman. Walau bagaimanapun kadar faedah tidak boleh diturunkan kepada 3% seperti yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh, kerana kadar faedah yang diberi kepada akaun simpanan pada masa ini adalah di antara 6% hingga 8%. Jika kadar pinjaman diturunkan kepada 3%, ini bermakna kadar faedah akaun simpanan mesti kurang daripada 3%. Kadar yang rendah tidak akan menggalakkan simpanan-simpanan dan akan meluaskan jurang di antara simpanan dan pinjaman. Ini juga akan mengakibatkan pengaliran keluar wang dari negara ini. Walau

bagaimanapun, saya ingin memberi jaminan bahawa Kerajaan akan terus berusaha mendapatkan kerjasama Institusi-institusi Kewangan bagi mengurangkan kadar faedah.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah memberi teguran yang membina semasa membahaskan Rancangan Malaysia Kelima. Dalam masa satu dua tahun ini, negara telah menghadapi berbagai cabaran. Keadaan ekonomi dan kewangan negara masih lagi kurang menggalakkan. Rancangan Malaysia Kelima akan dilaksanakan dengan konteks kedudukan ekonomi yang lebih lembab dari rancangan-rancangan yang lepas. Oleh itu kita perlu menghadapi cabaran ini dengan lebih cekal dan dengan sikap yang lebih positif. Kita tidak seharusnya membiarkan diri kita hanyut di dalam cabaran ini. Kita perlu memperkukuhkan azam untuk mencapai cita-cita. Mewujudkan negara yang lebih aman, makmur dan bersatupadu kita perlu bekerja kuat untuk bersaing dengan negara-negara lain di dunia. Kita tidak seharusnya tercicir dibelakang kerana kita mempunyai sumber-sumber dan potensi untuk mencapai kejayaan yang lebih besar.

Saya yakin bahawa anggaran kadar pertumbuhan ekonomi sebanyak 5% dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelima akan tercapai jika kita sanggup bekerja keras membuat pengorbanan dan juga sektor swasta sanggup memainkan peranan yang diharapkan oleh Kerajaan. Kerajaan akan sedaya upaya membantu sektor swasta dan meninggikan taraf hidup rakyat terutama rakyat miskin.

Sudah sampai masanya sektor swasta mempunyai sikap yang lebih positif dan agresif supaya cita-cita negara akan tercapai. Dengan berkat

sokongan semua rakyat di negara ini, insya Allah, negara kita akan menjadi lebih makmur dan bersatu-padu dan mencapai kejayaan yang lebih gemilang lagi menjelang tahun 1990.

Tuan Yang di-Pertua, sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Dijemput Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan.

4.31 ptg.

**Timbalan Menteri Pertahanan (Dato Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha):** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengambil peluang di sini untuk mengucapkan berbilang terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan Rancangan Malaysia Kelima, khasnya kepada Ahli Yang Berhormat dari Batang Padang yang telah menunjukkan minat serta memberi syor-syor dan pandangan yang berguna kepada Kementerian Pertahanan.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Batang Padang telah membangkitkan soal pembelian baju celoreng dari pembekal luar, bukan dari MARA. Di sini suka saya menyatakan bahawa sebenarnya kain celoreng ini adalah termasuk salah satu bahan kawalan (controlled item) dan ianya tidak boleh didapati secara sewenang-wenangnya dari mana-mana pembekal. Untuk bekalan kepada Kementerian Pertahanan, ianya dibuat melalui kontrak pusat sebagaimana yang disyaratkan oleh Perbendaharaan Malaysia. Kontrak ini dibuat melalui tender dan mana-mana penender yang dapat memenuhi setiap syarat yang diperlukan adalah layak untuk dipilih menjadi pembekal

kepada Kementerian Pertahanan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, salah satu pembekal bahan ini ialah Syarikat KIMA Sdn. Berhad iaitu salah sebuah anak syarikat MARA di samping syarikat yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai syor Ahli Yang Berhormat supaya dikurangkan pengambilan kaum wanita dalam Angkatan Tentera kita Tentera, perkara ini juga perlulah diperhatikan bahawa adalah menjadi prinsip kepada negara untuk memberi seberapa boleh peluang pekerjaan yang sama di antara kaum lelaki dan wanita yang berkelayakan di dalam semua bidang kerjaya termasuklah kerjaya yang berbentuk ketenteraan. Memang tidak dinafikan sifat semula jadi wanita kadang-kadang tidak dapat bersaing dengan kaum lelaki dalam membuat kerja-kerja lasak yang memerlukan tenaga yang lebih. Oleh itu, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peranan yang dimainkan oleh anggota tentera wanita adalah lebih kepada tugas-tugas yang bercorak "non-combatent role", dengan izin, dan tugas pentadbiran.

Mengikut peraturan yang ada sekarang, peratusan anggota tentera wanita dalam Angkatan Tentera kita iaitu termasuk pegawai dan lain-lain pangkat mesti tidak melebihi 4% dari jumlah keseluruhan keanggotaan tentera.

Ahli Yang Berhormat itu juga telah membangkitkan soal kekurangan rumah kediaman untuk anggota-anggota tentera kita. Terima kasih sekali lagi kepada Ahli Yang Berhormat yang begitu mengambil berat tentang kekurangan tempat kediaman ini. Kementerian saya sentiasa sedar tentang masalah ini. Oleh sebab itulah pada dasarnya pembinaan rumah-rumah kediaman untuk anggota tentera diberi keutamaan yang tinggi. Ini terbukti

dengan usaha-usaha Kementerian saya memohon peruntukan untuk perumahan sebanyak \$755 juta dalam Rancangan Malaysia Kelima. Walaupun dalam perkara ini matlamat Kementerian adalah untuk menyediakan kemudahan perumahan secara menyeluruh bagi menampung keperluan anggota tentera, tetapi oleh kerana beberapa masalah yang dihadapi seperti kemelesetan ekonomi yang dihadapi oleh negara sekarang dan juga jangka masa pembinaan yang panjang, menyebabkan masalah kekurangan ini belum dapat diatasi sepenuhnya dalam jangka masa yang pendek.

Walaupun demikian, Kementerian ini berjaya membeli sebanyak 1,373 unit dan membina 5,772 unit dalam tempoh Rancangan Malaysia Keempat. Bagi Rancangan Malaysia Kelima pula, Kementerian saya telah memohon peruntukan untuk menambah jumlah yang sedia ada dengan membina lebih kurang 13,000 unit lagi. Semoga dengan penambahan pembinaan ini, masalah perumahan yang dihadapi sekarang dapat dikurangkan.

Itulah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, beberapa soalan, syor dan pandangan yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Batang Padang semasa perbahasan Rancangan Malaysia Kelima yang lalu. Di atas pandangan dan perhatian yang membina itu saya sekali lagi mengucapkan ribuan terima kasih dan, insya Allah, setiap pandangan Ahli Yang Berhormat itu akan dikaji sebaik-baiknya oleh Kementerian saya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri Pertanian.

4.35 ptg.

**Menteri Pertanian (Tuan Anwar bin Haji Ibrahim):** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyatakan setinggi-tinggi

penghormatan dan terima kasih terhadap pandangan, teguran dan cadangan yang dikemukakan oleh rakan-rakan saya, Ahli-ahli Yang Berhormat dalam membahaskan Rancangan Malaysia Kelima baru-baru ini.

Berhubung dengan perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat mengenai kurangnya sambutan para pemuda dan belia di dalam pelaksanaan DPN (Dasar Pertanian Negara), terutama disebabkan oleh kesukaran mendapat tanah dan jaminan pasaran kepada hasil-hasil pertanian yang dikeluarkan, sukacita dimaklumkan bahawa Kementerian sememangnya memberikan perhatian terhadap perkara yang dibangkitkan. Perkara ini bertambah mendesak terutama pada zaman kemelesetan ekonomi yang melanda negara sekarang.

Di antara langkah-langkah awal yang telah diambil oleh Kementerian bagi menjayakan pelaksanaan DPN ini ialah dengan mengenalpasti kawasan-kawasan sesuai terutama tanah-tanah terbiar yang tidak diusahakan bagi kegunaan kegiatan pertanian. Pindaan Kanun Tanah Negara yang dibuat oleh Kerajaan baru-baru ini, yang diluluskan oleh Parlimen baru-baru ini, telah memberi peluang bagi mereka yang berminat menggunakan tanah-tanah terbiar yang tidak diusahakan. Aktiviti pertanian yang dirancangan oleh belia-belia merupakan aktiviti pertanian berkelompok dan komersial dan ini akan memastikan masalah pemasaran hasil-hasil pertanian tidak timbul lagi dan pihak FAMA telah juga mewujudkan peluang-peluang pasaran di dalam dan luar negeri.

Kerajaan juga terus giat memulihkan tanah terbiar di bawah Rancangan Malaysia Kelima. Ini adalah dengan mengenalpasti jenis-jenis tanaman yang sesuai yang boleh dimajukan. Pada tahun ini dan tahun

lalu pun kebanyakan dari tanah-tanah ini telah pun dipulihkan terutama di kawasan-kawasan di mana infrastruktur dan prasarana yang telah diperbaiki dan kawasan-kawasan tanah yang dikira agak subur.

Kementerian juga sedang mengkaji semula dan mengubahsuai program-program latihan yang dijalankan oleh Institut, Pusat Latihan, Jabatan dan agensi Kementerian. Langkah ini difikirkan perlu supaya belia-belia yang dilatih bukan sahaja akan menjadi pekerja mahir di sektor pertanian tetapi juga akan digalakkan untuk menjadi petani-petani moden yang mampu mengurus ladang secara terkawal dan sesuai serta selaras dengan Dasar Pertanian Negara. Kerjasama rapat juga diadakan dengan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan serta agensi-agensi lain yang terlibat.

Selaras dengan usaha mewujudkan usahawan-usahawan pertanian, Kementerian melalui Jabatan Pertanian telah mengubahsuai fungsi Institut Pertanian yang bukan sahaja akan mengeluarkan bakal-bakal Juruteknik Pertanian tetapi akan menjadi Pegawai Operasi dan petani-petani moden, sesuai dengan kurikulum yang disusun semula dan latihan amali yang lebih diberatkan agar pelatih-pelatih ini akan menjadi usahawan pertanian. Adalah dijangka dalam tempoh RML sejumlah 2,000 graduan akan dapat dikeluarkan tidak sebagai Juruteknik Pertanian tetapi sebagai petani-petani moden.

Ahli-ahli Yang Berhormat dari Sepang, Hilir Padas, Kuala Lumpur Bandar dan Batang Padang telah membangkitkan soal latihan ini dan cadangan-cadangan lain yang boleh memberikan kesempatan dan ruang yang lebih luas kepada belia-belia. Ini melalui projek-projek yang sedia ada di Jabatan Pertanian, Belia Peladang

dan lain-lain akan tentunya dapat ditingkatkan selain daripada projek ternakan dan ternak air.

Menyentuh tentang sistem pemasaran yang harus diperbaiki untuk petani dan nelayan, Kementerian sebenarnya telah pun mengadakan beberapa langkah dan di Dewan ini pun telah diberi penjelasan tentang kompleks pendaratan ikan yang dikelolakan oleh LKIM, tentang pasar-pasar tani dan pasar-pasar borong yang ditingkatkan untuk memberi kesempatan agar petani-petani dapat menjual secara langsung hasil tanaman mereka dan dapat mengurangkan masalah kelonggaran (irregularities) dalam infrastruktur pemasaran yang terdapat sekarang. Tetapi petani-petani juga hendaklah diperingatkan dari masa ke semasa supaya kualiti barangan mereka ditingkatkan dan hasil pengeluaran mereka itu dapat dikeluarkan secara teratur dan sepanjang masa.

Sejak FAMA memulakan pasar tani pada bulan Januari, 1985 sehingga Februari, 1986, FAMA telah mendirikan sejumlah 15 pasar tani di seluruh Semenanjung. Dalam tempoh ini juga 535 orang petani dan nelayan serta 72 buah institusi petani khususnya PPK (Pertubuhan Peladang Kawasan) dan Persatuan Nelayan telah menyertai program dengan memasarkan sejumlah \$2.3 juta hasil pertanian mereka. Memandangkan kepada prestasi yang begitu menggalakkan, FAMA akan terus mewujudkan pasar-pasar tani di kawasan-kawasan pengguna utama. Dalam tempoh Mac hingga Disember, 1986, FAMA akan mewujudkan sejumlah 17 buah lagi pasar tani di seluruh negara.

Yang Berhormat dari Kota Melaka menyentuh tentang masalah kadar kemiskinan luar bandar, lebih-lebih lagi dalam sektor pertanian yang pada

anggapan beliau kurang tepat. Saya kira Menteri Kewangan ada memberi penjelasan sebentar tadi tentang kedudukan yang sebenarnya, tetapi eloklah dinyatakan di sini bahawa saya juga mengalu-alukan dan mengharapkan bahawa Yang Berhormat dari Kota Melaka biarlah terus consistent dengan mengharapkan dan memberi cadangan supaya masalah kemiskinan luar bandar ini dapat ditingkatkan. Tetapi nampaknya dari masa ke semasa pandangan beliau penuh dengan kontradaksi dan pertentangan kerana bila ada usaha oleh Kerajaan untuk membela nasib petani dan nelayan miskin beliau enggan menyokong, bahkan dalam isu Akta Perikanan, 1985 umpamanya, saudara Yang Berhormat dari Kota Melaka menjadi jaguh dan panglima bagi pihak nelayan-nelayan yang berpendapatan jauh lebih baik, pada hal usaha kita untuk mengadakan Akta Perikanan itu adalah untuk membela nasib nelayan-nelayan pantai yang sentiasa diceroboh dan dianiyai oleh nelayan-nelayan pukat tunda.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta jalan. Akankah Yang Berhormat Menteri bermakna bahawa kepentingan dan nasib nelayan-nelayan yang beribu-ribu ada berdemonstrasi minggu lalu oleh kerana kepentingan mereka tidak perlu dijaga. Di sini kita bersetuju dengan semua langkah-langkah yang harus diambil oleh Kerajaan untuk meninggikan taraf kemiskinan petani-petani atau nelayan-nelayan, tetapi bukannya tanggungjawab Kerajaan pun menjaga kepentingan semua golongan nelayan-nelayan tak kira di mana bahagian dan tempat?

**Tuan Anwar bin Haji Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, saya agak tertarik dengan penjelasan ataupun penerangan yang dibuat oleh Yang Berhormat dari Kota Melaka kerana

baru menyebut tentang kedudukan nelayan-nelayan yang lain. Sebenarnya saya ada mendapat kesempatan berjumpa dengan wakil-wakil nelayan pagi tadi. Ini menyentuh juga pandangan atau teguran Yang Berhormat dari Kota Melaka dalam perbahasan yang menyokong para nelayan di Perak yang berdemonstrasi terhadap Akta Perikanan. Saya hendak jelaskan bahawa kita bertanggungjawab untuk melindungi kepentingan semua nelayan.

Saya tegaskan di sini, semua nelayan—tidak seperti Yang Berhormat dari Kota Melaka yang membela sebahagian dari nelayan, walaupun nelayan itu didapati, disahkan terbukti melanggar dan memusnahkan harta-harta nelayan pantai yang miskin. Sepatutnya, Yang Berhormat dari Kota Melaka mengkaji masalah ini dengan teliti kerana kita mahu memastikan supaya nelayan-nelayan pukat tunda itu sendiripun mendapat hasil yang lumayan, tangkapan yang cukup baik agar mereka dapat, bukan sahaja meningkatkan pendapatan mereka, tetapi meningkatkan hasil tangkapan ikan dalam negara ini. Cuma yang kita halang ialah agar mereka jangan masuk ke kawasan-kawasan nelayan pantai memusnahkan kehidupan sumber perikanan laut dan memusnahkan harta, jala, unjang bahkan tekun-tekun tiruan yang dibina untuk kepentingan nelayan keseluruhannya.

Dengan penjelasan Yang Berhormat dari Kota Melaka itu, saya harap beliau akan nantinya consistent supaya memberikan pandangan yang adil sepertimana yang diusahakan oleh Kerajaan sekarang.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang di-Pertua, minta jalan. Kita akan terus consistent untuk membela nasib semua golongan miskin, tetapi oleh

kerana Yang Berhormat Menteri ada sebut mengenai perjumpaannya dengan wakil-wakil nelayan-nelayan mengenai masalah yang baru timbul minggu ini, bolehkah Yang Berhormat Menteri menjelaskan; adakah beliau ada kuasa yang dilaporkan di mana untuk menentukan sama ada nelayan-nelayan akan didakwa oleh kerana kalau saya tidak silap, tidak ada peruntukan-peruntukan dalam Akta-akta Nelayan di mana memberi Yang Berhormat Menteri kuasa untuk menentukan sama ada satu pendakwaan dibuat?

Yang kedua, tentulah Yang Berhormat Menteri yang seorang pemimpin, beliau begitu sibuk, tidak ada masa untuk menapis setiap kes dan bukannya ini akan menimbulkan masalah oppression pun kepada nelayan-nelayan tersebut?

**Tuan Anwar bin Haji Ibrahim:** Sekali lagi pandangan Yang Berhormat dari Kota Melaka itu meleset kerana memang tidak ada peruntukan dan tidak benar sama sekali bahawa kes-kes yang hendak dihadapkan ke mahkamah itu hendaklah diputuskan oleh saya selaku Menteri. Ini bidangkuasa Penguatkuasaan atau, dengan izin, DPP yang telah memberikan mandat dan kuasa kepada Pegawai-pegawai Penguatkuasaan, Jabatan Perikanan. Yang saya sebut ialah semata-mata supaya semua kes-kes ini dimaklumkan kepada saya sebagai Menteri berkenaan supaya dalam dailog-dailog boleh menerangkan dan bila ditanya oleh Yang Berhormat dari Kota Melaka boleh saya beri penjelasan. Itu sahaja.

Dalam kes pelaksanaan dan penguatkuasaan Akta Perikanan ini juga kita telah meminta supaya Pegawai-pegawai Penguatkuasaan memahami seluruh konteks Akta dan tujuan mengenakan kompaun pada

tempatnyanya dan tidak membebankan, oleh kerana maksud Akta itu semata-mata untuk menjaga kepentingan nelayan-nelayan dan nelayan-nelayan sama ada yang kecil atau besar, nelayan pantai atau nelayan pukat tunda, selagi mereka mematuhi peraturan-peraturan dan undang-undang, kita akan menggunakan seluruh kekuasaan yang ada untuk membela kepentingan mereka, tidak sepertimana yang kita tahu dibuat dan dijertikan oleh Yang Berhormat dari Kota Melaka.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai penswastaaan projek-projek Kementerian, tujuannya adalah untuk mengurangkan beban kewangan yang ditanggung oleh Kerajaan. Di dalam penswastaaan projek-projek Kementerian, penekanan adalah diberikan kepada Pertubuhan-pertubuhan Peladang sendiri dan Persatuan-persatuan Nelayan. Sebab itulah dalam kegiatan-kegiatan kita telah mencadangkan supaya NAFAS, Pertubuhan Peladang Negeri, Pertubuhan Peladang Kawasan dilibatkan, sama ada keseluruhannya ataupun dengan usahasama dengan sektor swasta ataupun secara memegang ekuiti yang minima dalam syarikat-syarikat yang berkenaan dan hal yang sedemikian sama dengan kedudukan nikmat iaitu Persatuan Nelayan Kebangsaan dan Persatuan-persatuan Nelayan Kawasan.

Insentif, galakan fizikal bentuk kredit, cukai pelaburan, elau pembangunan pertanian dan lain-lain telah pun diumumkan dalam ucapan Belanjawan tahun lalu dan ini adalah peluang-peluang baru untuk meningkatkan dan mempesatkan lagi pembangunan dalam sektor tersebut dan penyelarasan di peringkat Kementerian ialah dengan penubuhan urusetia pelaburan dan penswastaaan serta panel perundingan bagi mempertingkatkan kerjasama antara

Kementerian dengan pihak swasta serta pusat-pusat pengajian tinggi.

Ahli Yang Berhormat dari Parit telah membangkitkan tentang kedudukan empat rancangan perairan rancangan. Rancangan sawah Bota Lambor. Rancangan sawah Bota Lambor keluasan sawahnya dianggarkan seluas 1,812 ekar dan seluas 1,701 ekar sahaja yang diusahakan sementara 111 ekar telah menjadi tanah kampung dan dusun. Rancangan ini kini berusia 18 tahun. Adalah diakui bahawa sistem pengairannya telah pun usang dan akan diperbaiki dalam projek Rancangan Taliair Kecil Kebangsaan sebagai sambungan dari Rancangan Malaysia Keempat.

Yang kedua, rancangan sawah Kampung Sadang Tepus mempunyai keluasan 524 ekar dan taliair jenis tanah yang dibina sepanjang 1.58 batu. Harga projek-projek ialah \$2.5 juta dan ini termasuk membangunkan kawasan saluran seluas 504 ekar dan sawah seluas 524 ekar. Rancangan sawah Parit Bukit Cupak Marwa, kawasan 543 ekar dengan kos projek berjumlah \$2.5 juta. Kelewatan siapnya rumah pam hanya satu tahun dan ini disebabkan oleh kelewatan pembekalan kemudahan elektrik, bukan bermaksud hendak disalahkan LLN pula, tetapi sekadar hendak memberi faktanya sahaja.

Keempat, rancangan Seberang Perak peringkat satu, kawasan sawah Kampung Kuchai, Teluk Kepayang. Kita akui bahawa kemudahannya sudah usang, oleh itu kedudukan sistem pengairan dan perparitan kurang sempurna. Perkara ini lebih merumitkan dengan adanya tanah-tanah terbiar berselang-seli dengan kawasan bertanam. Memandangkan keupayaan pembekalan air dari rumah pam Bota Kiri di mana paras air telah jatuh maka pihak JPT telah bersetuju mengubah syarat kawasan daripada

padi kepada tanaman yang kekal yang lain. Dan ini telah dipersetujui oleh Kerajaan Negeri.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa isu telah dibangkitkan juga mengenai program-program penggembuk lembu dan perkembangan industri ternakan di negara kita. Ahli Yang Berhormat dari Matang membangkitkan masalah pencerobohan nelayan-nelayan asing terhadap bot-bot di Malaysia sama ada bot-bot besar pukat tunda atau bot-bot kecil yang dipunyai oleh nelayan-nelayan pantai. Sudah ada Akta untuk maksud tersebut dan saya ingin memberi jaminan di Dewan yang mulia ini bahawa kita tidak teragak-agak untuk bertindak dan semua tangkapan yang dibuat baru-baru ini telah digunakan mengikut peruntukan Akta Perikanan dan tindakan tegas diambil untuk memastikan bahawa pukat-pukat yang dirampas yang dipunyai oleh nelayan-nelayan asing tidak akan diserahkan balik.

Berhubung dengan pukat sorong yang dibangkitkan, ini tidak dapat dipertimbangkan kerana dianggap merosakkan dan destruktif. Untuk makluman semasa di dalam operasinya pukat ini akan mengaut segala jenis ikan-ikan kecil yang masih, dengan izin, juvenile. Oleh yang demikian, ia akan mengakibatkan kemusnahan sumber di perairan pantai, khasnya pantai barat.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah menyentuh tadi tentang perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Kota Melaka dan memang saya sengaja mempercepatkan point itu memandangkan beliau ada di dalam Dewan ini tadi, tetapi inginlah saya menjelaskan juga mengenai perjumpaan-perjumpaan dan dialog-dialog yang sentiasa diadakan di antara pegawai-pegawai dan juga

pihak Kementerian umumnya dengan nelayan-nelayan disemua peringkat sama ada nelayan-nelayan pukat ataupun nelayan-nelayan pantai.

Berhubung dengan penyertaan bukan bumiputera di bidang pertanian yang dibangkitkan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat, termasuk Ahli Yang Berhormat dari Padang Serai, saya ingin jelaskan bahawa program-program pertanian tidak hanya menumpukan perhatian kepada petani-petani Melayu atau bumiputera, seluruh kemudahan yang ada, penyelidikan, umpamanya MARDI di kawasan Cameron Highlands adalah untuk petani-petani Cina, penyelidikan perikanan oleh Jabatan Perikanan dan Institiut Penyelidikan Perikanan memberi manfaat kepada semua nelayan sama ada nelayan-nelayan kecil Melayu atau nelayan-nelayan Cina kecil atau besar dan oleh kerana jumlah nelayan yang lebih berjaya majoritinya Cina, tentulah penyelidikan itu memberi keuntungan kepada mereka. Kementerian Pertanian tidak membezakan di antara petani-petani bumiputera dan bukan bumiputera, subsidi harga padi, subsidi baja padi yang diberikan kepada petani-petani tidak membezakan di antara bumiputera dan bukan bumiputera. Begitu juga kita tidak pernah menyekat petani-petani menganggotai persatuan-persatuan peladang atau nelayan.

Mengenai pencapaian kemajuan seperti yang dinyatakan, sukacita dimaklumkan bahawa dalam Rancangan Malaysia Keempat, penyertaan kaum Cina dalam sektor pertanian telah meningkat dari 19.5%—287,300 orang dalam tahun 1975 kepada 306,100 orang dalam tahun 1980 dan 24.9%—395,200 orang dalam tahun 1985. Kaum India 11.3%—151 orang bagi tahun 1975. 13%—199,400 orang tahun 1980 dan 11.3%—179,100 orang pada tahun

1985. Jumlah kaum bumiputera dalam sektor ini menurun dari 68.4%—1,000,200 orang dalam tahun 1975 kepada 66.3% dalam tahun 1980 dan 62.9%—997,400 orang pada tahun 1985.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Baling membangkitkan tentang projek-projek pertanian yang belum selesai dengan begitu membanggakan dan insya Allah perkara ini akan diberi perhatian yang lebih teliti oleh pihak Kementerian.

Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mas membangkitkan soal pemasaran, saya telah memberi penjelasan bahawa perkara ini adalah di antara program yang dianggap priority atau keutamaan oleh pihak Kementerian.

Saudara Yang Berhormat dari Ulu Nerus membangkitkan tentang masalah kemiskinan dan kekurangan infrastruktur, tetapi saya kira perkara ini sebenarnya banyak dijawab dengan program Rancangan Malaysia Kelima yang baru yang menitik-beratkan pembangunan pertanian secara besar-besaran dan juga memberikan kemudahan-kemudahan asas yang secukupnya bagi petani-petani dan penduduk-penduduk luar bandar.

Mengenai kemudahan-kemudahan kewangan agar bank-bank tempatan lebih flexible dalam syarat-syarat skim pinjaman mereka serta cadangan tentang kewujudan land bank, bank tanah eloklah saya jelaskan bahawa dengan peruntukan dan kemudahan yang ada dalam Bank Pertanian Malaysia yang ditokok pula dengan keputusan Kerajaan untuk memberikan galakan pinjaman, termasuk di sektor pertanian, saya yakin insya Allah perkara ini akan dapat diselesaikan dengan lebih baik lagi.

Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar membangkitkan soal latihan bagi para belia yang mengganggu supaya latihan itu agar lebih menyeluruh dari bekerja, mengurus dan memasarkan dan ini sudah pun diberikan penjelasan.

Yang Berhormat dari Sepang telah membangkitkan beberapa perkara yang saya kira telah diberikan penjelasan dalam jawapan-jawapan yang menyentuh soal subsidi dan galakan, soal latihan kepada belia-belia dan juga soal kemudahan-kemudahan baru yang ada dalam sektor perikanan untuk memudahkan kerja-kerja nelayan-nelayan kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin sekali lagi menyatakan penghargaan kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan pandangan-pandangan mereka walaupun saya telah tidak dapat memberi penjelasan satu persatu, dengan detail, termasuk Ahli-ahli Yang Berhormat dari Hilir Padas, Julau dan Sibu yang membangkitkan tentang kedudukan kemiskinan di sektor pertanian dan juga masalah-masalah yang dihadapi oleh petani-petani kita. Sekali lagi saya ucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Timbalan Menteri Kerja Raya.

*5.03 ptg.*

**Timbalan Menteri Kerjaraya (Dato Zainal Abidin bin Zin):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengucapkan terima kasih saya kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membuat pandangan dan teguran mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan Kementerian saya semasa membahaskan Rancangan Malaysia Kelima di Dewan yang mulia ini yang bermula pada

24hb Mac, 1986. Adalah saya dengan segala hormat dan sukacita menjawab ke atas pandangan dan komen yang telah dibuat oleh Ahli-ahli Yang Berhormat itu dengan secara satu persatu untuk makluman Dewan yang mulia ini.

Ahli Yang Berhormat dari Julau di antara lain menegaskan Kementerian Kerjaraya mengambil perhatian ke atas projek jalan Julau/Naga sepanjang 17 batu yang hingga ini hanya siap sepanjang 4 batu sahaja. Beliau juga menggesa Kementerian supaya mempercepatkan jalan-jalan raya di Sarawak, dan berkaitan dengan ini juga telah meminta Kementerian saya membuat pemeriksaan terhadap jalan raya-jalan raya yang dibina dan menurap jalan raya-jalan raya itu yang mana belum dilakukan. Ahli Yang Berhormat itu juga menggesa Kementerian mengambil perhatian berat terhadap pekerja-pekerja JKR yang mencuri tulang semasa waktu bekerja.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai projek jalan raya Julau/Naga and Tabir, projek ini adalah projek negeri Sarawak dan saya telah difahamkan bahawa pembinaannya masih diteruskan. Kelewatan menyiapkan jalan raya ini adalah kerana jalan tersebut dibina di kawasan rugged terrain dan oleh itu sukar untuk membina jalan. Walau bagaimanapun, saya telah difahamkan juga bahawa pihak Kerajaan Negeri sememangnya mengambil berat ke atas pembinaan jalan ini dan akan terus membina sehingga siap.

Mengenai gesaan Ahli Yang Berhormat supaya Kementerian saya mempercepatkan pembinaan jalan-jalan raya di Sarawak dan juga menurap jalan-jalan yang belum dilakukan. Sukalah saya menyatakan bahawa peruntukan jalan bagi negeri-negeri Sarawak telah pun bertambah

dari tahun ke setahun, misalnya peruntukan jalan bagi tahun 1986 adalah sebanyak \$149.67 juta. Peruntukan itu adalah terbesar pernah diberi kepada negeri Sarawak. Bagi Rancangan Malaysia Kelima pula peruntukan sebanyak \$404.1 juta telah dipohon yang mana sekarang di dalam pertimbangan Dewan yang mulia ini. Apabila peruntukan itu diluluskan jumlah tersebut adalah lebih banyak daripada peruntukan yang telah diberi dalam Rancangan Malaysia Keempat iaitu sebanyak \$371.79 juta. Peruntukan tersebut secara umum adalah sebahagian besarnya untuk mengetar jalan raya besar, utama dan juga Lebuhraya Pan-Borneo. Selain dari itu peruntukan Rancangan Malaysia Kelima untuk negeri itu adalah bagi membina jalan-jalan pembangunan yang bertujuan untuk menyambung bandar-bandar kecil di seluruh negeri Sarawak.

Mengenai desakan Ahli Yang Berhormat supaya Kementerian mengambil perhatian berat terhadap pekerja-pekerja JKR yang mencuri tulang semasa bekerja, saya telah difahamkan bahawa pekerja-pekerja yang terlibat adalah kecil dan pihak JKR Sarawak mengawasi pekerja-pekerja mereka yang semasa bekerja dan jika didapati ada bukti yang menunjukkan pekerja-pekerja mencuri tulang dan menipu semasa bekerja, Tuan Yang di-Pertua, tindakan tatatertib akan diambil kepada mereka ini.

Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka di dalam perbahasannya telah menyeru Menteri Kerjaraya untuk menjelaskan mengapa projek bekalan air luar bandar yang bernilai \$1.4 bilion itu yang mana sepatutnya di bawah rancangan penswastan diberi kepada syarikat Antah Biwater Sdn. Bhd. tanpa tawaran terbuka, padahal terdapat tidak kurang dari 30 perunding tempatan yang berupaya

mengendalikan 174 skim tersebut. Dengan pemberian kontrak tersebut secara turnkey kepada syarikat usahasama itu maka perunding-perunding, jurutera-jurutera dan pemborong-pemborong tempatan akan kini dinafikan peluang-peluang kepada mereka yang mana adalah bertentangan dengan kepentingan awam.

Ahli Yang Berhormat dari Hilir Padas dan Bandar Sibu telah juga menyentuh mengenai bekalan air luar bandar Sarawak yang mana ramai penduduk-penduduk masih belum menikmati bekalan air. Oleh kerana ketiga Ahli-ahli Yang Berhormat itu mengemukakan perkara yang berkaitan yang sama, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin menjawab dengan sekali gus. Perkara bekalan air luar bandar yang akan dilaksanakan oleh Syarikat Antah Biwater Sdn. Bhd. yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu, saya anggap adalah satu perkara penting dan oleh itu saya dengan sukacitanya mengambil peluang ini memberi penjelasan secara detail bagi makluman Dewan yang mulia ini.

Seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum upacara penandatngani perjanjian kontrak turnkey projek bekalan air luar bandar di negara ini di antara Kerajaan Malaysia dengan Syarikat Antah Biwater Sdn. Bhd. telah ditandatangani oleh Yang Berhormat Menteri Kerjaraya bagi pihak Kerajaan Malaysia pada 24hb Mac, 1986 baru-baru ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, skim bekalan air luar bandar ini telah mula dicadangkan pada awal tahun 1983 oleh satu syarikat usahasama Antah Biwater Sdn. Bhd. Syarikat tersebut telah menawarkan kepada Kerajaan

Malaysia untuk menjalankan satu kajian kemungkinan dengan percuma mengenai skim-skim bekalan air luar bandar di negara ini secara keseluruhannya. Kajian tersebut telah dianggarkan lebih kurang \$4 juta Malaysia. Dan di antara syarat penting yang telah dikemukakan oleh syarikat tersebut ialah kajian itu sesudah siap akan diserahkan kepada Kerajaan Malaysia untuk pertimbangan tanpa apa-apa syarat yang mengikat Kerajaan Malaysia dengan apa-apa perjanjian.

Saya telah difahamkan bahawa sebenarnya Syarikat Antah Biwater Sdn. Bhd. telah mengambil masa lebih kurang 3 tahun untuk menyediakan laporan itu yang telah melibatkan 100 jurutera iaitu 50 jurutera Malaysia dan selainnya jurutera British, dan kos sebenarnya yang telah dibelanjakan oleh penyelidikan laporan ini ialah \$8 juta Malaysia. Laporan awal kajian tersebut telah mencadangkan supaya lebih kurang 181 projek untuk skim bekalan air luar bandar dilaksanakan. Cadangan awal kajian tersebut telah juga menawarkan kepada Kerajaan Malaysia £30 juta pound sterling sebagai bantuan gran kepada Kerajaan Malaysia kita Kerajaan menerima kajian tersebut. Kajian itu telah siap pada bulan Disember, 1984.

Tuan Yang di-Pertua, pada bulan Oktober 1985 juga satu .....

**Tuan Lim Kit Siang:** Untuk penjelasan. Sebelum Yang Berhormat Timbalan Menteri teruskan mengenai butir-butiran, di peringkat itu "feasibility study", adakah satu tawaran terbuka dibuat untuk menjemput sesiapa yang boleh menjalankan feasibility study itu atau feasibility study itu sebenarnya terhad, diberikan kepada Antah Biwater berpunca daripada cadangan oleh Antah<sup>a</sup>Biwater sendiri dan bukannya lebih wajar bahawa kalau satu

feasibility study akan dijalankan yang melibatkan program yang begitu besar dan belanjawan yang begitu besar bahawa satu jemputan yang terbuka dibuat sebelum Kerajaan buat keputusan siapa akan dibenarkan untuk menjalankan feasibility study?

**Dato Zainal Abidin bin Zin:** Tuan Yang di-Pertua, saya pohon izin untuk meneruskan jawapan ini.

Pada bulan Oktober, 1985 juga satu Jawatankuasa di bawah Kementerian Kewangan yang dianggotai di antaranya oleh Unit Perancang Ekonomi dan Kementerian Kerjaraya telah ditubuhkan untuk merunding dengan Syarikat Antah Biwater mengenai cadangan mereka. Rundingan yang rapi telah diadakan hingga bulan Mac, 1986 dan di akhirnya satu perjanjian telah ditandatangani di antara Kerajaan Malaysia dengan Syarikat Antah Biwater pada 24hb Mac, 1986. Rundingan itu telah melahirkan satu perjanjian yang mengandungi syarat-syarat yang dianggap sebagai satu tawaran oleh Syarikat Antah Biwater Sendirian Berhad yang begitu menarik dan berpatutan untuk dipertimbangkan oleh Kerajaan Malaysia. Di antara butir-butir kajian itu adalah seperti berikut.

Syarikat Antah Biwater Sendirian Berhad telah menurunkan nilai projek tersebut daripada \$1.707 billion kepada 1.4 billion yang secara terperinci mengandungi pembiayaan-pembiayaan seperti berikut, iaitu lebih kurang M\$840 juta sebagai wang yang akan dibiayai oleh Kerajaan Malaysia. 59.6 juta pound sterling atau lebih kurang \$216 juta, iaitu pertambahan daripada 30 juta pound sterling yang dipelawa pada awalnya oleh Kerajaan British sebagai geran percuma dan lebih kurang \$360 juta yang mempunyai faedah yang rendah adalah pinjaman luar negeri yang akan

diuruskan oleh Kerajaan British. Jumlah skim ialah 174 di seluruh negara, termasuk Sabah dan Sarawak. Saya harap Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka mengikuti jawapan saya ini. (Saya tengok Ahli Yang Berhormat bercakap pula) (*Ketawa*).

Tuan Yang di-Pertua, peratus barang-barang dan perkhidmatan asing diturunkan daripada 70% kepada 40%. Sekurang-kurangnya 30% daripada jumlah nilai harga kontrak diusahakan oleh pihak bumiputera. Skim-skim ini akan disiapkan dalam jangka masa 4½ tahun. Pihak Syarikat Antah Biwater Sendirian Berhad dikehendaki menggunakan perkhidmatan-perkhidmatan udara dan laut negara Malaysia. Semua barang-barang yang diimport akan dikenakan cukai biasa. Selain dari itu, Syarikat Antah Biwater telah juga memberi beberapa perakuan yang dianggap berfaedah kepada negara ini. Di antaranya ialah Syarikat Antah Biwater akan melantik kumpulan jurutera perunding Malaysia untuk merekabentuk skim-skim ini. Dalam perkara ini keutamaan akan diberi kepada kumpulan jurutera perunding yang telah terlibat dengan penyediaan kajian kemungkinan skim itu. Syarikat Antah Biwater telah menganggarkan bahawa lebih kurang 500 jurutera akan terlibat dalam melaksanakan skim-skim ini, termasuk 10% jurutera warganegara British. Pelaksanaan skim-skim ini akan juga memberi peluang pekerjaan kepada lebih kurang 8,000 pekerja-pekerja, termasuk lebih kurang 2,000 pekerja-pekerja yang mahir. Ini tidak termasuk penambahan peluang kerja di kilang-kilang besi-besi waja dan bahan-bahan binaan tempatan yang mengeluarkan bahan-bahan untuk kegunaan skim-skim ini kelak. Pilihan menggunakan barang-barang tempatan juga akan diberi keutamaan dan equipment yang akan diimport

akan hanya berjumlah 20% daripada harga kontrak.

Tuan Yang di-Pertua, dari syarat-syarat perjanjian dan perakuan dari Syarikat Antah Biwater tersebut nyatalah bahawa perjanjian mengenai pembekalan air luar bandar yang telah ditandatangani oleh Menteri Kerjaraya bagi pihak Kerajaan Malaysia adalah satu perjanjian yang munasabah dan bijak, bukan sahaja dari segi harganya tetapi juga dari segi pembiayaannya, iaitu geran percuma sebanyak 59.6 juta pound sterling ataupun lebih kurang M\$200 juta itu adalah bantuan percuma dari Kerajaan British dan dari segi jangka masa pelaksanaannya pula, iaitu 4½ tahun ini adalah satu jangka masa yang singkat bagi melaksanakan projek yang begitu besar. Kerajaan Malaysia menganggarkan bahwa skim-skim tersebut yang meliputi 174 skim itu tidak akan dapat dilaksanakan dalam jangka masa yang pendek, kecuali dilaksanakan secara "turnkey".

Suka juga saya jelaskan kepada Ahli Yang Berhormat mengenai faedah yang akan dinikmati oleh penduduk-penduduk luar bandar daripada 174 skim-skim ini apabila siap dibina dan beroperasi sepenuhnya .....

**Tuan Lim Kit Siang:** (*Bangun*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Minta jalan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menerangkan, bukankah semua kerja ini boleh dibuat oleh jurutera tempatan oleh kerana syarat-syarat ialah 100 jurutera-jurutera U.K. akan terlibat? Pada masa sekarang bukankah ini boleh dijalankan oleh jurutera-jurutera tempatan, khususnya dalam masalah ekonomi sekarang?

Kedua, bukankah ada kemungkinan kalau ini "turnkey projek" melalui

“open tender”, mungkin ada dapat tawaran lain yang lebih beruntung untuk negara kita?

**Dato Zainal Abidin bin Zin:** Tuan Yang di-Pertua, ada dua keuntungan yang kita dapat:

- (1) kajian awal yang percuma;
- (2) mendapat satu bantuan percuma; dan
- (3) dapat disiapkan dalam satu jangka masa yang pendek.

Maka dengan itulah Kerajaan membawa pertimbangan ini. Sepertimana kata Yang Berhormat, 100 jurutera negara British itu tidak benar. Saya tidak tahu 10% daripada 500 itu 100, kita kira balikkah.

Tuan Yang di-Pertua, suka juga saya jelaskan kepada Ahli Yang Berhormat mengenai faedah yang akan dinikmati oleh penduduk-penduduk luar bandar daripada 174 skim-skim ini apabila siap dibina dan beroperasi sepenuhnya. Skim-skim ini akan dapat menambahkan bekalan air bersih sebanyak 300 juta liter air sehari kepada lebih kurang 2 juta lagi penduduk-penduduk luar bandar. Dengan ertikata, iaitu dalam tahun 1990 sejumlah lebih kurang 7.8 juta penduduk luar bandar akan menikmati bekalan air bersih. Penambahan bekalan air bersih melalui skim-skim baru ini bermakna juga bahawa dalam tahun 1990, yang kita hendak kejar 4½ tahun itu, 76% penduduk-penduduk luar bandar berbanding dengan 61% yang ada sekarang akan menikmati bekalan air bersih, iaitu penambahan sebanyak lebihkurang 15% berbanding dengan penduduk-penduduk bandar sebanyak 95% yang akan menikmati air yang bersih dalam tahun yang sama. Kalau dibandingkan kawasan saya, kawasan luar bandar; kawasan Yang Berhormat dari Kota Melaka, kawasan dalam bandar, kawasan Yang

Berhormat telah menikmati ini, kalau hendak lambat-lambat pun tak apalah. Tuan Yang di-Pertua, dengan sendirinya akan mengurangkan jurang perbezaan di antara penduduk-penduduk bandar dan luar bandar yang akan menikmati air yang bersih. Ini boleh dianggap satu pencapaian yang besar oleh Kerajaan ini dalam menyediakan kemudahan seperti air di negara ini.

Memandangkan kepada maklumat-maklumat yang telah saya nyatakan dan memandangkan perlunya pembekalan air yang bersih dibekalkan kepada penduduk-penduduk di luar bandar yang hingga ini hanya sebahagian kecil sahaja yang telah dapat dinikmati air bersih, maka Kerajaan Malaysia telah bersetuju dan menganggap wajar untuk melaksanakan skim-skim air ini secara “turnkey” yang akan dilaksanakan oleh Syarikat Antah Biwater Sendirian Berhad.

Saya juga suka tegaskan di sini bahawa rakan usahasama projek ini iaitu Biwater International bukan sahaja merupakan firma British yang terkenal dan berkemampuan tetapi yang mempunyai banyak pengalaman dalam melaksanakan projek-projek seperti ini.

Ahli Yang Berhormat dari Tampin telah menyatakan supaya penglibatan kontraktor-kontraktor bumiputera dalam bidang kajian awal adalah baik tetapi sebahagian besar daripada kontraktor-kontraktor yang dilahirkan adalah dalam kelas F yang tidak mempunyai kemahiran. Oleh yang demikian, Ahli Yang Berhormat telah menyarankan supaya Unit Penyertaan Bumiputera dan agensi-agensi Kerajaan mestilah mempunyai pegawai-pegawai yang terlatih supaya bantuan yang diberikan kepada kontraktor-kontraktor bumiputera akan lebih berkesan dan dapat

meningkatkan prestasi mereka. Beliau juga telah mencadangkan agar unit-unit penyertaan bumiputera itu dapat mengambil langkah-langkah tertentu untuk mewujudkan satu golongan kontraktor-kontraktor yang boleh bersaing di peringkat antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai saranan Ahli Yang Berhormat tersebut supaya unit penyertaan bumiputera mengenai bantuan bagi meningkatkan prestasi kontraktor-kontraktor bumiputera, sukacita saya memaklumkan bahawa Kementerian Kerjaraya sememangnya sentiasa memberi segala perhatian yang sewajarnya seperti pertolongan yang sedaya-upaya untuk meningkatkan prestasi bumiputera dalam bidang pemborongan sejajar dengan kehendak Dasar Ekonomi Baru. Di antara usaha-usaha yang telah, sedang dan akan dilaksanakan dalam usaha meningkatkan kemajuan kontraktor-kontraktor bumiputera ialah memberi latihan teknik dan pengurusan melalui kursus dan forum kontraktor binaan yang dianjurkan dari masa ke semasa. Semenjak tahun 1978 hingga akhir tahun 1985 sebanyak 86 kursus dan forum telah diadakan di mana seramai 3,203 peserta telah pun dilatih.

Kedua, memberi khidmat nasihat kepada mereka yang memerlukan dalam pengendalian kerja-kerja tawaran dan memberi bimbingan dalam pengurusan projek melalui pelaksanaan skim-skim cost-plus. Mulai tahun 1982 sehingga ke hari ini sebanyak 16 projek telah pun dilaksanakan dengan jayanya. Menyediakan bantuan kerja yang berpatutan kepada kontraktor-kontraktor bumiputera melalui penubuhan Kumpulanwang Amanah Kontraktor. Peruntukan yang disediakan ialah sebanyak \$5 juta. Menyelia pelaksanaan projek-projek kontraktor dengan mengadakan lawatan-lawatan ke tapak dan

memastikan projek berjalan lancar mengikut jadual dan mana-mana masalah yang dihadapi oleh kontraktor-kontraktor akan dikenalpasti dan diselesaikan di peringkat awal.

Bagi menyempurnakan tugas ini unit-unit negeri ditubuhkan pada awal tahun 1985 untuk negeri Pulau Pinang, Kedah, Perlis, Perak, Wilayah Persekutuan, Selangor dan Pahang. Bagi negeri Kelantan dan Terengganu, Johor, Melaka dan Negeri Sembilan, masing-masing dilaksanakan melalui pejabat-pejabat Wilayah Timur dan Selatan yang mana penubuhan pejabat unit negeri-negeri berkenaan akan dilaksanakan tidak lama lagi. Langkah-langkah ini telah pun menampakkan hasil di mana bilangan kontraktor-kontraktor bumiputera di kelas-kelas atas iaitu A, B, BX dan C pada masa sekarang telah pun meningkat jika dibandingkan dengan bilangan dalam tahun 1972. Pada tahun 1972 bilangan kontraktor-kontraktor di kelas tersebut adalah seperti berikut:

Kelas A .. .. .	12
Kelas B .. .. .	4
Kelas BX .. .. .	0
Kelas C .. .. .	28

manakala sehingga 31-1-1986 bilangan kontraktor bumiputera di kelas-kelas tersebut adalah seperti berikut:

Kelas A .. .. .	123
Kelas B .. .. .	65
Kelas BX .. .. .	150
Kelas C .. .. .	147

Mengenai saranan Ahli Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan langkah-langkah untuk mewujudkan satu golongan kontraktor yang boleh bersaing di peringkat antarabangsa, sukalah saya menjelaskan bahawa buat masa ini bilangan kontraktor-kontraktor

bumiputera yang boleh menyaingi terus secara persendirian di dalam tender di peringkat antarabangsa nampaknya masih belum ada dan belum berkemampuan dari segi kewangan dan keupayaan dalam saingan tersebut. Untuk mengatasi kekurangan ini, Kerajaan telah menggalakkan persaingan itu secara usahasama di antara kontraktor-kontraktor bumiputera dengan kontraktor-kontraktor tempatan antarabangsa untuk mengambil bahagian di dalam tawaran antarabangsa. Langkah tersebut bukan sahaja dapat memastikan kontraktor bumiputera bersaing di dalam tawaran antarabangsa sekarang, tetapi juga akan dapat menambahkan kemahiran dan kepakaran dan sebagai persiapan bagi mereka menyertai tawaran antarabangsa di masa-masa hadapan secara persendirian.

Tuan Yang di-Pertua, sekianlah sahaja yang dapat saya jawab ke atas pandangan dan komen yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat semasa membahaskan usul Rancangan Malaysia Kelima yang ada berkaitan dengan tanggungjawab Kementerian ini. Pada pandangan dan komen yang tidak sempat saya jawab, saya akan mengambil perhatian ke atasnya dan yang mana didapati perlu, tindakan sewajarnya akan diambil. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Timbalan Menteri Luar Negeri.

5.27 ptg.

**Timbalan Menteri Luar Negeri (Dato Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir):** Tuan Yang di-Pertua, hanya dua orang sahaja Ahli Parlimen yang telah pun sedikit sebanyak memberi pandangan dan cadangan mereka mengenai isu-isu berkait dengan Kementerian Luar Negeri.

Terlebih dahulu saya inginlah mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Yang Brhormat dari Hilir Padas yang telah pun menegaskan sokongannya mengenai sikap Kerajaan kita di atas beberapa isu antarabangsa khususnya mengenai pendirian kita di atas soal Afghanistan, Palastin dan juga ketegasan kita untuk meningkatkan kerjasama di antara negara-negara ASEAN dan begitu juga mengenai peranan kita dalam Jawatankuasa Pendamai Islam atau Islamic Peace Committee, dan beliau telah meminta supaya kita meningkatkan lagi peranan kita dalam peranan kita dalam Jawatankuasa tersebut. Beliau juga telah menyatakan sokongan beliau terhadap pendirian Kerajaan untuk memajukan ZOPFAN dalam masa yang sesingkat-singkatnya.

Hanya satu sahaja pandangan yang telah diutarakan beliau yang mana saya harus memberi sedikit penjelasan iaitu mengenai soal Filipina. Beliau telah pun meminta supaya Kerajaan Malaysia dengan sungguh-sungguh berhubung dengan pihak Kerajaan baru Filipina supaya masalah Sabah itu dapat diselesaikan secara muktamad. Dalam hubungan ini saya inginlah menegaskan, Tuan Yang di-Pertua, bahawa bagi Malaysia Sabah bukanlah menjadi satu isu. Sebagaimana kita tahu Sabah adalah sebahagian daripada Malaysia dan ini diakui oleh seluruh dunia antarabangsa. Jadi bagi kita Sabah bukanlah menjadi isu, tetapi yang menjadi isu adalah tuntutan Filipina terhadap Sabah dan sungguhpun baik kita ini bukanlah menjadi isu dan Kerajaan Filipina juga tidak bersungguh-sungguh mengikhtiar supaya tuntutan itu dapat dijayakan, maka sedikit sebanyak saya ingin menyatakan bahawa tuntutan tersebut telah pun menjejaskan hubungan baik kita dengan Filipina dan ianya telah juga menjejaskan sedikit sebanyak

perasaan muhibbah dan juga kemesraan yang harus wujud di kalangan negara-negara ASEAN.

Pada Persidangan Ketua-ketua Kerajaan Negara-negara ASEAN yang berlalu iaitu yang diadakan beberapa tahun dahulu di Kuala Lumpur, bekas Presiden Marcos Filipina telah pun di hadapan akhbar-akhbar antarabangsa menyatakan bahawa Filipina telah pun memutuskan untuk menggugurkan tuntutan terhadap Sabah dan beliau menyambung lagi bahawa apabila beliau balik ke Filipina beliau akan mengambil tindakan-tindakan yang perlu supaya pengguguran itu akan menjadi satu kenyataan. Malangnya sehingga sekarang, tindakan tersebut tidaklah dilaksanakan dan sungguhpun ini tidak menjadi masalah bagi Malaysia, tetapi sedikit sebanyak ia telah pun menjejaskan hubungan di antara kedua-dua buah negara kita dan ianya merupakan satu irritant, dengan izin, yang tidak dapat kita mengambil peluang sepenuhnya mengenai potensi hubungan di antara kedua-dua buah negara kita ini.

Namun demikian sudah ada tanda-tanda dari Kerajaan baru Filipina iaitu Kerajaan Presiden Corazon Aquino, yang menyatakan bahawa mereka akan bersungguh-sungguh ikhtiar untuk menyelesaikan masalah ini dalam masa yang sesingkat-singkatnya. Tanda-tanda ini memanglah menggalakkan dan kita haruslah memberi masa sedikit kepada Kerajaan baru Filipina itu, supaya mereka dapat mencari jalan yang seelok-eloknya supaya tuntutan ini digugur dalam masa yang sesingkat-singkatnya.

Ahli Yang Berhormat dari Pekan telah pun memuji tentang sikap dan pengorbanan pegawai-pegawai kita di luar negeri, iaitu kesediaan mereka

bekerja sehingga lewat malam, juga pada hujung minggu dan sebagainya untuk sedikit sebanyak menjalankan tugas-tugas, peranan dan tanggungjawab semasa berada di luar negeri. Saya ucapkan terima kasih di atas pandangan ini.

Beliau hanya telah menyarankan satu cadangan yang saya rasa cukup elok untuk re-orientasikan tugas dan tanggungjawab Kedutaan-kedutaan dan Perwakilan-perwakilan kita di luar negeri dari politik ke ekonomi. Mengenai perkara ini suka saya menyatakan bahawa baru-baru ini Kabinet telah pun membuat satu keputusan untuk menubuhkan badan badan penyalaras di luar negeri di tiap-tiap tempat di mana kita mempunyai Perwakilan dan Jawatankuasa Penyalaras ini akan diketuai atau dipengerusikan oleh Ketua Perwakilan kita iaitu Duta ataupun Pesuruhjaya Tinggi kita ataupun di mana mereka ini tidak ada, Konsul Jeneral dan sebagainya. Jawatankuasa ini akan dianggotai oleh semua agensi-agensi Kerajaan yang sedikit sebanyak secara langsung atau tidak langsung berkait dengan soal-soal ekonomi negara kita. Jawatankuasa ini telah juga diberi kuasa untuk melantik wakil-wakil dari pihak swasta iaitu sama ada secara *ad hoc* ataupun secara tetap untuk menganggotai Jawatankuasa ini. Tujuan Jawatankuasa ini adalah supaya semua agensi-agensi Kerajaan yang berkait dengan soal memajukan kepentingan ekonomi kita di luar negeri, dapat bekerja sebagai satu pasukan untuk memajukan kepentingan ekonomi kita di luar negeri. Ini baru diputuskan, lebih kurang dua bulan sudah, dan arahan bertulis telah pun dihantar kepada pegawai-pegawai kita di luar negeri. Ingin saya menyatakan sungguhpun keputusan ini baru dibuat tetapi arahan begini telah pun disampaikan kepada Ketua-ketua Perwakilan kita dua tahun dahulu dan perkara ini

sudahpun dilaksanakan di banyak tempat. Cuma sekarang ini kita telah pun mendapat keputusan Kabinet, maka segala yang diarahkan itu dapatlah dijalankan dengan mandat Kabinet.

Salah satu unsur dalam Terms of Reference, dengan izin, Jawatankuasa ini, Tuan Yang di-Pertua, adalah supaya semua agensi-agensi ini juga memikir bagaimana mereka dapat meningkatkan prestasi mereka itu tanpa melebihi perbelanjaannya. Salah satu consensus yang telah pun wujud dalam perkara ini adalah supaya semua agensi-agensi Kerajaan Malaysia di luar negeri kalau boleh ditempatkan di bawah satu bumbung atau di satu tempat—dan ini sedikit sebanyak dapatlah memenuhi kehendak Ahli Yang Berhormat dari Pekan itu—supaya diadakan satu one-stop agency dan dikebanyakan tempat di mana kita akan mengadakan Kedutaan baru, membina Kedutaan baru ataupun menyewa Kedutaan baru, maka kita akan ambil kira supaya seberapa banyak agensi-agensi Kerajaan itu dapat ditempatkan di tempat yang sama.

Tuan Yang di-Pertua, itu sahajalah sedikit sebanyak pandangan yang telah pun dikemukakan mengenai Kementerian Luar Negeri dan saya ucapkan setinggi-tinggi terima kasih sekali lagi kepada kedua-dua Ahli Parlimen yang berkenaan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian.

5.36 *ptg.*

**Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin):** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat di atas beberapa cadangan dan

pandangan serta teguran semasa membahaskan Rancangan Malaysia yang Kelima yang menyentuh mengenai Kementerian Perdagangan dan Perindustrian.

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih saya tujukan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat daripada Kepong, Pasir Puteh, Ipoh, Kapit, Parit, Bukit Mas, Hilir Padas, Ulu Nerus, Kuala Lumpur Bandar dan juga Ahli Yang Berhormat daripada Mukah.

Mengenai cadangan Ahli Yang Berhormat daripada Bukit Mas supaya dilonggarkan Akta Penyelarasan Perindustrian yang akan membantu menggalakkan pelaburan di kalangan sektor swasta, suka saya memaklumkan bahawa Kerajaan memang sedar tentang mustahaknya mewujudkan iklim yang dapat menggalakkan pelaburan baik dari pelabur-pelabur dari dalam mahupun luar negeri. Oleh itu, Kerajaan telah menyediakan berbagai galakan ataupun insentif bagi terus menarik lebih banyak lagi pelaburan di dalam bidang industri. Dalam hal ini, Akta Galakan Pelaburan yang baru dibentangkan di dalam Dewan ini adalah bertujuan untuk memberikan galakan yang lebih menarik kepada para pelabur. Di samping itu juga saya percaya Akta baru ini akan memudahkan lagi prosedur mendapat dan memberi galakan kepada pelabur-pelabur yang layak. Oleh yang demikian, saya percaya Akta ini tidak mengganggu iklim pelaburan. Kerajaan sentiasa mengkaji Akta Penyelarasan Perindustrian supaya ianya dapat terus menggalakkan pelaburan di negara ini di samping menyelaraskan pembangunan perindustrian yang teratur. Sepertimana semua Ahli Yang Berhormat sedia maklum, baru-baru ini (iaitu pada bulan Disember, 1985) Kerajaan telah pun mengumumkan dan melaksanakan beberapa pindaan kepada perjalanan Akta tersebut bagi

melonggarkan kawalan dan menggalakkan lagi pelaburan dan pertumbuhan industri.

Sukacita saya memaklumkan bahawa pindaan-pindaan dan kelonggaran-kelonggaran tersebut telah disambut baik oleh pihak pelabur dan juga oleh bakal-bakal pelabur. Sungguhpun demikian, saya suka menekankan di sini bahawa Akta tersebut akan terus dikaji oleh pihak Kerajaan dari masa ke semasa untuk menentukan tidak wujudnya peraturan-peraturan yang menghalang pelaburan di negara kita.

Kerajaan juga bersetuju bahawa dalam menggubal ataupun mengubah mana-mana dasar, kita hendaklah sentiasa sensitif kepada iklim pelaburan supaya ianya tidak terganggu. Dalam hal ini, pihak Kerajaan sentiasa mendapatkan pendapat dan pandangan daripada pihak swasta dalam apa jua rancangan berhubung dengan dasar perindustrian ataupun iklim pelaburan supaya ianya selaras dengan matlamat Kerajaan untuk menggalakkan perindustrian dan juga pelaburan.

Mengenai teguran Ahli Yang Berhormat daripada Kepong bahawa menyokong pembangunan industri tayar adalah tidak rational kerana tidak ada industri pengguna keluaran tersebut yang besar di negara ini, dan cadangan beliau memberikan sepenuh tumpuan kepada industri kecil, saya ingin memaklumkan untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah pun merancang untuk memberikan sokongan bagi mengembangkan industri tayar tempatan dengan tumpuan kepada peningkatan penggunaan sumber getah yang dihasilkan sehingga ianya berjaya mencapai paras eksport sejumlah \$1,000 juta menjelang tahun 1990. Walaupun angka yang dituju itu adalah tinggi tetapi Kerajaan, melalui

sokongan dan usaha gigih pengusaha-pengusaha dan syarikat-syarikat tayar tempatan untuk berkembang, berkeyakinan untuk berusaha bagi mencapainya. Langkah ini adalah sebagai salah satu usaha untuk membangunkan industri berasaskan sumber tempatan serta meningkatkan nilai tambah yang tinggi ke atas hasil keluaran eksport negara. Industri tayar memerlukan pelaburan yang tinggi serta teknologi yang termoden untuk bersaing dengan berkesan di pasaran antarabangsa. Oleh itu, adalah tidak bersesuaian sekiranya ia diberi kepada pengusaha-pengusaha kecil menjalankannya. Namun begitu, penglibatan pengusaha-pengusaha kecil masih diperlukan sebagai industri sokongan.

Mengenai Pelan Induk Perindustrian yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Kepong yang menyatakan bahawa industri kereta nasional telah terlewat selama tiga tahun dan sekarang menghadapi berbagai masalah, umpamanya pengeluaran kereta Malaysia terpaksa dikurangkan sebanyak 20% dan ini mungkin akan menjejaskan keuntungan industri tersebut, suka saya nyatakan bahawa Pelan Induk Perindustrian tidak ada menyatakan bahawa Projek Kereta Nasional telah terlewat dilaksanakan selama 3 tahun. Projek ini telah dirancang dengan teliti dan telah dilaksanakan dengan jayanya mengikut jadual. Pada masa ini projek tersebut berjalan dengan lancar dan pencapaiannya amat memuaskan tanpa menghadapi masalah yang besar.

Mengenai cadangan supaya diadakan industri farmasi, suka saya maklumkan bahawa industri farmasi telah pun lama wujud di negara ini tetapi hanya tertumpu kepada percampuran dan pengadunan daripada bahan mentah yang diimport. Pelan Induk Perindustrian telah pun mengenalpasti industri ini

sebagai salah satu industri yang wajar digalakkan secara lebih berintegrasi. ini akan dapat menjimatkan matawang asing.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan syor yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat dari kawasan Kepong bahawa Kerajaan sepatutnya melabur di negara-negara asing dengan tujuan memperolehi teknologi tinggi dari negara tersebut dan kemudian memindahkan teknologi itu balik ke Malaysia, ingin saya maklumkan di sini bahawa kemungkinan melabur di luar negeri adalah di dalam pertimbangan Kerajaan. Memandangkan pelaburan seperti ini memerlukan peruntukan yang besar dan ianya akan dijalankan setelah kajian yang teliti dibuat, maka Kerajaan hanya akan mengambil langkah-langkah yang sepatutnya pada masa yang bersesuaian.

Mengenai pertanyaan Yang Berhormat dari Pasir Puteh sama ada hakmilik saham Bumiputera sebanyak 30% boleh dicapai menjelang tahun 1990 dan permintaan beliau supaya melipat gandakan tenaga profesional Bumiputera untuk matlamat 30% milik saham Bumiputera, adalah dimaklumkan berasaskan pencapaian penyertaan Bumiputera di sektor korporat, adalah didapati paras pemilikan hakmilik Bumiputera di sektor ini masih lagi berkurangan daripada matlamat 30%. Memandangkan kita hanya mempunyai kira-kira 4 tahun lagi sebelum menjelangnya tahun 1990 maka tidak dapat dinafikan lagi betapa perlunya usaha-usaha dilipatgandakan untuk meningkatkan lagi paras hakmilik ini dengan seberapa banyak yang boleh. Di antara usaha-usaha yang sedang giat dijalankan oleh Kementerian ini ialah melalui skim-skim penyusunan semula ke atas industri-industri yang dilesenkan di bawah Akta Penyelarasan Perindustrian 1975 dan juga dengan

menggalakkan penyertaan yang lebih berkesan daripada golongan profesional Bumiputera di bidang pengedaran dan di dalam Lembaga-lembaga Pengarah Syarikat.

Di samping itu seperti yang diketahui, jabatan-jabatan Kerajaan yang lain juga secara langsung dan tidak langsung terlibat di dalam usaha-usaha untuk meningkatkan hakmilik saham Bumiputera, seperti usaha-usaha yang sedang dijalankan oleh Jawatankuasa Pelaburan Asing yang sentiasa mengawasi dan menggesa syarikat-syarikat asing yang telah lama berada di negara ini untuk menyusun semula ekuiti masing-masing selaras dengan matlamat Dasar Ekonomi Baru.

Mengenai cadangan supaya Perbadanan Perindustrian Kecil patut ditubuhkan oleh kerana perindustrian kecil perlu memainkan peranan utama, sememangnya menubuhkan satu agensi yang berasingan untuk merancang, menggalak dan memajukan serta mengendalikan semua perkara mengenai perusahaan-perusahaan kecil sebagaimana yang terdapat di negara-negara tertentu adalah merupakan satu langkah yang ideal, kerana perindustrian kecil memainkan peranan yang utama. Walau bagaimanapun, menubuhkan satu agensi yang berasingan ini adalah merupakan satu perkara yang tidak praktikal buat masa ini kerana Kerajaan sudahpun menubuhkan berbagai-bagai agensi untuk mengendalikan bidang-bidang tertentu berhubung dengan penggalakan dan pembangunan perusahaan kecil dan adalah tidak wajar bagi Kerajaan untuk memberikan semua tugas-tugas ini kepada satu agensi yang bakal ditubuhkan itu. Di samping itu agensi-agensi yang sedia ada juga telah ditubuhkan oleh Kerajaan untuk memenuhi banyak tugas-tugas lain

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Perusahaan Utama berterima kasih kerana ramai di antara Ahli-ahli yang telah menyuarakan pandangan dan buah fikiran tentang cara untuk mengatasi kejatuhan harga barangan utama yang sedang berlaku sekarang. Terhadap segala syor yang dikemukakan, Kementerian akan memberi pertimbangan yang sewajarnya, tetapi dalam hal ini juga, saya ingin menekankan bahawa masalah yang dihadapi ini berpunca dari stok yang berlebihan bagi semua barangan di pasaran dunia.

Satu cara bagi Malaysia dapat mengatasi masalah ini ialah dengan meningkatkan mutu pengeluaran supaya barangan kita bertanding dan bersaing dengan lain-lain negara dan ini akan hanya tercapai jika cara pengeluaran itu berpandukan kepada aspek-aspek yang moden dan lebih cekap daripada apa yang ada sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam perbahasan ini. Sekiranya ada terdapat perkara-perkara yang dibangkitkan yang saya tidak dapat jelaskan sepenuhnya, Kementerian Perusahaan Utama akan mengambil ingatan dan perhatian akan perkara-perkara yang berkenaan serta mengambil tindakan yang sewajarnya di mana perlu bagi menyelesaikannya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Jemput Yang Berhormat Menteri Tenaga, Telekom dan Pos.

*5.05 ptg.*

**Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Datuk Leo Moggie anak Irok):** Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang ada menyentuh beberapa perkara di

bawah kawalan Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos.

Tuan Yang di-Pertua, satu daripada perkara yang dititikberatkan di dalam Rancangan Malaysia Kelima ialah Kerajaan akan terus menentukan kemudahan-kemudahan asas disediakan. Sememangnya kita tidak dapat menafikan bahawa perkhidmatan telekomunikasi atau pos atau pembangunan tenaga adalah penting dalam sosio ekonomi negara kita. Selaras dengan ini Kementerian juga sedang mengambil beberapa langkah untuk memastikan perkhidmatan-perkhidmatan tersebut dapat disediakan dengan lebih cekap dan berkesan. Walaupun negara kita Malaysia kaya dengan sumber-sumber tenaga seperti minyak dan gas asli, kita tidak dapat menafikan bahawa sumber-sumber ini satu hari nanti akan kehabisan. Oleh yang demikian, sumber-sumber tenaga lain perlu dicari agar pembangunan negara kita tidak akan merosot atau terjejas.

Bagi menentukan hasrat ini tercapai, sumber tenaga yang boleh diperbaharui seperti sumber haidro perlulah dibangunkan dan ke arah ini di samping membangunkan projek haidro yang lain termasuk projek-projek mini-haidro Kerajaan pada prinsipnya telah pun meluluskan pelaksanaan Projek Haidro Bakun kerana menurut kajian kemungkinan, projek ini adalah didapati ekonomik dan akan mendatangkan banyak manfaat kepada negara dan rakyat dalam jangkamasa yang panjang. Benar ada segelintir atau satu kumpulan yang kecil yang menentang pembinaan Projek Haidro Bakun ini. Kononnya kata mereka, ini akan mendatangkan kesusahan kepada rakyat. Tetapi menurut kajian yang dibuat oleh kumpulan pakar, pembinaan projek ini sebaliknya akan mendatangkan banyak faedah dan manfaat kepada rakyat kita.

mengumumkan bahawa Lembaga Letrik Sabah akan mengubahsuaikan struktur tarifnya dan mengurangkan kadarnya yang mana secara purata ialah sebanyak 10% dari kadar sekarang. Pengubahsuaian struktur dan penurunan kadar tarif ini akan dikuatkuasakan dari kegunaan elektrik mulai esok, iaitu pada 1hb April, 1986 ini. Dengan penurunan kadar ini, adalah dijangka bahawa pengguna-pengguna elektrik di negeri Sabah akan menikmati bayaran tarif yang lebih rendah. Secara amnya penurunan kadar tarif ini dapat diringkaskan seperti berikut:

- (i) Pengguna-pengguna domestik akan menikmati penurunan tarif sebanyak 5% secara purata;
- (ii) Pengguna-pengguna perdagangan akan menikmati penurunan tarif sebanyak 10% secara purata;
- (iii) Pengguna-pengguna industri akan menikmati penurunan tarif sebanyak 12% secara purata.

Satu perkara penting dalam pengkajian semula tarif Lembaga Letrik Sabah ialah pengkelasan semula hotel. Mulai dari esok, hotel-hotel akan diletakkan di bawah kategori khas yang mana kadar tarifnya adalah sama dengan pengguna-pengguna industri juga. Dengan berkuatkuasanya kadar tarif baru bagi negeri Sabah, adalah diharap akan dapat sekurang-kurangnya menolong meningkatkan pertumbuhan sektor industri terutamanya industri pelancongan di negeri itu.

Mengenai kadar tarif di Sarawak pula, inginlah saya memaklumkan bahawa urusan pembekalan elektrik masih lagi di bawah tanggungjawab pihak Kerajaan Negeri Sarawak. Oleh

itu saya tidak dapat berbuat apa-apa kerana ia adalah di luar tanggungjawab Kementerian ini. Walau bagaimanapun, dari maklumat-maklumat yang telah diterima, pihak SESCO telah pun mengambil tindakan untuk menurunkan tarifnya sebanyak 1 sen seunit bagi setiap kategori pengguna di negeri Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, bersabit dengan telekomunikasi, saya cuma menyentuh tentang penswastaan Jabatan Telekom Malaysia. Soal penswastaan Jabatan Telekom ini sudah dinyatakan beberapa kali di Dewan yang mulia ini dahulu. Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, Kerajaan telah pun memutuskan supaya Jabatan Telekom diswastakan. Mudah-mudahan dengan terlulusnya Rang Undang-undang berhubung dengan pindaan kepada Akta Pencen yang sedang dibentangkan dalam Dewan ini sekarang, maka JTM akan dapat diswastakan selewat-lewatnya pada 1hb Ogos, 1986.

Seperti juga saya telah diterangkan berulang kali, staf Jabatan Telekom Malaysia akan ditawarkan berkhidmat dengan Syarikat Telekom Malaysia Berhad atas terma dan syarat perkhidmatan yang tidak kurang baiknya daripada apa yang dinikmati sekarang. Sebagaimana yang Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, jaminan ini telah diperuntukkan dalam Akta Telekomunikasi (Syarikat Pengganti) 1985 yang telah pun diluluskan oleh Dewan ini dalam persidangannya dalam bulan September, 1985. Semua staf Jabatan Telekom akan diberi opsyen sama ada memilih untuk berkhidmat dengan Syarikat Telekom Malaysia ataupun memilih menerima pencen dan ganjaran serta kemudahan-kemudahan lain di bawah penghapusan jawatan jika mereka tidak mahu berkhidmat dengan

Syarikat Telekom Malaysia. Bagi mereka yang ingin berkhidmat dengan Syarikat Telekom Malaysia, mereka sekali lagi diberi pilihan sama ada untuk berkhidmat di bawah Skim A iaitu satu skim bentuk Kerajaan ataupun Skim B iaitu skim Syarikat itu sendiri.

Bagi mereka yang memilih untuk berkhidmat di bawah Skim A, iaitu skim berbentuk Kerajaan, mereka adalah dianggap sebagai kakitangan STM tetapi mereka akan terus menikmati gaji, elaun dan kemudahan-kemudahan lain sebagaimana yang dinikmati oleh pegawai Kerajaan. Sebarang perubahan gaji di sektor Kerajaan akan dinikmati oleh mereka ini. Tetapi mereka tidak berhak mendapat bonus ataupun saham Syarikat jika Syarikat memutuskan mengeluarkan bonus atau saham kepada pekerjanya. Mereka yang memilih Skim A ini juga diberi tempoh 2 tahun sahaja untuk memilih semula memasuki Skim B. Untuk menerima kemudahan pencen, ganjaran serta kemudahan-kemudahan lain, mereka dikehendaki berkhidmat secara berterusan dengan STM selama tidak kurang daripada 5 tahun.

Bagi mereka yang memilih Skim B pula mereka akan disarakan mengikut Seksyen 12A Akta Pencen 1980 yang mana dipinda oleh Akta Pencen (Pindaan) 1985 dan pencen mereka dibekukan sehingga mereka mencapai umur persaraan pilihan (45 tahun bagi wanita dan 50 tahun bagi lelaki) dengan syarat pada tarikh sebelum mereka memasuki perkhidmatan STM mereka telah disahkan dalam jawatan dan mereka hendaklah berkhidmat sekurang-kurangnya 5 tahun dengan STM.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan Perkhidmatan Pos pula, Jabatan Perkhidmatan Pos telah mengatur beberapa rancangan dalam

tempoh Rancangan Malaysia Kelima untuk memperluas dan mempermodernkan lagi perkhidmatannya supaya dapat memberikan perkhidmatan yang lebih sempurna kepada orang ramai.

Salah satu daripada tindakan bagi mempermodernkan perkhidmatan operasi Jabatan Pos ialah memperkenalkan sistem pengisihan surat secara otomatis dan pengenalan ini adalah dilakukan dengan secara berperingkat-peringkat iaitu dijangka selesai dalam tempoh 5 tahun di seluruh negara.

Di samping itu juga, tindakan akan diambil untuk melengkapkan pejabat-pejabat pos dengan alat-alat mesin kaunter yang moden dan diharap dengan cara ini Jabatan Perkhidmatan Pos akan dapat memberikan perkhidmatan yang lebih cekap dan pantas.

Tuan Yang di-Pertua, kesemua langkah-langkah yang seperti saya sebut tadi adalah semata-mata untuk tujuan memperbaiki kedudukan kemudahan asas negara kita. Kita akan melaksanakan program dengan pandangan yang terbuka dan sekiranya cara yang telah diamalkan dahulu perlu diubah, Kerajaan akan bersedia membuat perubahan, termasuk misalnya untuk memperluaskan pelaksanaan penswastan dalam bidang bukan sahaja telekomunikasi bahkan juga elektrik dan pos. Sebenarnya, Kerajaan telah pun bersetuju untuk menswastakan penjaan kuasa elektrik di Sepangar Bay di Sabah di mana ianya diharap akan dapat menjadi kenyataan dalam tahun ini. Kementerian saya juga telah mengarah Lembaga Letrik Negara supaya melantik juruperunding bagi membuat kajian tentang sama ada sebahagian daripada operasinya itu boleh atau tidak diswastakan kemudian kelak.

Dengan usaha-usaha ini, Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengucapkan terima kasih lagi kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah berucap menyentuh perkara-perkara di bawah Kementerian ini. Walaupun saya tidak menjawab satu persatu komen-komen yang telah disampaikan, ianya akan diberi perhatian oleh Kementerian.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

6.14 ptg.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (Tuan Awang bin Jabar):** Tuan Yang di-Pertua, saya bagi pihak Kementerian mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat di atas teguran dan cadangan-cadangan mereka di dalam perbincangan dua, tiga hari yang lalu.

Berkenaan dengan cadangan Ahli Yang Berhormat dari Batang Padang yang telah bertanyakan langkah-langkah yang diambil untuk menambahkan jumlah pengambilan belia-belia ke pusat latihan dan juga cadangan dari Ahli Yang Berhormat dari Matang bahawa Kementerian perlu menambahkan bilangan pusat-pusat latihan di negara ini, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan memang ada cadangan untuk membina beberapa buah pusat latihan belia yang baru di bawah Rancangan Malaysia Kelima. Di samping itu, Kementerian akan menambah kemudahan-kemudahan di pusat-pusat latihan belia yang sedia ada.

Bagi belia-belia yang tidak terpilih mengikuti kursus-kursus di pusat latihan tersebut, mereka juga berpeluang mengikuti program-program lain seperti program latihan sambil bekerja dan latihan kemahiran

tempat-anjuran Kementerian. Di antara jurusan-jurusan yang boleh diikuti oleh belia-belia tersebut adalah seperti kursus motor-mekanik, memperbaiki radio dan TV, persolekan, mendandan rambut, jahitan, kraftangan, membatik, memelihara lebah dan lain-lain.

Ahli Yang Berhormat dari Matang juga telah mencadangkan supaya Kementerian bekerjasama rapat dengan pihak swasta untuk mengadakan projek-projek latihan kemahiran kepada belia-belia. Projek-projek seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat memang ada dilaksanakan oleh Kementerian. Sebagai contohnya, pembinaan lebuhraya dan program latihan sambil bekerja yang melibatkan syarikat-syarikat swasta dan juga latihan kemahiran di Pusat Latihan Belia Skudai, Johor di bawah perjanjian antara Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan KOBENA. Kementerian akan terus berusaha menambahkan lagi bilangan pelatih-pelatih untuk mengikuti program-program tersebut.

Ahli Yang Berhormat dari Tampin telah mencadangkan bahawa Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Kementerian Pertanian mempelbagaikan kegiatan pertanian, agar belia-belia dapat melibatkan diri dalam bidang ini.

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan memang sentiasa bekerjasama rapat dengan Kementerian Pertanian dalam usaha menyelaras dan memperbanyakkan lagi program dan bilangan belia melibatkan diri dalam sektor ini. Antara usaha-usaha yang melibatkan Kementerian Pertanian dalam program belia termasuklah khidmat mengenalpasti kawasan-kawasan projek yang berpotensi dan juga

khidmat bimbingan teknikal serta program-program latihan lain. Di samping itu, di bawah Rancangan Malaysia Kelima, Kerajaan akan memberi peruntukan bagi Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan meneruskan pelaksanaan rancangan-rancangan belia peladang. Pelaksanaan rancangan tersebut akan melibatkan beberapa agensi Kerajaan yang berkenaan.

Berhubung dengan cadangan Ahli Yang Berhormat dari Pekan yang meminta Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan menubuhkan brigid belia, saya kurang pasti tujuan brigid belia ini. Walau bagaimanapun, Kementerian saya sedang melaksanakan satu projek dinamakan Perkhidmatan Sukarelawan Negara. Projek ini yang bermula pada tahun ini adalah bertujuan antara lain untuk menggembeling tenaga belia bagi pembangunan negara melalui khidmat sukarela untuk menanam dan mengembangkan semangat berkhidmat kepada masyarakat dan negara, untuk menimbulkan kesedaran dan kefahaman masalah masyarakat luar bandar dan membantu mereka mencari jalan penyelesaian, untuk memperkenalkan dan meningkatkan penggunaan teknologi yang bersesuaian kepada masyarakat luar bandar dan membantu masyarakat luar bandar memahami dasar dan program pembangunan serta merebut peluang-peluang yang ada.

Pada tahun ini, Kementerian saya akan mengambil 20 orang sukarela dan peluang ini terbuka kepada belia-belia dan orang-orang lain yang mempunyai kemahiran dan pengalaman dalam bidang-bidang yang tertentu. Program ini sambil membantu usaha Kerajaan dalam pembangunan masyarakat, ia juga adalah merupakan satu langkah untuk mengurangkan pengangguran.

Berkenaan dengan kegiatan rekreasi dan kecergasan, Ahli Yang Berhormat dari Pekan mencadangkan bahawa Kerajaan menanam semangat penerokaan (adventureism) kepada belia-belia di negara ini. Kementerian saya memang sedar tentang pentingnya belia-belia ditanamkan dengan semangat ini agar mereka bersifat lebih aktif dan cergas dalam daya hidup mereka. Bagi maksud ini, Kementerian telah menganjurkan suatu pergerakan kebangsaan yang diberi nama Malaysia Cergas. Ini adalah bertujuan untuk menanam dan memupuk nilai-nilai dan norma-norma hidup adventures di kalangan belia-belia kita agar kesungguhan dalam menghadapi cabaran hidup masa kini dan di samping mencapai objektif kesihatan dan integrasi. Bagi mencapai objektif ini, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan akan mempergiatkan lagi kursus-kursus kepimpinan dalam bidang kegiatan luar seperti kursus-kursus mendaki bukit dan gunung, tracking, pengembaraan di air dan di darat, kegiatan-kegiatan perkemahan dan sebagainya yang berhubung dengan cabaran alam.

Berhubung dengan kebudayaan, Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh telah menyentuh mengenai pelaksanaan Dasar Kebudayaan Kebangsaan. Beliau mencadangkan bahawa ini perlu mencerminkan ciri-ciri keMalaysiaan dan dapat menunjukkan identiti Malaysia serta dapat menolong mengeratkan perpaduan dan integrasi kaum.

Ahli Yang Berhormat dari Sungai Besi menyatakan bahawa ciri-ciri budaya kaum yang sesuai dimasukkan dalam kebudayaan kebangsaan.

Tuan Yang di-Pertua, matlamat Dasar Kebudayaan Kebangsaan iaitu untuk mengukuhkan perpaduan, mewujudkan keperibadian

kebangsaan dan meninggikan kualiti kehidupan kemanusiaan yang seimbang dengan pembangunan sosio ekonomi adalah jelas. Segala usaha dan gerakan ke arah pembinaan memerlukan kesungguhan, minat dan tanggungjawab semua pihak. Penglibatan berbagai agensi, pertubuhan dan individu akan membantu mencapai hasrat yang dicita-citakan itu. Kebudayaan kebangsaan hendaklah benar-benar difahami sebagai lambang kebangsaan yang dapat menimbulkan emosi rasa kepunyaan, kecintaan dan kebanggaan terhadap kekayaan mengikut lunas-lunas Perlembagaan dan Rukunegara. Ia merangkumi ciri-ciri penting mengenai Perlembagaan serta institusi-institusi kebangsaan yang mengatasi kebudayaan perkauman dan sukuan.

Wujudnya ciri-ciri umum seperti Bahasa Malaysia sebagai Bahasa Kebangsaan, Rukunegara, Bendera Malaysia, Perlembagaan Negara dan Kedaulatan Raja telah sedia menunjukkan kepada kita tenaga-tenaga terpenting ke arah penyatuan rakyat serta penonjolan identiti Malaysia. Perpaduan diperlukan oleh semua bangsa. Ini boleh dicapai melalui usaha-usaha pemupukan nilai-nilai budaya yang sama yang telah pun diusahakan selama ini. Begitu juga telah pun ada unsur-unsur luar yang sesuai dan wajar dengan budaya rantau ini diterima dalam amalan harian melalui berbagai proses. Perkembangan dan kemajuan Bahasa Malaysia umpamanya berkembang dan dimantapkan dalam proses yang sama. Bahasa Malaysia telah menerima berbagai perkataan dari bahasa-bahasa lain, hasil pertembungan budaya yang saling menerima dan mengukuhkan perbendaharaan kata. Hari ini makanan seperti "yong tau fu", "mee", "tom yam", "capati", "thandoori" dan "roti" telah menjadi

makanan rakyat Malaysia. Songkok pula bukan berasal dari sini, tetapi diubahsuai dari India dan Pakistan telah dijadikan pakaian kepala yang rasmi, dengan bentuknya tersendiri membawa identiti Malaysia, bukannya lagi India atau Pakistan padahal kita memiliki ratusan jenis pakaian kepala yang lain seperti setanjak, dasar, semutar dan lain-lain yang dipakai mengikut suasana dan keadaan adat istiadat.

Kepada perkembangan dan usaha-usaha yang ada sekarang, kesedaran dan komitmen serta kerjasama pelbagai pihak negara ini dan bandaraya Kuala Lumpur khususnya sedang menuju ke arah pembentukan imej sebuah kota yang berwajah Malaysia, beridentiti Malaysia. Perkembangan positif kian dirasa dengan lahirnya usaha-usaha penamaan jalan-jalan, taman-taman perumahan, penamaan jenis-jenis pokok, tradisi serantau, kempen kebersihan dan seni persekitaran, pembinaan institusi-institusi budaya dan ciri-ciri senibina yang mengambil kira unsur-unsur tempatan memperlihatkan perkembangan ke arah keperibadian atau wajah Malaysia. Cuma kita perlu dorongan lagi kesedaran komitmen dan keamanan. Masalah kebudayaan adalah persoalan keperibadian, maknanya bila melihat Malaysia mestilah dikenali dari imej budaya dalam pakaian, seni persembahan, bahasa negara, identiti pemerintahan, adat resam, kesatuan nilai dan norma yang dikongsi bersama oleh rakyatnya. Tidak timbul pemisahan sumbangan budaya berbagai kaum dalam hal persamaan nilai kerana masing-masingnya boleh memberi dan menerima. Contohnya kesopanan, kesusilaan, ketaat-setiaan, bersih, cekap, hormat dan lain-lain adalah nilai-nilai norma budaya kita bersama. Masalah sekarang hanyalah masalah pengisian, masalah kurangnya

kesefahaman dan kesedaran yang rendah di kalangan masyarakat dan pihak-pihak tertentu. Masih ada golongan yang menyamakan kebudayaan dengan kesenian. Kesenian pula disempitkan yang hanya dirujuk kepada seni tari dan seni muzik sahaja, lantas dianggap sebagai hiburan. Sebab itulah apabila mereka membahaskan tentang kebudayaan kebangsaan, seni tari atau muzik diambil sebagai perkara pokok tidak kepada soal-soal kebudayaan yang lebih luas sifatnya.

Bagaimana dengan aspek-aspek budaya yang lain seperti yang disebutkan tadi ke arah meningkatkan kemajuan bahasa dan persuratan nilai dan norma, ketaatan, kecintaan kepada negara dan bersopan santun dan kesenian seperti seni tampak, seni bina, seni ukir, kraftangan, pakaian, makanan dan sebagainya. Dengan titik-tolak sedemikian tentulah sesuatu perbincangan atau pelaksanaan tidak mencapai hasrat yang dicita-citakan malah bertambah rumit.

Perlu juga disedari bahawa nilai-nilai budaya murni, nilai-nilai budaya positif seperti bersih, kepimpinan, tradisi ilmu, hormat menghormati, berbudi bahasa, rajin, sabar, berakhlak mulia adalah perkara-perkara yang hendak kita pupuk. Sebaliknya nilai-nilai negatif seperti tmak, membazir, sombong, angkuh, biadap, berkelakuan tidak sopan adalah nilai-nilai budaya yang ingin dihapuskan supaya lahir masyarakat yang berdisiplin, bermoral dan bermaruah. Semua bangsa malah semua agama inginkan nilai-nilai murni tersebut. Usaha pembinaan Kebudayaan Kebangsaan sebenarnya juga usaha pembentukan warganegara dan pembinaan negara Malaysia dengan nilai-nilai progresif dan positif tadi.

Penubuhan institusi atau infrastruktur budaya, muzium-muzium negeri, memorial seperti Memorial Pengisytiharan Kemerdekaan, pustaka-pustaka, seperti Pustaka Peringatan P. Ramlee, perpustakaan-perpustakaan, pusat-pusat seni adalah usaha pengekalan, penggalakan, dan pengembangan warisan budaya dan pembinaan identiti Malaysia. Seni bina yang mengambilkira dekorasi dalaman, persekitaran berdasarkan budaya tempatan, pakaian, muzik dan makanan memang sering ditekankan dan ini telah wujud umpamanya di dalam industri perhotelan.

Sistem Penerbangan Malaysia (MAS) umpamanya juga telah diterapkan dengan ciri-ciri Kebudayaan Kebangsaan, sama ada melalui pakaian pramugari, hiasan dalam kapalterbang, penggunaan Bahasa Malaysia dan makanan yang dapat memberikan identiti Malaysia.

Kita akan selalu menekankan kepada kesenian yang berbagai seperti seni tampak, ukiran, lukisan, pahatan, tenunan, kraftangan berdasarkan flora dan fauna rantau ini yang kaya untuk mewujudkan identitinya sendiri yang membezakan kita dengan identiti di negara-negara lain.

Saya mengambil peluang ini juga untuk mengucapkan terima kasih sekali lagi kepada Ahli-ahli Yang Berhormat di atas pandangan-pandangan yang telah diberikan sepanjang perbahasan semalam. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada dua minit lagi, hendak minta Kementerian satu lagi pun berasa kepalang sangat. Jadi saya hendak berucap sedikit. Saya hendak memperingatkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, esok hari pada jam 2.00 petang, kita akan

mengadakan penggambaran beramai-ramai di Dewan Bankuasi dan saya haraplah Ahli-ahli Yang Berhormat semua dapat hadir pada esok hari. Pakaiannya ialah pakaian lounge suit ataupun pakaian kebangsaan.

Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan hingga pukul 2.30 petang esok.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.*